**Bil. 31**

**Selasa**
**22 Disember 2015**

**MALAYSIA**

# PENYATA RASMI PARLIMEN
# DEWAN NEGARA

**PARLIMEN KETIGA BELAS**
**PENGGAL KETIGA**
**MESYUARAT KETIGA**

# K A N D U N G A N

**MENGANGKAT SUMPAH** (Halaman 1)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**
Mengalu-alukan Pelantikan Ahli Baru (Halaman 1)

**USUL:**
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 (Halaman 20)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2015

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. " Datuk Abdullah bin Mat Yassim (Dilantik)
5. " Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
6. " Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. " Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
    - *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
11. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
12. " Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – Senator
    - *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
13. " Puan Hajah Azizah Binti Haji Harun (Dilantik)
14. " Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
15. " Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
16. " Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
17. " Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
18. " Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator*
    - *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
19. " Tuan Chia Song Cheng (Johor)
20. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
21. " Tuan Chong Sin Woon – Senator
    - *Timbalan Menteri Pendidikan*
22. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
23. " Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
24. " Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
25. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
26. " Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
27. " Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
28. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
29. " Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
30. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
31. " Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. " Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
34. " Tuan Koh Chin Han (Melaka)

35. Yang Berhormat Dato’ Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

36. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)

37. “ Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*

38. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)

39. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

40. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)

41. “ Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)

42. “ Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)

43. “ Dewan Rakyat. Mohd Nor bin Haji Monutty – (Selangor)

44. “ Dato’ Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)

45. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh Bin Tun Said Keruak – Senator
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*

46. “ Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)

47. “ Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)

48. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)

49. “ Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)

50. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)

51. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)

52. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

53. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)

54. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)

55. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)

56. “ Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)

57. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)

58. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)

59. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)

60. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)

61. “ Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)

62. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)

63. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)

64. " Datuk Yoo Wei How (Dilantik)

65. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)

66. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Negara**
Encik Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**
-

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**
Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juarah

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 22 Disember 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

## MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman

## PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

### MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI BARU

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan semula kepada Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman *[Tepuk]*

Tahniah saya ucapkan kerana hendak mendapat sambungan penggal kedua bukan senang dan juga kepada Yang Berhormat, saya mengenali Yang Berhormat sudah lama dan juga apabila telah dilantik pada penggal kedua, saya mengingatkan diri saya dan juga berkongsi pendapat dari Yang Berhormat, saya menyarankan supaya Yang Berhormat hendaklah betul-betul sebagaimana lafaz sumpah yang dibuat tadi, menyatakan akan memberi segala sedaya upaya, taat setia pada Malaysia dan juga mempertahankan dan melindungi Perlembagaan.

Yang Berhormat, penggal yang pertama saya sudah melihat prestasi Yang Berhormat tetapi saya hendak melihat, pertingkatkan, penambahbaikkan lagi kerana Yang Berhormat telah mengetahui dan tunjukkan tauladan yang baik, contohnya tidak payah baca-baca lagilah. Kalau dulu agak membaca, sekarang jangan baca lagi. Peraturan Mesyuarat menyatakan begitu. Tunjukkan perubahan Yang Berhormat dan juga masa kini sudah banyak berubah.

Orang hari ini begitu bijak pandai dan Ahli Dewan Negara sepatutnya lebih pandai daripada orang lain, mempunyai kebijaksanaan yang lebih kerana apa, Yang Berhormat yang membuat undang-undang. Undang-undang bila kita buat di Dewan yang mulia ini ialah satu undang-undang untuk negara dan untuk masyarakat. Bukan soal parti, bukan sekelompok ataupun mana-mana perkauman ataupun agama, keturunan dan sebagainya. Satu rang undang-undang negara Malaysia yang diterima pakai oleh masyarakat majmuk kita di negara ini.

Oleh itu Yang Berhormat mesti mencari pendirian, tidak emosional, tidak begitu semangat perkauman. Tunjukkan betul-betul sebagai warganegara Malaysia.

Yang ini saya selalu tekankan kerana di Dewan ini kadangkala terbawa-bawa juga dengan kalau sekiranya seseorang itu daripada kumpulan parti sekian, ataupun mewakili kaum sekian, jangan tumpukan kepada kaum itu sahaja kerana Yang Berhormat ialah Ahli Dewan Negara Malaysia. Maknanya keadaan Malaysia.

Undang-undang yang kita itu adalah yang baik, yang boleh diterima pakai. Kalau sekiranya ada sesuatu perkara yang difikirkan kontroversi ataupun tidak sepatutnya, Yang Berhormat boleh mengeluarkan kritikan, pandangan yang membina. Bukan bermakna Yang Berhormat tidak sokong, tapi sokong itu tapi dengan adanya pelbagai, maklum sajalah dalam sesuatu rang undang-undang itu macam-macam dia punya dan wajar ditegur. Di sinilah tempat menegur, bukan hendak menyokong membuta tuli saja. Saya bercakap dengan ikhlas kerana saya ingin melihat negara kita terus maju, aman dan damai. Setakat itu sahajalah amanat saya pada pagi ini dan seterusnya kita teruskan persidangan kita.

**■1010**

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan."

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa walaupun apa peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan, dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.]*

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**1.** **Dato' Goonasakaren A/L Raman** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kementerian mempunyai cadangan untuk membenarkan pengeluaran simpanan KWSP bagi tujuan membayar balik hutang kad kredit yang dlihat berat agar dapat membantu rakyat terutama golongan B40 yang terperangkap akibat hutang kad kredit, seperti mana pengeluaran bagi menyelesaikan hutang perumahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diwujudkan adalah untuk menyediakan simpanan persaraan bagi membiayai sara hidup ahli apabila telah bersara kelak. Sehubungan itu, cadangan membenarkan pengeluaran simpanan KWSP bagi tujuan membayar balik hutang kad kredit adalah tidak selaras dengan objektif dan prinsip Skim KWSP sebagai salah sebuah organisasi keselamatan sosial yang menyediakan simpanan untuk persaraan ahli. Tambahan pula, pengeluaran seperti ini akan mengurangkan simpanan dan menjejaskan kecukupan simpanan ahli untuk membiayai persaraan mereka kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di mana ia adalah khusus satu mekanisme untuk membantu individu yang menghadapi masalah pengurusan kewangan dengan nasihat untuk menyusun semula hutang dan membuat pelan pembayaran balik yang bersesuaian dengan keadaan mereka.

Setakat September 2015, lebih daripada 141,000 orang peminjam telah mendaftar dan dibantu di bawah program pengurusan hutang yang dikendalikan oleh AKPK. Sekian, terima kasih.

**Dato' Goonasakaren A/L Raman:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan berikut. Kajian Institut Kewangan Asia (AIF) tahun 2015 mendapati generasi muda rakyat Malaysia yang tergolong dalam kumpulan *Gen Y* hidup bergelumang dengan hutang dan 40 peratus daripada mereka berbelanja lebih daripada kemampuan. Responden berusia 20 tahun hingga 33 tahun mendapati golongan ini menghadapi tekanan kewangan dengan majoritinya hutang tunggakan sewa beli kenderaan selain daripada hutang kad kredit.

Soalannya, adakah selain daripada kaunseling, adakah sistem pengeluaran KWSP ini dapat dipanjangkan kepada pengeluaran-pengeluaran lain seperti membayar hutang tunggakan sewa beli kenderaan yang kini menjadi satu keperluan memandangkan bayaran-bayaran ini dapat dibuat terus kepada pihak bank seperti mana pinjaman perumahan.

Keduanya ialah, apa kaedah atau langkah-langkah kementerian untuk membantu dan menyelamatkan golongan *Gen Y* ini yang dikatakan sebagai pewaris bangsa dan negara. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator, daripada segi pendidikan, sebenarnya kerajaan memahami bahawa pendidikan adalah penting untuk meningkatkan terutamanya keupayaan bagi mengurus kewangan kerana ia satu kemahiran hidup yang penting bagi setiap individu.

Maka daripada segi pendidikan, Bank Negara Malaysia telah menjalankan program pengurusan wang Ringgit *under* POWER dalam *shortform,* dengan izin, yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia. Sejak pelancaran POWER ini pada tahun 2010 hingga September 2015, lebih daripada 267,000 orang pengguna telah menghadiri program ini. Program ini mempunyai tujuan untuk caranya:

(i) membuat analisis dan menguruskan aliran tunai peribadi atau keluarga;

(ii) memastikan hutang pada tahap yang mampu diurus; dan juga

(iii) pertimbangan dan proses utama yang perlu difahami oleh bakal peminjam apabila mereka mendapat pembiayaan untuk membeli rumah dan kereta atau kemudahan kad kredit untuk kegunaan peribadi. Ini adalah daripada segi pendidikan.

Daripada segi pengeluaran, sebenarnya Ahli Yang Berhormat Senator harus memahami daripada segi wang yang ada di KWSP, bukan 100 peratus boleh digunakan untuk bayaran pinjaman perumahan.

Ia mempunyai dua buah akaun iaitu Akaun 1, Akaun 2. Akaun 1 mempunyai 70 peratus daripada jumlah wang yang dicarum dan 30 peratus adalah di Akaun 2 di mana di Akaun 2 dikira dalam kategori prapersaraan di mana dalam Akaun 2, mereka boleh mengeluarkan tujuannya adalah untuk perumahan, kesihatan, pendidikan malah untuk tujuan haji.

Maka daripada segi permintaan Ahli Yang Berhormat Senator, untuk memasukkan lebih lagi daripada segi pengeluaran ini akan menjejaskan jumlah yang mencukupi untuk mereka bersara atau membayar daripada segi Akaun 2 yang tadi saya katakan. Pada masa sekarang, kerajaan masih tidak menetapkan bahawa Akaun 2 boleh digunakan untuk bayaran kad kredit atau bayaran pembelian kereta. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati kebelakangan ini terdapat cukup banyak golongan B40 yang diisytiharkan sebagai bankrap disebabkan kad kredit. Persoalan saya, adakah ada rancangan pihak kerajaan untuk menganjurkan syarat-syarat yang lebih ketat kepada mereka supaya kita dapat mengawal penggunaan kad kredit di kalangan golongan B40 ini. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Sebenarnya daripada segi pembangkang, banyak mempunyai persepsi yang salah yang mengatakan seseorang yang memohon kad kredit akan tentu diluluskan.

Pada masa sekarang, statistik daripada segi kelulusan adalah pada tahap 40 peratus hingga 50 peratus sahaja kerana Bank Negara telah menetapkan beberapa daripada segi syarat terutamanya daripada segi pendapatan dan jumlah kad kredit. Maka ini telah menolong daripada segi isu yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Bahkan kalau kita melihat daripada segi statistik untuk kad kredit daripada segi jumlah hutang isi rumah, dia adalah dalam kategori 4 peratus daripada jumlah daripada segi hutang isi rumah dan kadar pertumbuhannya telah menurun daripada segi peningkatan, di mana dulu ia meningkat sehingga 45 peratus tetapi dari tahun 2014 hingga tahun 2015, ia hanya meningkat sebanyak 2 peratus. Maka Bank Negara sentiasa memantau terutamanya mengenai hutang kad kredit. Sekian, terima kasih.

**2.** **Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) sejauh mana galakan agar para majikan memberi tumpuan pada skim aturan kerja fleksibel (FWA) yang memberi tempoh, tempat dan waktu berada di tempat bekerja terutamanya kepada pekerja wanita; dan

(b) adakah kementerian bercadang memperkenalkan satu undang-undang khusus berkaitan perlaksanaan aturan kerja anjal untuk dipatuhi oleh majikan di negara ini.

**■1020**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebelum itu saya hendak mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Senator Datuk Jamilah yang dilantik semula. Kedua, mengucapkan selamat datang Tuan Yang di-Pertua kepada pegawai-pegawai Maktab Penjara Malaysia, Kajang yang bersama dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebenarnya amat mengambil berat tentang masa depan dan kebajikan para pekerja bukan sahaja dari tempoh masa bekerja bahkan masa-masa atau pun mereka bekerja. Justeru itu, kerajaan telah memberikan kelonggaran dengan mengadakan peraturan tempoh bekerja ini, masa bekerja. Umpamanya waktu pekerja anjal di sektor awam yang telah pun dikeluarkan oleh kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan, Bil. 2, Tahun 2007 dan juga bagi sektor swasta kita ada aturan kerja fleksibel kepada pekerja swasta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan khusus Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, kerajaan amat menyokong agar semua majikan di negara ini memberi kelonggaran kepada semua pekerja mereka untuk mengimplementasikan *flexible work arrangement* di tempat kerja bagi menggalakkan keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan, *work life balance,* dengan izin. *Flexible work arrangement* ini bukan sahaja dapat memotivasikan pekerja untuk bekerja dengan produktiviti yang paling tinggi tetapi juga boleh menarik golongan *latent work force* atau pun pekerja yang terpendam ini untuk memasuki pasaran kerja. Pada masa yang sama aturan ini juga mampu untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam kategori kerja tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan negara dapat memaksimumkan guna tenaganya, kerajaan telah memasukkan ke dalam Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] di bawah Peraturan-peraturan Pekerja Separa Masa 2010. Peruntukan berkaitan kerja separa masa yang mana para pekerja yang tidak dapat bekerja secara sepenuh masa boleh menggunakan peluang ini untuk memasuki pasaran kerja.

Di samping itu, pihak kerajaan telah memperkenalkan *flexi job programs,* dengan izin, yang bertujuan untuk menggalakkan persekitaran kerja yang seimbang terutama kepada wanita yang berkerjaya tinggi dan pada masa yang sama mempunyai komitmen terhadap keluarga dan rumah tangga. Antara jenis-jenis *flexible work arrangement* (FWA), dengan izin, yang majikan boleh laksanakan ialah seperti berikut:

(i) *flexi hours,* dengan izin, iaitu ubah waktu kerja harian asalkan memenuhi keperluan waktu kerja seminggu, lapan jam sehari, iaitu 48 jam seminggu;

(ii) *job sharing,* dengan izin, iaitu kerja separuh masa di mana dua atau lebih pekerja berkongsi tanggungjawab dan upah yang diperolehi;

(iii) *reduce* atau pun *part time,* dengan izin, jumlah jam bekerja kurang daripada waktu kerja biasa;

(iv) *staggered hours,* dengan izin. Maknanya pekerja boleh mengubah waktu mula dan waktu tamat kerja mengikut jumlah jam pekerja biasa; dan

(v) *telecommuting,* dengan izin, bekerja dari rumah atau mana-mana selain pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan *flexi job programs* ini dilaksanakan oleh majikan, insentif cukai telah diperkenalkan oleh kerajaan seperti berikut:

(i) insentif cukai pertama, *Hiring and Training Women on Career Breaks* iaitu potongan cukai berganda bagi kos latihan yang ditanggung oleh majikan kepada para pekerja wanita Malaysia yang telah berhenti kerja sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun. Program latihan yang diberikan hendaklah disahkan oleh TalentCorp.

(ii) insentif cukai kedua, *implementing or enhancing flexible work arrangement* (FWA), dengan izin, di mana sebuah syarikat yang melaksanakan atau meningkatkan FWA yang disahkan oleh Talent Corp. layak mendapat potongan cukai dua kali bagi kedua-dua perunding dan kos latihan sehingga maksimum sebanyak RM500,000 setahun tertakluk kepada pengesahan daripada Kementerian Kewangan sehingga 36 bulan daripada tarikh pengesahan yang pertama diperoleh daripada TalentCorp.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pihak kerajaan menggalakkan sistem waktu kerja anjal ini ialah bagi menarik lebih ramai golongan wanita menyertai pasaran buruh dan juga bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Walau bagaimanapun, kemasukan pekerja asing sedikit sebanyak menghalang tujuan ini dan mengurangkan permintaan para majikan kepada pekerja separa masa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengenai soalan kedua, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sedang meneliti semua akta yang ada yang berkaitan dengan pekerja ini termasuklah tanpa bekerja dan masa mereka bekerja. Kita hendak melihat manakah faedah-faedah atau pun penambahbaikan yang boleh kita lakukan bagi memberikan lebih keselesaan dan kemudahan dan kebajikan kepada pekerja-pekerja kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu panjang lebar dan jelas. Soalan tambahan saya, di IPTA ini ramai pelajar wanita dan kalau mengikut statistiknya di Malaysia ini ramai wanita daripada lelaki tetapi bila sudah anak tiga ramai wanita ini yang berhenti bekerja. Jadi, soalan saya, apa langkah kementerian dalam merumuskan dasar transformasi dan anjakan baru jangka panjang dalam isu ini agar negara tidak berterusan hilang tenaga kerja daripada golongan wanita yang mungkin merencatkan ketidakseimbangan tenaga kerja terutama kategori mahir dalam mengharungi cabaran 2020. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator. Bahkan kalau kita lihat ramai daripada wanita ini mempunyai *qualification* atau pun kelulusan dan juga pengalaman yang cukup baik. Akan tetapi oleh sebab sifat wanita lebih melihat kebahagiaan rumah tangga, kebahagiaan keluarga mungkin lebih utama daripada yang lain, maka sebahagian mereka lebih menumpukan kepada pekerjaan, pada menjaga rumah tangga.

Namun demikian hasrat kerajaan pada tahun 2020, kita hendak mencapai tenaga kerja mahir 35 peratus. Jadi, sudah tentulah kedua-dua golongan ini, wanita dan juga lelaki perlu kita ketengahkan. Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 13.786 juta orang penduduk bekerja dan lelaki lebih kurang 8.484 juta. Manakala perempuan ialah 5.302 juta. Maknanya lebih kurang 5 juta orang penduduk kita wanita yang layak bekerja.

Oleh sebab itulah saya bersetuju dengan pandangan ini, kalau kita biarkan pengalaman terpendam ini atau kemahiran terpendam yang dimiliki oleh wanita ini tidak kita ketengahkan sudah tentulah kita akan menghadapi kekurangan pekerja wanita yang mahir, berpengalaman dan mempunyai *qualification* yang tinggi untuk memberikan sumbangan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya usaha kerajaan dibuat umpamanya *program home working* dengan menggalakkan mereka bekerja dari rumah. Saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini sebenarnya Kementerian Wanita bersama dengan kita juga bekerja bersama-sama bagi kita memastikan pekerja-pekerja wanita yang mempunyai kemahiran dan kelayakan ini dapat dikeluarkan kembali.

Oleh sebab itulah umpamanya di antara yang masih dilaksanakan sekarang bekerja dari rumah di mana pekerja wanita diberikan kerja sehari di rumah dalam seminggu. Maknanya katalah enam hari kita bekerja, satu hari kita benarkan mereka bekerja di rumah walaupun tiap-tiap hari kita bekerja 8 jam harian biasa dan sebahagian besar mereka berada di rumah tetapi satu hari diberikan.

**■1030**

*Flexible working hours* maknanya kita berikan keanjalan atau pun tolak ansur. Kemudian, waktu bekerja yang diubahsuai. Maknanya kita ada, sebab itulah kita minta supaya majikan memberikan fleksibiliti sedikit kepada pekerja-pekerja wanita kerana kita sayang. Di samping kita sayang mereka sebagai pekerja mahir yang perlu di negara kita tetapi kita juga sayang kepada keluarga dan anak-anak kerana kecuaian kasih sayang daripada ibu bapa menyebabkan anak dan keluarga mereka terbiar ataupun musnah. Itu mungkin lebih merugikan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. **Tuan Ramli bin Shariff** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, prosedur pemulihan secara sukarela yang diinginkan oleh penagih dadah dan penjaga mereka dipermudahkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan kuasa berdasarkan peruntukan-peruntukan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, dan Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 serta tertakluk kepada perintah tetap Ketua Pengarah yang telah digariskan. Prosedur penerimaan kemasukan klien secara sukarela ke pusat pemulihan melalui peruntukan seksyen 8(3)(a), Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 telah menerangkan dengan jelas berkenaan prosedur kemasukan klien secara sukarela.

Prosedur tersebut membenarkan setiap individu yang menghadapi masalah dadah dan disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar sebagai penagih dadah boleh dirujuk ke pusat pemulihan bagi tujuan rawatan tanpa perlu melalui prosedur mahkamah dan perintah majistret. Berikut adalah prosedur ringkas penerimaan klien secara sukarela melalui seksyen 8(3)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983:

(i) mana-mana penagih dadah boleh membuat permohonan untuk mengikuti rawatan sukarela kepada pegawai pemulihan;

(ii) bagi mana-mana permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 1, pegawai pemulihan hendaklah segera membuat permohonan menjalani ujian-ujian contohnya ujian saringan air kencing dan mendapat pengesahan pengamal perubatan berdaftar;

(iii) setelah persetujuan dia dimasukkan di bawah (2) dijalankan dan telah diperakukan oleh pengamal perubatan sebagai penagih dadah, pegawai pemulihan hendaklah memutuskan sama ada penagih dadah yang telah disahkan tersebut itu patut menjalani program rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dan diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai pemulihan di dalam komuniti atau lebih dikenali sebagai AADK Daerah;

(iv) syor atau keputusan tersebut telah dimaklumkan kepada klien atau penagih dadah tersebut. Setiap klien yang disyorkan ke pusat pemulihan apabila dibebaskan akan dirujuk kepada AADK Daerah bagi meneruskan program rawatan dan pemulihan dan tidak perlu melaporkan diri kepada mana-mana pegawai polis.

Terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Timbalan Menteri yang menjawab soalan ini. Kes penagihan dadah ini merupakan suatu masalah bagi setiap negara dan kosnya pula ditanggung oleh negara yakni rakyat negara itu sendiri. Saya percaya program pemulihan telah dirangka dan daripada informasi yang kita ketahui bahawa selepas melalui proses pemulihan, pesakit-pesakit ini kembali kepada tabiat penagihan. Jadi soalan saya, adakah ada langkah-langkah pembaharuan daripada semasa ke semasa dipertimbangkan dalam isu dengan izin, *repeat offenders.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang kita tahu kita tidak boleh mengawal bila adanya *repeat offenders*. Kalau kita mengikut program pemulihan dalam komuniti, program dalam *Cure & Care* Klinik 1Malaysia dan juga *Cure & Care Rehabilitation Centre* yang dikendalikan oleh AADK memang ada tiga proses pemulihan. Jadi bila mereka mengalami ataupun mengikuti kursus pemulihan, pelbagai kursus telah diadakan termasuk kaunseling individu, kaunseling keluarga, bimbingan kelas agama dan sebagainya.

Jadi, memanglah kita tidak mengharapkan sepenuhnya sekiranya ada mereka yang kembali. Akan tetapi kalau kita mengikut statistik yang ada misal kata yang *repeat offenders* ataupun *recidivism* kita boleh kenali sebagai *recidivism* Kalau mereka telah tidak kembali dalam lima tahun, maka pemulihan itu adalah berkesan dan yang selalunya *recidivism* ini berlaku dalam masa tidak lebih daripada lima tahun. Kalau sudah lima tahun, mereka tidak akan kembali ke kegiatan mengambil dadah. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mendapatkan penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri iaitu mengenai penggunaan dadah sintetik bagi tujuan pengurangan ketagihan di kalangan penagih.

Keduanya juga, saya ingin mendapatkan komen daripada pihak kementerian mengenai kebenaran daripada sesetengah negara kepada rakyatnya yang mengambil marijuana sebagai pengubatan alternatif mengurangkan sakit di kalangan pesakit kanser. Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Yang Berhormat Senator, soalan kedua tadi yang mengambil marijuana untuk mengurangkan sakit, saya tidak ada statistik mengenai ini. Akan tetapi yang pertama tadi mengenai penggunaan dadah sintetik, ia lebih dikenali sebagai Program *Methadone* iaitu mengurangkan ataupun bagi pemulihan penagihan yang menggunakan *Methadone* iaitu sejenis dadah gantian bagi merawat ketagihan dadah jenis opioid. Jenis *Methadone* ini dapat membantu mengurangkan ketagihan opioid, mengurangkan kesan sindrom tarikan dan membantu mengurangkan kesan psikologi serta emosi semasa proses pengenduran. Selain daripada itu, pengambilan *Methadone* dapat mengurangkan risiko jangkitan Hepatitis ‘B’, ‘C’ dan juga HIV atau AIDS melalui jangkitan jarum.

*Methadone* juga memberi harapan bagi setiap hari di mana penjelasan dos sekali sehari dapat menghentikan kesan kerosakan otak, menghalang kesan ketagihan dadah lain, mengurangkan kelakuan jenayah dan juga meningkatkan taraf hidup klien ataupun penagih dan membantu mengubah kehidupan penagih menjadi lebih bermakna dan produktif. Jadi ini salah satu cara kita mengurangkan kesan ke atas penagih dadah. Jadi cara *Methadone* ini boleh mengurangkan seperti yang saya telah sebutkan tadi.

Jadi untuk Program *Methadone* ini, selain daripada *facility* AADK yang lain seperti Klinik C&C tadi yang saya sebutkan, jadi pelbagai klinik atau *Cure & Care Service Centre* juga di seluruh negara pun ada. Jadi kalau ada kes penagih dadah yang ingin mengurangkan kesannya melalui *Methadone* ini juga boleh mencari tempat C&C di kebanyakan negara ini. Sekian, terima kasih.

**4.** **Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk memastikan harga buah-buahan tempatan kekal berpatutan kepada semua segmen penduduk.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Senator Chandra Mohan A/L S.Thambirajah. Sebagai menjawab kepada soalan Yang Berhormat Senator, sukacita saya memaklumkan bahawa harga buah-buahan tempatan boleh dikatakan stabil sepanjang tahun kecuali pada awal tahun di mana terdapat sedikit kenaikan harga. Selepas itu sepanjang tahun boleh dikatakan stabil.

Bagi tujuan meningkatkan pengeluaran buah-buahan negara supaya dapat memenuhi permintaan domestik dan secara tidak langsung memastikan harga juga kekal berpatutan dan stabil, beberapa program pembangunan buah-buahan telah dilaksanakan pada tahun 2014, tahun 2015 dan seterusnya bagi tempoh RMKe-11 akan datang. Antara program itu ialah program *cluster* tanaman durian di Batu Kurau, Perak dan di Raub, Pahang; kedua, program *cluster* tanaman rambutan di Daerah Baling, Kedah; dan ketiga, program kluster tanaman mangga harumanis di Perlis.

**■1040**

Objektif utama program ini ialah untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan yang terpilih bagi memenuhi permintaan domestik dan seterusnya meningkatkan produktiviti ladang dan memastikan harga yang stabil. Dalam pada itu, kementerian juga menggalakkan buah-buahan ini diproses untuk ditambah nilai supaya tidak berlaku lambakan di pasaran pada musim-musim terdapat bekalan yang banyak. Terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih atas jawapan tadi. Kalau kita tengok dari segala- daripada langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pengeluaran, maka harga akan stabil dan berpatutan. Akan tetapi soalan saya juga berkaitan dengan harga yang berpatutan. Berkaitan dengan satu lagi sumber makanan iaitu ikan. Kalau kita tengok harga ikan. Kalau kita tengok daripada segi *supply* pada tahun 2012, Ketua Pengarah *Fisheries* pernah cakap di Malaysia ini. Kita dah sampai tahap *self-sufficiency. In fact,* sebenarnya dia cakap kita perlu 700 *million* metrik tan tetapi pengeluaran kita 1.3 bilion tan.

Soalan saya berfokus kepada biasanya dalam *market*, kalau *supply* itu lebih dari *demand,* sepatutnya harga turun tetapi kita tidak nampak itu dalam pasaran ikan. Itu satu. Kedua, kalau kita ada *excess capacity* daripada ikan, *I* tidak tahu *figures* sekarang, ini berdasarkan pada 2012. Masa jumlah penduduk 28 *million*. Masa itu pun kita sudah import 30 peratus daripada kita punya keperluan ikan. *So,* soalan saya ialah bila kita sudah ada *excess capacity*, kita masih eksport. Ada dua soalan. Satu, adakah kita eksport *good quality* punya ikan dan simpan *low quality* punya untuk rakyat kita oleh sebab tekanan harga? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya minta maaflah untuk mengingatkan Yang Berhormat Senator soalan itu *out of context because,* dengan izin, *your original question* ialah minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan harga buah-buahan tempatan kekal berpatutan kepada semua segmen penduduk. Ini hal ikan, buat soalan lain akan datang. Terima kasih.

**Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana banyak menjawab mengenai soalan berkaitan pertanian. Soalan saya, saya ingin menarik perhatian mengenai pendekatan sesetengah negara luar mengatasi masalah lambakan hasil buah-buahan mereka. Memang betul mempelbagaikan produk dari buah-buahan dan membantu kejatuhan harga dan lebihan penawaran dalam pasaran. Namun, di sesetengah negara maju seperti di Australia, mereka membuat satu sistem mewajibkan sebelum setiap musim buah-buahan, peladang-peladang menghadiri satu taklimat khas oleh kementerian atau kerajaan mereka dan di situ mereka dimaklumkan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan, Yang Berhormat. Soalan. Terus kepada soalan.

**Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar:** ...Anggaran pengeluaran buah-buahan. Saya hendak bertanya, adakah sistem ini, pendekatan ini juga dibuat di negara kita, khususnya oleh Jabatan Pertanian dan FAMA? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, pengeluaran buah-buahan tempatan ini tidak mencukupi permintaan. Saya bacakan statistik di sini iaitu pengeluaran semua, 3.7 bilion nilai pengeluaran manakala permintaan dijangka 8.8 bilion. *A lot more.* Maknanya, kekurangan daripada segi pengeluaran tempatan. *So*, tidak timbul soal kita berlebihan daripada segi bekalan buah-buahan tempatan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat banyak buah luar negara diimport sebagai mengisi permintaan dan keperluan daripada pengguna-pengguna tempatan. Begitulah kedudukan yang sebenarnya. Terima kasih.

**5.** **Dato' Hoh Khai Mun** minta Menteri Kewangan menyatakan, bagaimana Bajet 2016 akan mengatasi kelemahan kewangan negara dan mengembalikan kerancakan ekonomi serta memperbanyakkan peluang pelaburan bagi pelabur tempatan dan juga asing.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membentangkan Bajet 2016 dengan pendekatan mikro ekonomik yang pragmatik dalam keadaan persekitaran luar yang amat tidak menentu berikutan kejatuhan ketara harga minyak mentah dunia, turun naik pasaran kewangan serta kelembapan ekonomi serantau yang memberi kesan kepada ekonomi negara dan kedudukan kewangan negara.

Dalam memastikan kedudukan kewangan kerajaan kekal kukuh dan ekonomi negara terus berkembang serta pelaburan terus meningkat, Bajet 2016 telah menggariskan beberapa pendekatan utama iaitu memperteguh ketahanan ekonomi negara, meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau, mempersiap siaga modal insan dan meringankan kos sara hidup rakyat. Justeru, Bajet 2016 digubal dengan mengambil kira sumber hasil Kerajaan Persekutuan, khususnya hasil berkaitan petroleum yang terhad. Terutamanya berikutan penurunan harga minyak mentah dunia (BRAN) sejak akhir tahun 2014. Dengan andaian purata harga BRAN pada USD48 setong pada tahun 2016, hasil Kerajaan Persekutuan dianggar berjumlah RM225.7 bilion.

Jangkaan hasil ini juga telah mengambil kira anggaran kutipan hasil GST sebanyak RM39 bilion berbanding dengan RM27 bilion pada tahun 2015.

Ini menunjukkan peningkatan hasil GST dapat mengurangkan impak penurunan hasil berkaitan petroleum selaras dengan usaha untuk mengembangkan asas cukai dan mempelbagaikan sumber hasil kerajaan. Dengan anggaran hasil ini, Bajet 2016 memperuntukkan sejumlah RM267.2 bilion atau RM215.2 bilion bagi perbelanjaan mengurus, manakala RM52 bilion adalah bagi perbelanjaan pembangunan. Sehubungan dengan itu, kerajaan menyasarkan paras defisit fiskal pada tahun 2016 pada 3.1 peratus daripada KDNK. Teras dasar fiskal komitmen kepada konsiderasi fiskal bagi mengurangkan defisit kerajaan ke arah mencapai bajet berimbang pada tahun 2020 serta terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan 2016, kerajaan akan terus melaksanakan langkah memperluaskan asas cukai dan rasionalisasi perbelanjaan. Antaranya, termasuk cadangan melaksanakan rasionalisasi subsidi secara berperingkat dan bersasar, pemberian bantuan persekolahan RM100 kepada pelajar sekolah rendah dan menengah secara lebih bersasar iaitu hanya kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan, khususnya melalui pelaksanaan *outcome based budgeting* serta mengutamakan semula program, projek dan aktiviti kerajaan mengikut penghasilan kesan berganda kepada ekonomi negara, terutamanya dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira teras dan langkah Bajet 2016 serta KDNK yang mencatat pertumbuhan sebanyak 5.1 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama 2015, kerajaan yakin ekonomi negara akan terus berkembang dan dijangka mencatat pertumbuhan antara 4 peratus hingga 5 peratus pada tahun hadapan.

**■1050**

Antara langkah merancakkan ekonomi dan pelaburan di bawah Bajet 2016 termasuklah meningkatkan aktiviti pelaburan domestik termasuk membangunkan projek *Malaysia Vision Valley* yang bernilai RM5 bilion, melaksanakan *Cyberjaya City Centre* di Cyberjaya dan membangunkan *Rubber City* di Kedah. Selain itu, kerajaan juga mempergiat pasaran modal dengan memberi insentif potongan cukai ke atas kos penerbitan sukuk *sustainable* dan *responsible investment* dan pengecualian *duty stamp* sebanyak 20 peratus ke atas Pembayaran Patuh Syariah untuk pembelian rumah.

Kerajaan juga mempergiatkan perubahan kecil dan sederhana dengan penambahan RM1 bilion bagi Skim Dana Pembiayaan PKS Patuh Syariah sehingga 31 Disember 2017 dan menubuhkan dana pinjaman mudah *SME Technology Transformation Fund* dan menambahbaik kemudahan infrastruktur logistik luar bandar dan telekomunikasi serta menyediakan pengangkutan awam yang efisien yang merupakan pemangkin kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin dengan pelbagai inisiatif strategik dalam Bajet 2016 serta langkah ke arah konsolidasi fizikal, ia tentu akan memperkukuhkan daripada segi keadaan ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hoh Khai Mun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memberikan penjelasan yang begitu baik dan soalan tambahan saya memandangkan negara Amerika Syarikat sudah menaikkan kadar faedah persekutuan mereka pada minggu lepas dan perkembangan ini memberi implikasi yang besar, bukan sahaja ke seluruh negara dan juga kepada dunia kita. Jadi soalan saya ialah apakah implikasi kepada ekonomi negara kita serta apakah tindakan kerajaan untuk melancarkan ekonomi negara untuk menarik lebih ramai pelaburan asing serta tempatan untuk mengatasi situasi sekarang. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya pada masa sekarang ada dua boleh dikatakan faktor luaran yang sebenarnya memberi impak kepada kedudukan atau daripada segi keadaan ekonomi negara kita. Seperti yang Ahli Yang Berhormat telah mengatakan terutamanya daripada kadar kenaikan untuk *interest* oleh *Federal reserve* di Amerika Syarikat dan yang kedua sebenarnya yang kita sedang memantau juga kejatuhan harga minyak.

Kedua-duanya mempunyai impak kepada negara kita khususnya daripada segi peningkatan kadar bunga, ia tentu akan menyebabkan daripada segi pelaburan khususnya ke negara Amerika Syarikat mungkin meningkat disebabkan daripada segi pasaran mereka yang besar dan juga daripada segi kita memahami kebanyakan perdagangan dilaksanakan dalam mata wang Amerika Syarikat.

Nombor dua, daripada segi impak sebenarnya kalau Amerika Syarikat telah meningkatkan kadar *interest* mereka ia juga menunjukkan bahawa keadaan ekonomi negara Amerika Syarikat semakin teguh. Ini sebenarnya ada juga membantu daripada segi perdagangan negara kita dengan negara Amerika Syarikat. Bahkan kita mengetahui negara kita sedang dalam perbincangan dan dalam bulan Januari akan membincangkan TPPA. Itu merupakan sesuatu yang penting khususnya kalau kita ingin menarik pelaburan seperti kajian yang ditunjukkan oleh ISIS dan juga PWC.

Ini akan ditentukan di dalam Parlimen sama ada kerajaan atau Malaysia memasuki TPPA yang merupakan sesuatu yang penting kerana di negara ASEAN sebenarnya selain daripada negara Malaysia terdapat juga negara Vietnam, Singapura dan Brunei. Kalau kita ingin menarik atau meningkatkan daripada segi daya saing negara kita, kita haruslah meneliti dan memahami daripada segi impak TPPA ini.

Daripada segi harga minyak penurunannya kerajaan akan memantau kerana kita sedia maklum Bajet 2016 adalah berdasarkan USD 48 setong. Setiap penurunan USD1 daripada segi harga minyak ini akan memberi impak sebanyak RM300 juta daripada segi pendapatan negara. Maka ia akan dipantau seperti pada tahun 2015, Januari, kerajaan telah mengumumkan satu boleh dikatakan daripada segi penglihatan bajet semula 2015 untuk memastikan dia dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pengkelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada pemerhatian saya, sekarang ini bank-bank telah menawarkan kadar faedah yang tingi bagi simpanan-simpanan tetap. Soalan saya, adakah ini menggambarkan keadaan masalah kecairan dalam pasaran tempatan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya daripada segi bank yang mengenakan kadar bunga yang meningkat. Ini jelas menunjukkan bahawa daripada segi setiap bank, sistem perbankan kita memang dipantau oleh Bank Negara. Pada masa sekarang daripada segi MPL-MPL yang kita melihat dia tidak meningkat secara mendadak. Maka keadaan pada masa sekarang masalah terkawal. Sekian, terima kasih.

**6**. **Datuk Lihan Jok** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan, kejayaan Malaysia dalam membawa inovasi bagi penyediaan makanan atau minuman untuk dieksport.

**Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, MARA tidak menjalankan perusahaan makanan dan minuman untuk dieksport. Sebaliknya MARA mewujudkan usahawan-usahawan bagi tujuan-tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, MARA juga telah menubuhkan Inkubator Teknologi Makanan MARA (INTEM) yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan validasi makanan mengikut peraturan yang ditetapkan di negara luar. Pusat inkubator secara berpusat ini ditubuhkan bertujuan untuk menterjemahkan inovasi dan inisiatif usahawan kepada realiti pengeluaran produk sebenar seperti membantu usahawan untuk menceburi atau meningkatkan aktiviti pengilangan produk, industri pembuatan makanan dengan memenuhi keperluan piawaian GMP ataupun HACCP di Inkubator Teknologi Makanan MARA (INTEM).

INTEM juga menempatkan 10 buah inkubator dalam pelbagai jenis makanan dan minuman dan dilengkapi dengan mesin serta peralatan berteknologi tinggi sebagai persediaan usahawan ke luar negara. Ia menggalakkan usahawan menggunakan teknologi moden dalam pengeluaran. Kualiti dan imej produk berasaskan makanan sekali gus dapat mewujudkan peluang-peluang perniagaan yang baru.

Ia juga mempunyai maklumat analisa mikro biologi dan kimia untuk membolehkan analisa makanan dijalankan seterusnya mematuhi peraturan, pelabelan, dan juga pemakanan antarabangsa. Ini merupakan sebahagian daripada fasiliti sokongan untuk membantu usahawan melaksanakan pembangunan dan modifikasi produk bagi menembusi pasaran eksport.

MARA turut melaksanakan program pemasaran dalam membantu usahawan mengikut produk ke peringkat global melalui aktiviti-aktiviti perdagangan dan ekspo sama ada dilaksanakan sendiri oleh MARA ataupun berkolaborasi dengan agensi-agensi lain seperti MATRADE di bawah MITI. Antara program luar negara yang disertai adalah seperti berikut;

(i) ekspo perdagangan;

(ii) misi perdagangan;

*(iii)* *business matching;* dan

(iv) *engagement* bersama usahawan pemasaran dewan-dewan perniagaan.

Melalui kerjasama MARA dan MATRADE seramai 20 orang usahawan telah dicalonkan oleh MARA untuk Program Go-Ex ataupun *Go Export* yang dilaksanakan oleh MATRADE. Antara usahawan-usahawan yang terpilih Tuan Yang di-Pertua saya bagi contoh di sini Herba Halus Trading dari Pulau Pinang yang mengeluarkan produk berasaskan herba, AJ Food Industries (M) Sdn. Bhd., Wilayah Persekutuan- produk mayones; Laras Marketing Sdn. Bhd dari Selangor – minuman kesihatan, pusat pembangunan reka bentuk Malaysia (DDEC) iaitu anak syarikat MARA juga telah membantu usahawan dalam meningkatkan inovasi atas produk makanan dan minuman melalui peningkatan pembungkusan reka bentuk dan imej produk tersebut.

**■1100**

Pada tahun 2015, melalui Program TRADEX Bumiputera *Export Business Programme,* kerajaan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM20 juta bagi membangunkan 20 orang usahawan dalam program yang sedang dilaksanakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita melihat industri pemakanan boleh menjanakan ekonomi negara. Jadi saya melihat kepakaran dalam membawa inovasi dalam penyediaan pemakanan itu amat penting daripada segi cara mana hendak mengekal khasiatnya, cara mana hendak mengawetnya dan tadi daripada segi pembungkusan.

Jadi kalau kita lihat kawasan luar bandar di Sarawak sudah muncul mulai menjadi sebuah kawasan yang boleh menjadi pusat kita menyediakan makanan, baik ternakan baik pun ikan khususnya di sekitar Tanjong Manis. Adakah hasrat kerajaan untuk menggalakkan golongan muda di Sarawak, usahawan-usahawan ataupun rancangan program sudah dijalankan di Sarawak untuk membangunkan industri pemakanan ini dengan pengenalan inovasi dalam penyediaannya. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Memang tidak dapat dinafikan industri makanan ini adalah merupakan satu usaha yang dipandang serius oleh pihak kerajaan dan kita juga telah menjalankan pelbagai kajian untuk memastikan bahawa makanan-makanan tempatan ini dapat dipasarkan di peringkat antarabangsa dan selain daripada itu kita juga membuat kajian agar mutu makanan tempatan ini dapat diterima di peringkat antarabangsa.

Saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua bahawasanya bidang ini adalah merupakan salah satu daripada bidang yang boleh menjana ekonomi kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kita juga banyak program yang kita buat contohnya di bawah *rural business challenge* (RBC) yang kita buat yang mana kita telah berjaya dari tahun 2012 sehinggalah kini kita berjaya mewujudkan 77 orang usahawan dalam pertandingan ataupun RBC ini. Daripada 77 orang usahawan ini terdapat 26 daripada mereka ialah yang mengusahakan bidang *F&B- food and beverage* ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua yakni 33.8 peratus.

Kita menggalakkan kerana bidang ini boleh juga dianggap sebagai bidang yang kritikal. Kita menggalakkan agar belia-belia yang berumur di antara 18 hingga 20 tahun ini menyertai RBC ini. Mereka boleh membukakan kertas cadangan, kertas kerja mereka kepada pihak kementerian dan seterusnya kita akan mempertimbangkan. Bagi kita ini adalah salah satu daripada usaha yang begitu serius yang telah diambil oleh pihak kerajaan.

Berkenaan dengan usaha-usaha yang akan kita jalankan di Sarawak. Bukan Sarawak sahaja di Malaysia ini negeri-negeri di Malaysia ini terkenal dengan makanannya yang tersendiri. Kalau di Sarawak ada makanan ala Sarawaknya, kalau di Kelantan ada makanan ala Kelantannya, kalau di Penang ada juga bahagian utaranya makanan ala utaranya.

Untuk di Sarawak, untuk makluman Yang Berhormat Senator, inovasi yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian melalui MARA dalam membantu usahawan makanan dan minuman *F&B* ini melalui contohnya penubuhan Kawasan Industri MARA (KIM) di Demak Laut, di Kuching yang menempatkan 20 lot perniagaan. Enam lot untuk usahawan F&B di antaranya ialah Dayang Salhah dan *Mira Cake House* yang telah menembusi pasaran antarabangsa khususnya di kawasan Asia Tenggara seperti di Brunei, Indonesia dan Singapura. Maknanya kedua-dua usahawan ini sudah pun menembusi pasaran antarabangsa, usahawan dari Sarawak di dalam bidang F&B ini.

Melalui Pusat Usahawan MARA (PUSMA) di Sarawak, MARA telah menyediakan pelbagai skim kemudahan untuk usahawan makanan dan minuman seperti kursus pembungkusan dan pelabelan, pembangunan produk dan kursus kesedaran ke arah menghasilkan produk menepati standard halal dan *Good Manufacturing Practice* (GMP). Selain daripada itu MARA juga telah menyediakan kemudahan pembiayaan berbentuk geran terutamanya kepada mereka yang berhasrat untuk membawa produk-produk mereka ke luar negara.

MARA melalui kerjasama strategi SME Corporation akan menyediakan kemudahan melalui Program Galakan Eksport Bumiputera yang akan bermula dari tahun 2016 ini dan saya di sini menyeru kepada semua Yang Berhormat Senator, kalau boleh kita mengenal pasti usahawan-usahawan dari kawasan kita masing-masing untuk kita ketengahkan mereka. Biar mereka ini berdaftar di bawah MATRADE dan juga mendaftarkan diri mereka di bawah MARA dan juga menyertai RBC seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**7.** **Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapa ramai anggota polis di Malaysia yang mengalami masalah kesihatan dan tidak menepati BMI yang sepatutnya serta apakah perancangan, program dan aktiviti yang dijalankan kementerian dalam memastikan setiap anggota polis di seluruh negara kekal sihat dan bertenaga dalam menjalankan tugas mereka setiap masa.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menggalakkan anggota mengamalkan cara hidup sihat untuk kelihatan segak dan menghindarkan diri daripada mengalami penyakit yang tidak berjangkit seperti sakit jantung, darah tinggi dan kencing manis serta mengawal diri menjadi obes atau gemuk.

PDRM telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran, Bil. 8, Tahun 2011 untuk mengamalkan pemakanan dan kehidupan gaya hidup sihat. Pusat Latihan dan Maktab PDRM mempunyai program latihan dalam perkhidmatan secara berkala untuk pegawai yang mengalami obesiti yang keterlaluan. Sehingga kini Maktab PDRM telah menganjurkan empat siri kursus gaya hidup sihat di mana kumpulan sasar seramai 30 orang peserta bagi setiap kursus telah mengikuti program tersebut selama dua minggu.

Antara silibus yang dimuatkan dalam kursus tersebut pemakanan yang betul, *dietician*, menjaga kesihatan, latihan kecergasan dan permainan di samping kursus yang dianjurkan bagi pegawai yang berumur 40 tahun ke atas dikehendaki membuat pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya sekali setiap tahun selaras dengan pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Di samping itu juga latihan yang dalam perancangan untuk memperkenalkan program *Makeover, Train and Fit* 2016, dengan izin dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia. Program ini melibatkan pegawai dan anggota PDRM peringkat Bukit Aman terlebih dahulu yang mengalami masalah obesiti sebelum diperluaskan ke seluruh negara. Pengisian program adalah seperti berikut adalah dalam tempoh masa 6 bulan dan meliputi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

(i) ceramah pemakanan;

(ii) ceramah cara-cara melakukan aktiviti fizikal di rumah;

(iii) rundingan cara pemakanan sekali sebulan; dan

(iv) aktiviti fizikal harian dan bulanan.

Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini tiap-tiap anggota polis mereka mempunyai buku biru untuk rekod kesihatan masing-masing dan juga ada satu lagi buku garis panduan gaya hidup sihat untuk setiap anggota PDRM. Dengan langkah sedemikian, pihak PDRM berkeyakinan kesihatan di kalangan anggota akan kekal sihat dan bertenaga untuk menjalankan tugas harian. Sekian, terima kasih.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Menurut analisis yang dikeluarkan *Wall Street Junior* dari *American Junior of Preventive Medicine* pada Disember 2014, pegawai polis, anggota bomba dan pegawai pengawal keselamatan mempunyai kadar tertinggi obesiti dan berat badan berlebihan.

**■1110**

Mengikut data tersebut, 47 peratus daripada mereka mengalami masalah obesiti. Mereka cenderung mempunyai risiko kesihatan yang lebih tinggi berbanding dengan beberapa profesion yang lain kerana mereka tidak makan dan tidur atas jadual yang normal. Oleh yang demikian, bagi membetulkan semua rutin kesihatan di kalangan anggota polis, adakah kerajaan harus mempertimbangkan untuk memperbanyakkan dan memanjangkan tempoh kem-kem kesihatan di kalangan anggota polis yang mempunyai masalah berat badan dan mempertimbangkan untuk memberi ganjaran dan bonus kepada mereka yang berjaya menurunkan berat badan seperti mana yang dilakukan di negara Thailand. Sekian, terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Mengikut apa yang disebut Yang Berhormat Senator tadi mengatakan 47 peratus orang anggota polis adalah obes. Jadi saya menyangkal kenyataan tersebut kerana hanya 2 peratus sahaja daripada seluruh anggota polis seluruh negara obesiti. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Senator, berikut statistik mengenai PDRM ataupun kuota Polis Diraja Malaysia di seluruh Malaysia sehingga Oktober 2015.

Jadi mereka yang mengalami masalah kesihatan seperti mental hanya 44 orang, penyakit buah pinggang 179 orang, kencing manis 1,478 orang, jantung 693 orang dan kanser, 122 orang dan jadikan keseluruhan jumlah anggota polis yang tidak sihat seperti yang disebutkan saya tadi iaitu seramai 2,556 orang daripada 127,000 orang lebih kurang seluruh anggota polis. Sebanyak 47 peratus yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi adalah tidak benar. Angka ini hanya menunjukkan 2 peratus sahaja yang lebih kurang mengalami kesihatan yang tidak diinginkan. Jadi satu lagi mengenai insentif untuk memberi bonus dan sebagainya untuk mereka yang dapat menurunkan berat badan, kita mengambil maklum perkara itu. Terpulang kepada anggota nanti ataupun PDRM untuk menentukan sama ada akan memberi insentif seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mendapatkan penjelasan daripada Menteri iaitu mengenai kes-kes anggota polis yang terjebak dalam ketagihan dadah. Juga saya ingin bertanya iaitu apakah langkah kawalan bagi membendung anggota polis mengambil dadah sintetik seperti *ecstasy* dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Yang Berhormat, saya ambil maklum soalan Yang Berhormat kerana dia terkeluar daripada soalan asal dan saya akan menjawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**8. Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

(a) berapa bilangan pelabur dan jumlah pelaburan yang masuk ke negara sejak bulan Januari 2015; dan

(b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menarik pelabur dari dalam dan luar negara dalam keadaan iklim ekonomi yang suram ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan ke dalam negara bagi projek-projek perkilangan yang diluluskan untuk tempoh Januari hingga September 2015 adalah sebanyak RM67.7 bilion yang terdiri daripada pelaburan asing sebanyak RM17.2 bilion atau 25.4 peratus dan pelaburan tempatan RM50.5 bilion atau 74.6 peratus. Ia merangkumi 522 projek perkilangan yang akan mewujudkan sejumlah 50,179 peluang pekerjaan.

Bagi tempoh Januari hingga September 2015, industri petroleum termasuk petrokimia menyumbang RM25.4 bilion yang mewakili 73.5 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan di Malaysia. Ini diikuti oleh gas asli dengan jumlah sebanyak RM10.4 bilion atau 15.4 peratus. *Electrical* dan *electronic* sebanyak RM6.4 bilion atau 4.4 peratus, kelengkapan pengangkutan sebanyak RM5.9 bilion atau 8.7 peratus dan produk galian bukan logam sebanyak RM3.6 bilion atau 5.3 peratus.

Bagi tempoh yang sama Hong Kong merupakan negara penyumbang pelaburan asing terbesar bagi projek-projek perkilangan yang diluluskan iaitu RM4.4 bilion atau 25.4 peratus daripada RM17.2 bilion pelaburan asing. Ini diikuti oleh Jepun - RM2.7 bilion, atau 15.7 peratus; Amerika Syarikat - RM2.2 bilion, atau 12.8 peratus; dan Singapura - RM1.6 bilion atau 9.3 peratus.

Antara inisiatif-inisiatif utama yang disediakan oleh kerajaan untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan adalah memperkenalkan pendekatan berfokus dan pendekatan ekosistem dalam usaha menarik pelaburan berkualiti dengan memberi penekanan terhadap industri bernilai ditambah tinggi, institusi berteknologi tinggi dan berintensif modal, industri berintensif pengetahuan serta aktiviti-aktiviti R&D selaras dengan objektif kerajaan untuk mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Penganjuran misi-misi pelaburan dan perdagangan ke luar negara terutamanya yang dianjurkan oleh agensi di bawah kementerian ini seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk menarik peluang-peluang pelaburan yang baru. Penganjuran seminar, bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di dalam dan luar negara memastikan penyelarasan yang lebih baik di antara semua agensi kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah program transformasi ekonomi melalui penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif Pemandu.

Pembangunan rantaian bekalan dengan melengkapkan hubungan rantaian industri sama ada industri huluan sedia ada dan industri hiliran yang baru. Antara langkah-langkah kerajaan untuk mencapai hasrat tersebut adalah dengan menganjurkan beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau *supplier conferences,* dengan izin, dan juga menganjurkan program-program pembangunan vendor.

Langkah-langkah ini juga dapat membantu pelabur-pelabur asing dalam *business matching,* dengan izin, untuk memulakan projek usaha sama atau *joint venture projects,* dengan izin atau untuk melaksanakan perkilangan kontrak. Menganjurkan program media *engagement,* dengan izin dan publisiti dalam dan luar negara bagi mengemas kini pelabur-pelabur berpotensi dengan maklumat-maklumat pelaburan yang terkini.

Antara insentif-insentif utama yang disediakan untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan pengecualian cukai pendapatan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967, dalam bentuk galakan taraf perintis TP.

Selain itu pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun bagi tempoh lima hingga 10 tahun atau elaun cukai pelaburan ECP 60 peratus hingga 100 peratus daripada jumlah pelaburan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat dalam tempoh lima hingga 10 tahun.

**■1120**

Elaun ini boleh diguna pakai bagi mengurangkan sebanyak 70 peratus hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun tahunan sehingga keseluruhan elaun tersebut selesai dituntut. Galakan TP dan ECP ini ditawarkan kepada aktiviti-aktiviti atau produk-produk yang digalakkan. Antaranya untuk syarikat-syarikat kecil, syarikat-syarikat berteknologi tinggi, industri-industri terpilih dan projek-projek strategik.

Pengecualian duti import ke atas bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam pengeluaran siap dan pengecualian duti import ke atas mesin dan peralatan yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam aktiviti bagi sektor perkhidmatan terpilih.

Kelulusan untuk jawatan-jawatan ekspatriat dalam sektor pembuatan bagi bidang-bidang di mana negara mempunyai kekurangan kemahiran. Di samping itu kerajaan juga menawarkan skim galakan istimewa atau *free package incentive,* dengan izin. Skim ini ditawarkan untuk projek-projek yang disasarkan yang berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi berdasarkan kepada pengetahuan dan mempunyai nilai rantaian yang meluas.

Pelabur juga diberikan galakan berdasarkan kepada jenis industri seperti industri yang strategik, bidang-bidang baru dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, *advance electronics, biotechnology photonic*, peralatan perubatan ICT, aeroangkasa dan petrokimia. Bagi meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan untuk bersaing...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih panjang kah jawapan itu Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Lee Chee Leong:** Ada panjang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh *compress* kan kah atau di*point form,* kan?

**Dato' Lee Chee Leong:** Memang ini insentif-insentif yang untuk menggalakkan pelabur-pelabur...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau boleh *pick*, ambil *point*.

**Dato' Lee Chee Leong:** Okey, tidak mengapa. Boleh saya bagi jawapan bertulis?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa bolehlah masukkan dalam Minit Mesyuarat kita. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Panjang lebar jawabnya macam menjawab soalan perbahasan. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri segala jawapan itu bagi kepada sayalah nanti.

Soalan tambahan saya sebagaimana yang kita ketahui dan kita maklum bahawasanya negara kita akan menyertai TPPA tidak berapa lama lagi. Saya hendak tahu langkah-langkah kementerian ataupun sejauh manakah keyakinan pihak kementerian untuk menarik pelabur asing? Apakah jaminan daripada kementerian bahawa komoditi dari negara kita akan mendapat pasaran yang lebih baik di kalangan negara-negara anggota? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha dan langkah-langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia, antaranya ialah:

(vi) menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama dan diberi mandat untuk membuat keputusan secara *real time;*

(vii) menambah baik dasar-dasar semasa, meliberalisasikan subsektor perkhidmatan bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor perkhidmatan;

(viii) memastikan penyelarasan yang lebih baik di antara semua agensi kerajaan dan swasta melalui penubuhan jawatankuasa pelaburan;

(ix) menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan;

(x) menawarkan galakan pelaburan bagi mempromosikan industri yang strategik, industri baru dan berdaya tinggi dan juga menambah baik sistem penyampaian kerajaan.

Seperti mana yang pernah dinyatakan di dalam Dewan ini, syarikat di negara TPP akan menikmati akses pasaran berkeutamaan khususnya keempat-empat pasaran FTA yang baru iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru kerana kebanyakan duti import akan dimansuhkan sebaik sahaja TPP dikuatkuasakan. Jika Malaysia bersetuju untuk menyertai TPP, apa yang penting ialah produk Malaysia akan kekal berdaya saing di pasaran TPP dalam menghadapi persaingan produk dari negara serantau seperti Vietnam, Singapura dan Brunei yang juga merupakan ahli TPP.

Sebagai contoh, Amerika Syarikat akan memansuhkan 97.2 peratus duti import secara serta-merta terhadap produk berasaskan getah keluaran Malaysia; Kanada pula akan memansuhkan 92.5 peratus, dan bagi kedua-dua negara akan dimansuhkan dalam tempoh 10 tahun. Sekian, terima kasih.

**9.** **Tuan Chia Song Cheng** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan keseimbangan makanan dalam membentuk satu Malaysia yang lebih sihat dan sejahtera.

**11.27 pg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng. Soalannya ialah berkenaan dengan makanan seimbang rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama pelbagai agensi telah dan sedang menjalankan pelbagai inisiatif untuk memberi kesedaran mengenai pemakanan sihat kepada masyarakat bermula daripada peringkat *pre-natal* di mana anak masih dalam perut sehingga ke warga emas.

Di peringkat bayi pula, kepentingan keseimbangan makanan diberi melalui promosi penyusuan susu ibu dan makanan tambahan terutamanya di fasiliti kesihatan kementerian. Sementara itu di peringkat pra sekolah dan sekolah, aktiviti pemakanan sihat diintegrasikan dalam kurikulum kanak-kanak di tabika, tadika KEMAS dan juga di sekolah.

Pemakanan sihat juga dititikberatkan di peringkat sekolah melalui pelaksanaan Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat dan Kelab Doktor Muda dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Di institusi pengajian tinggi pula pihak KKM menggunakan Program Siswa Sihat sebagai medium penyampaian maklumat kepada siswa-siswi tentang pemakanan seimbang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan keseimbangan pemakanan juga dijalankan mengikut *setting* seperti kafeteria sihat, sajian hidangan sihat semasa mesyuarat di tempat kerja, promosi makanan sihat di pasar raya, pusat maklumat makanan dan dapur sihat masyarakat. Di peringkat komuniti, Program Komuniti Sihat Perkasa Negara atau KOSPEN dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti KEMAS dan rukun tetangga juga turut dijalankan. Maklumat mengenai pemakanan sihat ini semua boleh didapati dengan melayari *website* www.infosihat.gov.my, portal www.myhealth.gov.my dan juga nutrition@moh.gov.my serta pemantauan pengambilan makanan melalui aplikasi *MyNutriDiary*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Chia Song Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang mana telah memberikan jawapan ke atas soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, menurut pakar nutrisi seperti Persatuan Pemakanan Malaysia isu obesiti di kalangan masyarakat Malaysia semakin membimbangkan.

**■1130**

Ini adalah jelas apabila Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 2011 telah mendedahkan bahawa rakyat Malaysia merupakan masyarakat paling gemuk di rantau Asia Tenggara dengan sebanyak 44.2 peratus. Selain itu, Kementerian Kesihatan sebenarnya mempunyai Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) di bawah dasar pemakanan negara. Pelan tindakan tersebut mempunyai matlamat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, terus kepada soalan Yang Berhormat.

**Tuan Chia Song Cheng:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Chia Song Cheng:** Maka dengan ini soalan tambahan saya kepada Kementerian Kesihatan iaitu sila menyatakan apa mekanisme baru seperti strategi, aktiviti dan juga sasaran yang dilaksanakan oleh kementerian untuk mengemaskan inisiatif sedia ada agar isu obesiti di kalangan masyarakat dapatlah dikurangkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng. Memang kementerian amat *concern* tentang keadaan kita di Malaysia ini. Rakyat Malaysia memang- saya setujulah bahawa kadar kegemukan ini, obesiti ini sudah mencapai 44.2 peratus untuk Malaysia, diikuti dengan Thailand dan yang ketiganya *Singapore*. Memang paling tinggi.

Ini kerana hari ini rakyat Malaysia cara hidup dia sudah berubah. Daripada dahulu sebab ekonomi kita ekonomi pertanian, jadi banyak aktiviti dijalankan. Akan tetapi hari ini sudah industri dan banyak yang bertukar kepada cara hidup *sedentary* Tuan Yang di-Pertua. Maknanya duduk relaks, duduk depan TV, duduk depan komputer dan sebagainya dan kurang *exercise*. Apabila makan pula memang semua makan, dari pagi sampai tengah malam, makan. Jadi ini yang menyebabkan kita gemuk. Apabila kita makan berlebih daripada 2,000 - kalori sehari untuk lelaki dan 1,800 - kalori untuk wanita. Jadi makan lebih daripada itu. Bila makan lebih, kalori yang lebih itu akan disimpan sebagai *fat*, sebagai lemak dalam badan kita. Ini mengundang pelbagai penyakitlah, penyakit yang tidak berjangkit.

Hari ini sebab itulah Tuan Yang di-Pertua kita di peringkat kementerian kita menjalankan kempen hendak ubah budaya kita, budaya makan dan budaya aktiviti ini. Kita hendak tambah aktiviti. Kita mengambil *approach* yang dipanggil *Whole of Government Approach* dan *Whole of Society Approach*. Makna melibatkan pelbagai pihak di kementerian. Jadi banyak kementerian dan juga banyak pihak swasta dan NGO sebagainya.

Kementerian di pelbagai sektor memainkan peranan masing-masing. Contohnya macam MoH, Kementerian Kesihatan memang menjalankan kempen kita. MoE, Kementerian Pendidikan ada tugas dia dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pun ada tugas dia. Kementerian Pertanian tugas dia ialah untuk mengeluarkan makanan-makanan yang diperlukan supaya menjaga kesihatan. Banyak sayur, banyak buah-buahan dan sebagainya, pengeluaran ya.

KPDNKK pun ada peranan juga iaitu mereka *control* daripada segi harga dan *trend production* makanan Tuan Yang di-Pertua. Contohnya macam sekarang ini kita ambil mudah, kita ada kopi ataupun teh, ada kopi *3 in 1* yang ini lemak yang digunakan dalam kopi *3 in 1*, minuman *3 in 1* ini banyak yang *non dairy creamer*. Jadi yang lebih bahaya. Kalau *dairy creamer* itu baik tetapi mereka menggunakan *non dairy creamer*.

Akan tetapi saya hendak beritahu di sini bahawa minyak- makanan kita macam harian kita, kita gunakan kelapa sawit, ini adalah baik. Oleh sebab kelapa sawit minyak yang *balance*, dia ada *polysaturated fats* dan *polyunsaturated fats.* Sesuai untuk cara kita makan. Makan kita, kita banyak goreng, banyak gulai dan sebagainya. Kita gunakan minyak kelapa sawit memang cukup baik untuk makanan kita. Akan tetapi kalau di luar negara di *Europe* ataupun US diguna banyak *olive oil*, minyak zaitun, minyak jagung, minyak *soy bean* dan sebagainya, ia *polyunsaturated fats.* Ini sesuai untuk makanan dia sebab dia tidak banyak goreng, dia tidak banyak gulai dan sebagainya. Makanan dia sesuai untuk dia. Akan tetapi kita, kita lebih sesuai dengan makanan- minyak kelapa sawit.

Ini Tuan Yang di-Pertua untuk makluman bahawa *survey* yang kita buat dari tahun lepas mendapati mereka yang berumur 18 tahun sehingga 60 tahun ke atas kita makan lebih lemak, 30 peratus daripada yang di*recommend*kan. Jadi memang terlalu gemuk, terlalu banyak kita makan. Ini sebab itu kita menggalakkan kempen yang saya sebut tadi, kempen aktiviti jalan kaki 1,000 langkah, berbasikal, berjalan kaki dan pelbagai untuk hendak tambahkan, hendak bakar kita punya kalori yang kita makan berlebihan Tuan Yang di-Pertua. Jadi itulah sedikit banyak yang saya hendak tekankan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**10.** **Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kementerian mempunyai *database,* bagi mereka yang cuba membunuh diri mengikut kaum, jantina dan umur serta apakah tindakan susulan kementerian dalam membantu mereka ini agar tidak mengulangi perbuatan cuba bunuh diri seterusnya kembali ke jalan yang benar.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, kejadian membunuh diri atau cubaan untuk membunuh diri di kalangan penduduk tempatan atau di kalangan warganegara asing yang belajar atau bekerja di negara ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti masalah kewangan, tekanan jiwa, kecewa dalam percintaan, masalah keluarga dan sebagainya. Statistik cuba bunuh diri yang disiasat di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan bagi seluruh negara yang melibatkan warganegara tempatan dan juga warganegara asing bagi tahun 2013 sehingga 2015 adalah seperti berikut.

Pada tahun 2013 sejumlah 178 kes bunuh diri atau cuba membunuh diri telah direkodkan yang terdiri daripada 111 orang lelaki dan 67 orang wanita. Kategori umur mangsa yang terlibat iaitu yang berumur dalam lingkungan tujuh tahun hingga 40 tahun berjumlah 86 orang. Berumur antara 41 tahun ke atas berjumlah 30 orang. Baki seramai 62 orang tidak diketahui status sebenar umur kerana terdiri daripada warganegara asing atau yang tidak diketahui identiti mangsa. Kategori mengikut pecahan kaum pula jumlah terbesar daripada 49 orang berbangsa Melayu, 46 orang berbangsa India, 35 orang berbangsa Cina dan selebihnya 48 orang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik.

Dalam tahun 2014 sejumlah 191 kes bunuh diri atau cuba membunuh diri telah direkodkan yang terdiri daripada 133 orang lelaki dan 58 orang wanita. Kategori umur mangsa yang terlibat iaitu yang berumur dalam lingkungan tujuh tahun hingga 40 tahun berjumlah 87 orang. Berumur antara 41 tahun ke atas berjumlah 27 orang. Baki seramai 77 orang tidak diketahui status sebenar umur mangsa. Kategori mengikut pecahan kaum pula jumlah terbesar daripada 34 orang berbangsa Melayu, 68 orang berbangsa India, 42 orang berbangsa Cina dan selebihnya 47 orang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik.

Bagi tahun ini sehingga Oktober sejumlah 130 kes bunuh diri atau cuba membunuh diri telah direkodkan yang terdiri daripada 84 orang lelaki dan 46 orang wanita. Kategori umur mangsa yang terlibat iaitu yang berumur dalam lingkungan tujuh tahun hingga 40 tahun berjumlah 70 orang. Berumur antara 41 tahun ke atas berjumlah 25 orang. Baki seramai 35 orang tidak diketahui status sebenar umur mangsa. Kategori mengikut pecahan kaum Melayu 34 orang, India 42 orang dan Cina 47 orang, yang lain terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik.

Bagi mengatasi masalah kes bunuh diri atau cuba membunuh diri daripada pihak Polis Diraja Malaysia dalam sesi perjumpaan ceramah dan dialog dengan masyarakat telah memberikan langkah-langkah kesedaran seperti berikut. Iaitu bimbingan kaunseling dan perkhidmatan psikoterapi. Meminta ketua keluarga atau ahli keluarga yang rapat sentiasa memperhatikan tingkah laku ahli keluarga dan jika terdapat perubahan atas tingkah laku seperti berdiam diri, gelisah dan sebagainya supaya segera mendapatkan khidmat kaunseling dan psikoterapi yang bertauliah dengan hospital ataupun di sekolah.

**■1140**

Melalui sesi perjumpaan sedemikian, pihak kaunselor akan memberikan nasihat bagi membantu individu tersebut. Menyelesaikan masalah dan menyediakan ruang untuk mereka meluahkan isi hati mereka. Di samping itu, kaunseling juga diberikan kepada mereka untuk mengurangkan tekanan membunuh diri.

Langkah yang kedua melalui pendidikan agama atau pendidikan moral. Agama dipandang sebagai unsur penting untuk menanam ciri-ciri kemanusiaan yang mulia. Ibu bapa harus memberi pendidikan agama kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi kerana anak ibarat kain putih, ibu bapa yang mencorakkannya.

Pendidikan agama dan moral yang dimiliki oleh individu akan menjadi benteng utama menghalang mereka dalam mengambil tindakan yang boleh memudaratkan diri sendiri dan mampu mengawal hawa nafsu mereka di samping dapat mengatasi masalah jiwa yang kosong. Dengan kesedaran tersebut, seseorang akan sentiasa bersyukur dengan kurniaan tuhan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana masa tidak mengizinkan, setakat itu sajalah agaknya sesi soalan jawab lisan kita pada pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]***

## <u>RANG UNDANG-UNDANG</u>

### RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS KESELAMATAN NEGARA 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". ***[21 Disember 2015]***

**11.41 pg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya dapati ada lebih kurang 23 orang ada menyatakan hasrat untuk berucap, berbahas dalam rang undang-undang ini. Saya akan cuba, saya beri masa dan saya harap kerana hari ini hari terakhir, saya minta Yang Berhormat semua kalau hendak berbahas itu, kalau sekiranya ada perkara-perkara yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat sebelum ini, cuba Yang Berhormat pergi ke perkara-perkara yang tidak dibangkitkan untuk perhatian Dewan.

Di samping itu, saya minta semua Ahli Yang Berhormat yang sudah beri nama itu berada dalam Dewan. Untuk menyenangkan kita menjalankan tugas kita pada hari ini dengan penuh licin dan lancar. Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

**11.42 pg.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi ruang kepada saya pada pagi ini untuk turut sama-sama berbahas tentang Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Saya berasa terkejut pasal diberi orang yang pertama pada pagi ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini telah menarik perhatian ramai, terutamanya di kalangan Ahli-ahli Dewan dan juga orang-orang yang di luar sana. Ia mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding dengan rang undang-undang sebelumnya, di mana perkiraan saya, ia paling ramai mengambil bahagian. Tuan Yang di-Pertua, saya terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua memberi peluang dan ruang yang cukup kepada semua Ahli yang ingin berbicara dan berbahas dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mendapat perhatian sebagaimana yang disebut tadi oleh seluruh masyarakat kerana ia sangat penting, kepentingannya ialah kerana keselamatan.

Oleh sebab semua orang perlu dan menginginkan supaya hidup selamat, sejahtera dan tidak diganggu gugat, maka oleh sebab itulah kalau kita melihat kenapa orang memberi perhatian yang sangat besar kepada rang undang-undang ini. Kalau kita melihat dalam agama kita pun, Islam sebagai agama Persekutuan meletakkan bahawa keselamatan merupakan tempat yang paling tinggi, di mana kalau kita berjumpa pun kita beri salam. Itu nama keselamatan dan dalam solat pun kita sudah solat kena beri salam ke kanan dan ke kiri. Ini menandakan bahawa keselamatan itu sangat penting dan tinggi nilainya dalam kehidupan kita, khasnya umat Islam dan seluruh masyarakat di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kita yang berada di dalam Dewan ini mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menentukan arah tuju negara kita, masyarakat kita, supaya selamat sejahtera. Tugas ini sangat berat dan amanah ini perlu kita pikul dengan penuh amanah dan tidak boleh sambil lewa. Semua kita akan ditanya dengan amanah ini apabila kita berjumpa dengan Allah SWT nanti.

Kenapakah rang undang-undang ini mempunyai perhatian yang begitu besar dan serius dan apa persoalannya dan bagaimana menjadi perbahasan? Ini tiga persoalan yang saya nampak dalam ini. Rang undang-undang ini iaitu berhubung dengan keselamatan ini memang terjadi kerana masyarakat bimbang supaya tidak terjadi tidak aman. Ini kerana ia melihat kepada rang undang-undang ini mungkin ada perkara-perkara yang boleh menyebabkan salah fahaman atau salah tafsiran.

Oleh sebab itulah kalau kita melihat mana-mana rang undang-undang yang digubal, yang boleh difahami dengan baik dan jelas serta tidak menimbulkan keraguan, maka ia tidak menimbulkan persoalan. Sebagai contoh, kalau kita tengok sebuah kedai dan kedai itu kedai makananlah, nasi atau kedai makan, orang akan pergi ramai kedai itu apabila makanan itu sedap. Kita tahu makanan itu sedap, mesti ada pedasnya, ada masinnya, ada garam, cukup. Apabila orang makan, orang tak bercakap apa-apa. Begitu juga dengan rang undang-undang, Tuan Yang di-Pertua.

Apabila sesebuah rang undang-undang itu lengkap, cantik walaupun ia ada pedas, ada masin, ada semuanya tetapi orang boleh menerima semua dengan senang hati. Untuk memastikan hal-hal seperti ini, saya melihat dalam rang undang-undang ini perlu jelas. Ini kerana itu saya lihat rang undang-undang ini perlu memberi penjelasan definisi. Saya lihat definisi ‘keselamatan’ itu tidak diberi dan ini satu perkara yang perlu diberi perhatian, ini kerana setiap perkara perlu kepada definisi. Kalau kita lihat negara lain tidak buat definisi, biarkan. Akan tetapi kita perlu definisi apa sebenarnya yang kita hendak. Apabila definisi tidak diberikan, maka di situ sebenarnya timbul ketidakjelasan. Oleh sebab itu undang-undang mesti jelas dan kejelasan itu mestilah definisinya jelas, tujuannya jelas, arah tujunya jelas dan apabila ia jelas, tidak timbul masalah.

Perkara yang kedua ialah jangan ada kesamaran...

**Tan Sri Dato’ Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Mohon sedikit mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tan Sri Dato’ Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato’ Dr. Johari. Yang Berhormat mencadangkan definisi ‘keselamatan’, bukannya- definisi keselamatan ini amat luas. Bolehkah Yang Berhormat bagi contoh, sama ada ISIS kah, sama ada ceroboh daripada negara-negara lainkah? Oleh sebab saya fikir, keselamatan pada secara keseluruhannya kalau hendak di*define*kan, di definisikan, amat-amat luas. Boleh minta pandangan.

**Dato’ Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri, terima kasih. Sebenarnya Yang Berhormat Tan Sri, definisi ini pi kot mana pun kita boleh buat, kita banyak pakar. Pakar dalam Dewan Bahasa ada, dalam ketenteraan ada, semua sekali. Kita boleh kumpulkan dan minta pandangan daripada seluruh orang yang mempunyai kepakaran di dalam negara kita merumuskan definisi, tidak menjadi masalah. Walaupun ia berkembang, tidak menjadi masalah. Definisi itu anjal kerana itulah kita sebut definisi. Definisi ini ialah perkara lain tidak masuk dan yang lain tidak mencakupi apa yang di sekitarnya.

Oleh sebab itulah, saya rasa definisi ini boleh digarapkan dengan kita duduk memberi ruang kepada mereka yang pakar mengolahkan. Saya tidak boleh berilah definisi dalam masa yang singkat ini. Akan tetapi saya yakin dan percaya bahawa di dalam negara kita ramai pakai yang boleh membantu membuat definisi yang dimaksudkan ini.

**■1150**

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mempunyai tugas ini, kita juga merupakan badan yang membuat undang-undang di sini iaitu undang-undang untuk berkait dengan- maaf. Saya juga ingin menyebut di sini, kita ialah ahli mesyuarat. Ahli mesyuarat ini adalah orang yang ditugaskan untuk memberi pandangan, nasihat dan juga buah fikiran kepada pemerintah. Oleh sebab itulah disebut, kita ini sebagai agama, kalau orang Islam disebut oleh Rasulullah SAW... *[Menyebutkan sabda Rasulullah SAW]* Bermaksud, "*Agama itu memberi nasihat"*. Ditanya oleh sahabat, nasihat untuk siapa? Lalu Rasulullah menjawab, nasihat untuk Allah, untuk Rasul, untuk kitabnya, untuk pemimpin umat Islam dan juga kepada seluruh rakyat.

Jadi kita duduk di sini termasuk orang yang memberi nasihat dan juga pada waktu yang sama untuk membuat, merangka serta meluluskan undang-undang. Oleh sebab itulah Rasulullah menyebut... *[Menyebut sepotong sabda Rasulullah SAW]* Bermaksud*, "Tidak akan kecewa orang yang bermesyuarat".* Jadi mana-mana undang-undang hendak diluluskan, sudah mestilah melalui proses mesyuarat sebagaimana disebut oleh Rasulullah... *[Menyebut sepotong sabda Rasulullah SAW].*

Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana rang undang-undang, ada pandangan yang telah diberikan sama ada positif ataupun bersetuju ataupun sebaliknya atau apa-apa sahaja. Oleh sebab itu bagi saya, mana-mana undang-undang yang telah dibentangkan di sini, setiap orang boleh memberikan pandangan. Pandangan ini merupakan satu pandangan yang bukan sahaja diberi oleh seseorang itu tetapi juga ia mempunyai alasan-alasan yang cukup kuat. Alasan itu boleh kita lihat sebagaimana Rasulullah SAW di Perang Badar, dia telah mengambil satu sikap untuk meletakkan tenteranya di sebuah tempat. Namun sahabat bertanya, "*Wahai Rasulullah, adakah ini tempat yang telah diwahyukan atau bagaimana?"* Lalu Rasulullah menyebut yang bermaksud, ini usaha saya, ijtihad saya. Kalau sekiranya Rasulullah SAW sebagai Rasul pun perlu kepada pandangan, nasihat yang tidak berkaitan dengan wahyu, maka begitulah juga kita sebagai insan biasa perlu kepada pandangan dan buah fikiran terhadap perkara-perkara yang ingin kita putuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada rang undang-undang ini. Saya melihat, saya ingin pergi kepada muka surat 7- Fungsi Majlis. Fungsi Majlis ini kalau kita tengok mempunyai fungsi yang besar kepada rang undang-undang ini dan begitu juga berhubung dengan kuasa Majlis. Saya melihat di sini, di sini adalah mungkin ada yang melihat kuasa Majlis ini mempunyai kuasa yang tidak terhad. Maka, oleh sebab itulah kita kena lihat kuasa ini perlu kepada batas-batas supaya ia tidak tersalah ditafsirkan pada masa akan datang.

Kedua, saya hendak pergi keanggotaan majlis. Banyak yang telah memberi cadangan berhubung dengan keanggotaan Majlis ini. Ada yang menyebut, mencadangkan supaya Menteri-Menteri, Ketua Menteri dan sebagainya dimasukkan dalam keanggotaan ini. Saya pun hendak mencadangkan supaya Menteri yang berkaitan dengan agama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mempunyai kaitan dengan agama perlu diletakkan di sini. Ini kerana saya melihat operasi ini juga ada kaitan untuk memberi nasihat supaya tidak melanggar tatasusila ajaran agama. Di sini juga saya melihat bahawa kita di negara kita ini kita meletakkan bahawa ada *maqasid syariah*, ada konsep *wassatiyyah*, di mana akan diterjemahkan dalam hal-hal ini kalau sekiranya orang yang berkenaan tidak diletakkan dalam jawatankuasa. Ia akan hanya tinggal sebagai slogan kalau kita tidak praktik atau tidak amalkan di dalam meletakkan jawatankuasa. Ini merupakan satu Jawatankuasa Tinggi yang menentukan keselamatan dalam sesuatu tempat.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak lanjutkan bahawa kalau sekiranya keselamatan itu berlaku di satu-satu tempat, ada di satu-satu negeri, maka perlulah Ketua Menteri atau Menteri Besar di situ dipanggil atau dijemput sama duduk dalam jawatankuasa itu sebab negeri dia. Dialah yang diberi mandat oleh setempat sebagai orang yang diamanahkan untuk menjaga negeri. Kalau sekiranya mereka tidak dipanggil dalam kes-kes tertentu, dalam daerah tertentu sebagai ahli jawatankuasa di situ, maka ia sudah tidak dipedulikan walaupun hak ini hak Kerajaan Persekutuan. Maka bagi saya, kerajaan mana-mana negeri pun perlu diletakkan di situ untuk dalam kes-kes tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada perkara 30, kuasa untuk mengambil milikan sementara tanah, bangunan atau harta alih dan perkara ini ada berkaitan dengan yang berikutnya, yang selepasnya. Saya melihat perkara ini juga ada kaitan dengan pampasan. Semalam telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim berhubung dengan pampasan itu dan bagi saya, kepada siapa orang ini hendak mengadu. Dalam akta ini menyebutkan kepada Ketua Pengarah Operasi. Saya melihat, di sini kita perlu lihat orang pihak ketiga, bukan kepada pihak ketua operasi. Ini kerana saya bimbang, nilai kerugian yang berlaku kepada tanah dan sebagainya yang telah diambil oleh pihak keselamatan itu tidak diberi nilai semasa sedangkan kita guna semasa. Nilai itu kena semasa juga, barulah mempunyai keadilan kepada pihak yang menanggung kerugian. Oleh sebab itulah saya ingin menyebut bahawa perkara ini perlu diberi perhatian.

Saya pergi pula kepada Perkara 34. Perkara 34 ini Tuan Yang di-Pertua, *"Mana-mana anggota pasukan keselamatan di dalam kawasan keselamatan boleh menggunakan apa-apa kekerasan terhadap orang dan benda setakat yang munasabah dan perlu dalam hal keadaan itu untuk memelihara keselamatan negara".* Ini sangat subjektif dan luas mengikut tafsiran, mungkin kepada berbeza-berbeza antara satu sama lain.

Oleh sebab itulah saya mencadangkan tadi daripada segi keanggotaan supaya orang yang terlibat ini diletak juga yang berkaitan dengan agama sebab Islam ini melarang membunuh orang. Dalam hal-hal peperangan pun Islam melarang membunuh wanita, kanak-kanak, orang tua, ahli agama yang duduk di rumah agamanya dan orang-orang yang tidak terlibat dengan pasukan yang menentang. Jadi di situ, inilah elemen-elemen Islam sebagai Agama Persekutuan yang mempunyai peranan yang sejagat dengan ke hadrat manusia dan boleh diimplementasikan di dalam mana-mana rang undang-undang yang ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, oleh sebab ramai hendak bercakap hari ini, saya pendekkan hanya 20 minit sahaja untuk setiap orang. Kalau boleh, Yang Berhormat cuba ringkaskan.

**Dato' Dr. Johari Bin Mat:** Tidak banyak sudah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Dato' Dr. Johari Bin Mat:** Tidak banyak sudah. Sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Johari Bin Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan dalam rang undang-undang ini adalah tiga macam, tiga pendapatlah saya tengok secara umumnya. Pertama, ahli-ahli yang menyokong rang undang-undang ini, yang kedua membantah atau menentang rang undang-undang ini dan yang ketiga adalah supaya ditambah baik dan juga diberi satu penyesuaian. Ada tiga pendapat.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita dengar dalam perbincangan kita ini, banyak cadangan yang telah diberikan, pembaikan, cadangan dan sebagainya. Namun pada akhirnya, kita dapati bahawa Menteri akan menggulung nanti dia kata, rang undang-undang ini diterima tanpa apa-apa pindaan.

**■1200**

Jadi saya melihat di sinilah pandangan, cadangan yang telah diberikan itu tidak ada apa-apa. Jadi saya melihat cadangan dan pandangan itu sangat berguna dalam kita meluluskan mana-mana rang undang-undang. Oleh sebab itulah saya melihat perlu ada perhatian daripada pihak kementerian atau Menteri supaya cadangan-cadangan itu diambil kira dan kalau boleh dimasukkan dalam undang-undang yang akan diluluskan. Saya rasa itu adalah sangat relevan dengan perbincangan kita. Kalau sekiranya tidak ada apa-apa dimasukkan maka hasilnya cadangan itu duduk dalam *Hansard* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang ini yang akhir saya hendak buat soalan. Saya dapati bahawa ada dua perkara berhubung dengan keganasan ini. Walaupun dulu saya menyebut bahawa saya rasa tidak sesuai guna IS tetapi orang sudah guna semua. Saya melihat IS ini satu nama yang baik, bukan orang baik, nama baik. IS – *Islamic state. Islamic state* ini nama yang sangat cantik tetapi disalahgunakan. Jadi kalau kita- bagi saya tidak kena *Islamic state* negara Islam kita kata dia ganas, tidak betul dan satu perkara yang berlawanan.

Kalau kita hendak kata pengganas, pengganas. Kita jangan kata negara Islam ganas. Jadi itulah yang dikehendaki oleh orang-orang yang tidak suka kepada agama Islam di seluruh dunia. Sebagai contoh saya hendak bawa di sini Tuan Yang di-Pertua, munasabah atau tidak orang yang dikaitkan dengan WTC 2011 dulu, kapal terbang yang menyerang dulu ada pasport, bawa pasport. Baru-baru ini pula di Paris pun ada pasport. Orang yang hendak pergi mati ini tidak perlu bawa pasport Tuan Yang di-Pertua, pada sayalah. Akan tetapi kenapa dia bawa pasport? Kenapa dia letak pasport di situ. Kenapakah bawa pasport? Ini modus operandi yang sama.

Jadi saya hendak lihat ini merupakan satu gerakan yang sengaja atau tidak sengaja untuk memberi gambaran buruk kepada Islam sebagai agama anutan yang terbesar di dunia dan juga begitu kepada umatnya sebagai pandangan negatif. Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, adakah bentuk pemikiran boleh dikawal dengan akta atau RUU ini. Sebagai contoh, kebanjiran pemikiran yang membawa kerosakan kepada masyarakat berhubung dengan akidah, berhubung dengan ibadah, akhlak dan sosial.

Kalau kita tengok di sini akta ini ialah kepada sempadan-sempadan tertentu pada orang-orang tertentu. Akan tetapi dalam bab pemikiran, akta mana yang hendak digunakan? Adakah akta ini boleh kita gunakan. Kedua, dalam negara kita ini saya melihat ada semacam tidak sama, pihak kementerian-kementerian memberi jawapan, pandangan kepada persoalan. Sebagai contoh, kita dengar baru ini di dalam satu seminar bahawa golongan yang berpotensi untuk jadi keganasan ini di dalam negara kita ialah golongan Salafi Jihadi. Ini telah disebut di dalam banyak akhbar dan juga dalam seminar-seminar dan dikaitkan Salafi ini dengan negara tertentu. Di dalam Dewan ini, saya boleh sebut negara tersebut ialah kalau kita sebut Salafi maknanya orang sebut Saudi, Saudi Arabia. Pada waktu yang sama kita melihat Saudi Arabia merupakan negara yang kalau kita baca dalam seminggu dua ini yang mengepalai untuk menentang keganasan.

Jadi ada dua kontra dan pihak mereka telah menghubungi Kerajaan Malaysia untuk sama-sama dalam menentang keganasan. Jadi dalam negara kita, kita kaitkan golongan ini dari Saudi, pemikiran yang dibawa oleh negara Saudi. Pada waktu yang sama juga kerajaan kita juga mempunyai beberapa penjelasan di sini, yang saya dengar di Dewan ini oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa pegangan orang-orang Saudi yang dikatakan mereka itu bermazhab Wahabi itu Ahli Sunnah dan tidak mempunyai keganasan. Jadi ada dua kontra di sini.

Ini pihak-pihak kementerian dalam negara kita, kenapakah ada dua pandangan yang berbeza? Ini boleh menimbulkan satu tanda tanya yang tidak baik kepada kerajaan kita. Oleh sebab itulah saya berpendapat perlu pada satu penjelasan kenapa ini berlaku dalam kenyataan-kenyataan oleh kementerian-kementerian di dalam negara kita dan oleh sebab itulah saya rasa perkara ini tidak sepatutnya berlaku di dalam negara kita. Saya rasa setakat itu Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin.

**12.06 tgh.**

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebuah negara yang amat cantik dan murah hatinya dan juga terdapat banyak orang asing dari luar negara telah berumah tangga di Malaysia kita. Tidak lama lagi akan mengambil pengambilan Syrian 30 orang, juga akan datang ke Malaysia. Saya hendak minta pihak berkenaan cubalah tapis dengan baik yang seperti sekarang saya telah cakap dalam saya punya perbahasan hari itu, saya ulangi sekali lagi kalau hendak ambil Syria kena tapis dengan baik, tapis yang tidak nakal, tapis yang betul-betul hendak mari *'tupe'* negara kita biar *'tupe'* duduk dengan baik-baik. Itulah niat saya.

Saya berasa serupa juga orang-orang daripada ramai daripada Dewan serupa juga niat macam itu. Yang cantik, yang indah ini tidak tempat lain di dunia ini untuk dibandingkan dengan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ingin saya menarik perhatian kita semua bahawa pada tahun ini dunia telah menyaksikan penghijrahan mendadak oleh pelarian dari Syria dan ini dikuatkan lagi dengan laporan bahawa pengganas-pengganas ini melatih rekrut-rekrut barunya di Selatan Philipine maka menjadikan Malaysia lebih terdedah kepada serangan pengganas. Untuk mengelakkan negara kita daripada menghadapi risiko sebegini, kita harus mengambil langkah-langkah proaktif, kita harus memberi kepercayaan kepada kerajaan untuk menguatkan lagi sistem dan mekanisme pertahanan demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Kita juga seharusnya menyokong usaha kerajaan untuk memperkasakan undang-undang yang sedia ada demi menangani ancaman keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada pilihan selain mendraf undang-undang baru bagi menguatkan lagi dan menggantikan *Emergency Ordinance 1971* yang telah dimansuhkan pada empat tahun yang dahulu. Maka kita memerlukan undang-undang baru untuk memudahkan kerjasama antara polis, Angkatan Tentera dan pasukan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan diadakan RUU MKN 2015 tetapi saya melihat ada beberapa seperti yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Dewan Negara yang sebelum saya. Banyak sudah mereka bagi pendapat masing-masing dan oleh itu saya sebagai Ahli Dewan Negara, Dewan yang tertinggi supaya penambahbaikkan perlu dipinda sehaluan dan selari dengan Perlembagaan negara dan memperbaiki juga mengemaskan lagi yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng. Yang Berhormat 20 minit ya, maksimum. Kalau boleh pendekkan lagi bagus.

**■1210**

**Tuan Chia Song Cheng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah dapat memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Sebelum saya dapat meneruskan membahas tentang Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini, saya ingin membangkitkan sedikit tentang latar belakang sejarah negara kita ini. Semasa saya bersekolah di Sekolah Menengah Tinggi Klang, Selangor negara kita telah berlaku peristiwa 13 Mei dan pada masa itu kerajaan telah dapat menubuhkan Majlis Gerakan Negara pada 16 Mei 1969.

Seterusnya, kerajaan menggubal Majlis Gerakan Negara ini dan juga digantikan dengan Majlis Keselamatan Negara. Kerajaan telah mengisytiharkan penubuhan Majlis Keselamatan Negara pada 23 Februari 1971. Apa yang saya lihat sepanjang masa sejak tahun 1971 sehingga ke hari ini, peranan dan juga tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara memanglah dapat mengekalkan dan juga memelihara keamanan dan juga keselamatan Malaysia sehingga ke hari ini.

Baik di bawah bekas-bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan juga PM Tun Dr Mahathir, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan juga Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada masa sekarang memang dapat menjalankan dan juga memainkan peranan Majlis Keselamatan Negara untuk menjamin perpaduan dan juga keamanan dan juga keharmonian serta keselamatan di dalam negara kita ini. Jika kita lihat pada hari ini, memanglah ancaman keselamatan negara semakinlah kompleks dan juga dinamik. Oleh sebab itu kerajaan memanglah dapat mengkaji dan juga melihat keperluan untuk kita mewujudkan semula Majlis Keselamatan Negara ini secara perundangan.

Oleh sebab itu kita lihat Dewan Rakyat telah dapat meluluskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara tahun 2015 pada 3 Disember yang lepas supaya kita dapat melalui Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini, kita akan dapat meningkatkan penyelarasan matlamat berisikan entiti kerajaan termasuk dan pasukan keselamatan. Seterusnya, dapatlah mewujudkan mekanisme tindakan balas ke atas ancaman keselamatan negara.

Oleh sebab itu, saya lihat Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini sememangnya akan dapat membawa landskap yang berbeza kepada negara kita dalam menangani masalah keganasan dan juga ancaman keselamatan dalam negara.

Kita telah melihat aktiviti pengganas di Paris yang membunuh lebih kurang 130 orang awam dan juga mencederakan lebih kurang 400 orang awam. Pengganas ini merupakan satu ancaman yang amat menakutkan di seluruh dunia. Lebih-lebih lagi terdapatlah laporan daripada pihak polis yang mengatakan bahawa terdapat warganegara yang telah menyertai IS dan juga telah merancang untuk menjalankan tindakan pengeboman di kawasan pelancongan dalam negara kita.

Oleh yang demikian, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan khasnya Dewan Rakyat kerana mengambil langkah yang proaktif untuk memastikan bahawa keselamatan negara tidak dikompromikan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat ini saya lihat memanglah kita boleh memberikan sokongan yang sepenuhnya. Oleh sebab rang undang-undang ini tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan adalah teratur dari segi penggubalan dan rang undang-undang tidak bercanggah dengan kuasa kerajaan negeri oleh sebab tanggungjawab untuk mengawal keselamatan negara ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan juga rang undang-undang ini tidak memberhentikan kuasa yang di bawah Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Oleh sebab di bawah kuasa Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan masih dikekalkan. Oleh sebab itu, Yang di-Pertuan Agong masih boleh mengisytiharkan darurat di dalam negara kita ini.

Oleh sebab itu, apa yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit kekurangan dalam rang undang-undang ini. Apa yang saya lihat daripada segi keanggotaan Majlis iaitu peruntukan di bawah Fasal 6. Oleh sebab kuasa yang diberikan dalam rang undang-undang ini untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Negara ini tidak ditetapkan seramai lapan orang sahaja. Akan tetapi, apa yang saya lihat tidak ada terdiri daripada anggota daripada etnik. Oleh yang demikian saya khuatir bahawa kredibiliti majlis ini akan disoal kerana tidak mempunyai anggota yang boleh menasihatkan Pengerusi Majlis berkenaan dengan isu etnik.

Oleh sebab itu, saya lihat seboleh-bolehnya kita boleh memberikan kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melantik tambahan keanggotaan Majlis ini yang terdiri yang mewakili daripada kaum Cina, India dan juga bumiputera dari Sabah dan Sarawak supaya kita lihat bahawa Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini akan dapat mengamalkan prinsip tanggungjawab bersama dan juga dapat menjaga semua *crowd* yang ada di dalam negara kita ini.

Sebagai tambahan, saya juga mencadangkan kepada kerajaan bahawa perlulah menambahkan keanggotaan Majlis ini kepada Menteri yang bertanggungjawab dengan perpaduan dan juga integrasi nasional iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang di bawah portfolio perpaduan dan juga integrasi nasional. Oleh sebab keanggotaan Menteri ini akan dapat memastikan bahawa masalah perpaduan antara kaum dan juga integrasi nasional dapat dipantau dan diselitkan dengan cara yang lebih baik, yang tidak memerlukan kehadiran anggota keselamatan.

Sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara kita memang mencintakan keamanan dan keharmonian yang ada pada masa kini. Kita tidak mahu melihat perbalahan berlaku di antara rakyat dalam negara kita ini dan juga berharap bahawa Majlis Keselamatan Negara tidak perlulah menggunakan senjata api untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan isu perpaduan antara kaum di negara kita.

**■1220**

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya memang melihat bahawa rang undang-undang ini memanglah perlu kita memberi sokongan yang sepenuhnya seperti yang telah dapat diluluskan di dalam Dewan Rakyat. Oleh sebab rang undang-undang ini suatu rang undang-undang yang perlu demi memastikan keselamatan negara sentiasa terjamin dan diuruskan dengan berkesan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak berniat untuk mengambil kuasa Yang di-Pertuan Agong dan tidak melanggar mana-mana prinsip dan hak asasi yang sebagaimana yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan. Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 telah diluluskan di Dewan Rakyat dengan selulusnya.

Oleh sebab itu, akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 ini untuk diluluskan dan saya mohon pihak kerajaan memberi pertimbangan yang sewajar terhadap cadangan yang saya usulkan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin. Sekarang saya mempersilakan Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

**12.22 tgh.**

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang dan ruang membahas rang undang-undang yang kita bincang pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya lihat bahawa rang undang-undang ini penting dan perlu dilakukan dengan mengambil kira keadaan semasa yang telah berubah.

Ancaman keselamatan hari ini bukan lagi seperti dahulu. Kita menghadapi keadaan di mana perkara di luar jangkaan boleh berlaku. Ancaman pengganas bukan sahaja menggunakan medium secara fizikal malah menggunakan serangan siber yang dahulunya tidak ada dan sekarang ini sudah ada. Sebab itu, kita tidak lagi boleh terikat dengan peraturan yang lama untuk menghadapi keadaan perubahan yang berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita ingin bahaskan rang undang-undang ini di peringkat Dewan Negara yang mulia ini dan saya mohon pada semua yang Ahli-ahli Dewan Negara yang ada di Dewan yang mulia ini supaya kita lebih terbuka dan bersifat nasionalis dalam membahas rang undang-undang ini dan mengetepikan sementara sentimen politik yang berlebihan. Untuk pengetahuan dewan yang mulia ini, asas pengenalan akta ini bertujuan mengukuhkan fungsi MKN yang selama ini berfungsi tanpa struktur perundangan yang kukuh kerana kewujudan selama ini hanya berteraskan tadbir urus pentadbiran sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil contoh pencerobohan pengganas Lahad Datu 2013. Penglibatan MKN agak terhad kerana kelompongan asas perundangan sedangkan agensi ini bertanggungjawab mengenai hal-hal keselamatan negara. Begitu juga apabila Pusat Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) diwujudkan bagi mentadbir kawasan keselamatan yang dinamakan ESSZONE. Sekali lagi peranan MKN begitu terkekang kerana ESSCOM ini di antara lainnya merangkumi Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Imigresen dan menyukarkan sistem tadbir urus berpusat.

Walaupun ESSCOM dirombak daripada segi struktur pada 2014, kekangan masih wujud kerana ketiadaan asas perundangan. Agensi Keselamatan Sempadan diwujudkan ekoran daripada penemuan kem dan kubur pelarian di sempadan Malaysia dan Thailand pada Mei lepas yang memberi persepsi betapa longgarnya kawalan sempadan negara. Begitu juga penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara pada September lepas dalam iktibar daripada bencana banjir besar yang melanda beberapa buah negeri terutama Kelantan pada tahun lepas. Sepatutnya kewujudan MKN dengan asas perundangan tidak menjadi isu yang bukan sahaja memecah belah ahli politik tetapi juga orang ramai kerana ia diperkenalkan daripada iktibar peristiwa pencerobohan Lahad Datu.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang luar biasa memerlukan tindak balas yang luar biasa. Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara adalah wajar memandangkan kini zaman keganasan dengan kehadiran pengganas secara tersembunyi di antara kita sama ada dalam negeri dan luar negeri.

Walau bagaimanapun, di dalam negara yang mempunyai Perlembagaan yang tertinggi setiap akta Parlimen mesti berada dalam lingkungan Perlembagaan. Ia perlu mematuhi Perlembagaan baik dalam kandungan mahupun prosedur. Jika tidak akan ada tuduhan-tuduhan eksekutif menjejaskan Perlembagaan. Maka, akan adanya cabaran yang memalukan dan merosakkan imej politik undang-undang berperlembagaan terhadap mahkamah atasan. Mungkin akan ada kutukan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa aspek kontroversi dalam rang undang-undang ini dan perlu dipinda dan ditambah baik tanpa membelakangkan objektif rang undang-undang ini dan beberapa aspek itu ialah aspek hak asasi manusia yang termaktub di dalam Perlembagaan adalah tertakluk kepada hak-hak yang melangkaui apa yang dibenarkan Perlembagaan. Beberapa kuasa yang diberi kepada Perdana Menteri yang mana secara perundangan serta mendapat yang popular sepatutnya diberi kepada Yang di-Pertuan Agong. Rang undang-undang ini merupakan akta Parlimen biasa dan bukanlah undang-undang terhad subversif di bawah Perkara 149.

Undang-undang terhadap subversif boleh menjadi majoriti biasa dan tanpa perlu mengisytiharkan darurat di bawah Perkara 150 mengehadkan hak asasi di bawah Perkara 5- kebebasan peribadi, Perkara 9 kebebasan bergerak, Perkara 10 bercakap berhimpun dan berpersatuan dan Perkara 13 hak terhadap harta. Kegunaan Perkara 149 melindungi rang undang-undang ini terhadap cabaran hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, ia juga hak asasi manusia tidak dan tidak boleh secara mutlak. Pada masa yang sama kuasa Parlimen untuk mengehadkan hak asasi manusia adalah tidak terhad. Sebarang kekangan terhadap hak asasi manusia haruslah atas alasan yang dibenarkan secara jelas oleh perlembagaan. Di bawah seksyen 22 hingga 24, pengarah operasi berkaitan dengan kawasan keselamatan berkuasa untuk menahan, memindah, menempatkan semula orang itu atau kumpulan orang itu. Dalam seksyen 22 memerintah semua orang untuk berada dalam kediaman atau bangunan kecuali dengan permit. Seksyen 23 mengawal pergerakan orang, kenderaan *vessel* dan sebagainya. Seksyen 24, mengawal atau melarang penggunaan jalan atau laluan air atau ruang udara, seksyen 24.

Kuasa di atas terutamanya kuasa memindah dan menempatkan semula orang melangkaui Akta Kediaman Terhad yang telah dimansuhkan. Ini mungkin bertentangan dengan dua hak asasi Perkara 9 kebebasan bergerak dan menetap di mana-mana tempat dalam persekutuan dan Perkara 13 hak terhadap harta.

Seksyen 30 hingga 33 mengenakan larangan yang keras kepada hak terhadap harta dan mungkin boleh dicabar dibawa Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan yang memberikan hak untuk mempunyai harta. Seksyen 30 memberi kuasa mengambil milikan sementara tanah, bangunan atau harta alih. Perkataan milikan sementara adalah tidak dijelaskan di mana-mana selama manakah sementaranya. Seksyen 30 membenarkan pengambilalihan sementara tanah, bangunan atau harta alih untuk digunakan oleh akta bawah kuasa pengarah operasi. Di bawah seksyen 30(11) pampasan hendaklah dibayar.

Di bawah seksyen 32, ketua pengarah akan menilai pampasan. Ini adalah tidak sejajar dengan Perkara 13(2), Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pengambilan Tanah 1960 yang memastikan untuk pengambilan wajib atau penggunaan harta pampasan yang memadai hendaklah dibayar. Seksyen 31 membenarkan kerajaan menuntut untuk menggunakan sumber-sumber termasuklah utiliti dan aset. Peruntukan bagi pampasan yang dinilai oleh pengarah operasi adalah tidak sejajar dengan keperluan Perkara 13(2), untuk pampasan yang memadai.

**■1230**

Begitu juga seksyen 33 memberikan kuasa untuk memusnahkan bangunan yang tidak berpenghuni tertakluk kepada pampasan yang ditetapkan oleh pengarah operasi. Perkara 13(2) memerlukan pampasan yang memadai. Dengan ini, dicabuli.

Bantahan-bantahan mengenai perkara yang bertentangan dengan Perlembagaan di perenggan 3.2 hingga perenggan 3.4 boleh dipenuhi dengan mengubah Akta MKN daripada sebuah undang-undang biasa kepada undang-undang di bawah Perkara 149 untuk menentang subversi. Apa yang diperlukan ialah satu pendahuluan baru sejajar dengan Perkara 149(i) yang membawa kepada- *quote*, *"Bahawa tindakan telah diambil atau diancam oleh mana-mana kumpulan sama ada di dalam atau di luar Persekutuan.*

*(a) untuk menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu;*

(b) *yang memudaratkan penyenggaraan atau perjalanan apa-apa bekalan atau perkhidmatan kepada orang awam atau mana-mana golongan orang awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya; atau*

(c) *yang memudaratkan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau yang memudaratkan keselamatannya."*

Suatu akta di bawah Perkara 149 memerlukan majoriti mudah dan bukannya dua pertiga. Sekiranya Perkara 149 digunakan untuk meluluskan undang-undang ini, maka kebanyakan daripada bantahan yang berkaitan pencabulan hak asasi manusia dapat dineutralkan.

Kuasa yang diberikan kepada Menteri sepatutnya diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong. Di bawah seksyen 18, Perdana Menteri telah diberikan kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan sebagai kawasan keselamatan. Tidak diragui beliau bertindak atas nasihat Majlis Keselamatan Negara mengikut seksyen 4(c). Akan tetapi beliau sebagai Pengerusi MKN seksyen 6(a), kuasa tersebut milik beliau. MKN boleh menasihati beliau tetapi tidak boleh mengikat beliau.

Alasan yang membolehkan sesuatu kawasan itu diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan agak luas. Alasan ini adalah sama luas seperti perenggan Perkara 149(1) perenggan (a), (e) dan (f) untuk membenarkan Parlimen meluluskan undang-undang menentang perbuatan subversif keganasan terancang dan perbuatan dan jenayah memudaratkan orang awam. Alasan yang mana Perdana Menteri diberikan kuasa mengisytiharkan secara bertulis sesuatu kawasan itu sebagai kawasan keselamatan adalah sama seperti alasan dimana Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan darurat di bawah Perkara 150(1).

Dalam sejarah awal undang-undang darurat dari tahun 1964 hingga tahun 2012, kuasa mengisytiharkan sesebuah kawasan sebagai kawasan keselamatan telah diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong dan bukannya kepada Perdana Menteri. Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini mewujudkan tanggapan yang salah bahawa kuasa Raja di bawah Perkara 150 dirampas oleh badan eksekutif. Ini adalah berkenaan dengan persepsi tetapi dalam politik, persepsi selalunya penting daripada realiti.

Seksyen 18(1) tentang pengisytiharan mana-mana kawasan di Malaysia sebagai kawasan keselamatan tidak menghalang kemungkinan pengisytiharan bahawa seluruh negara kawasan keselamatan. Bagi tujuan mengehadkan keluasan keselamatan yang begitu, sesuatu pengisytiharan perkataan, *"mana-mana kawasan di Malaysia"* boleh digunakan dengan perkataan, *"mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan di satu atau lebih negeri-negeri Persekutuan."*

Di bawah seksyen 18(4), membenarkan pembaharuan tanpa had pengisytiharan kawasan keselamatan, setiap satunya tidak melebihi enam bulan pada satu-satu masa. Kuasa yang sebegitu luas mestilah selayaknya dimiliki oleh yang berkuasa yang mengatasi politik. Pihak yang dimaksudkan Yang di-Pertuan Agong.

Berhubung dengan sebab di atas, disarankan bahawa di Bahagian IV Pengisytiharan Kawasan Keselamatan, perkataan, *"Perdana Menteri"* hendaklah digantikan dengan perkataan, *"Yang di-Pertuan Agong"*, bertindak atas nasihat Majlis Keselamatan Negara. Ini tidak akan mengurangkan kuasa Perdana Menteri atas seba-sebab berikut:

Yang di-Pertuan Agong adalah terikat kepada bahasa yang jelas dalam Akta MKN untuk bertindak atas nasihat. Walaupun jika Akta MKN tidak menyatakan dengan jelas atas nasihat Majlis Keselamatan Negara, Baginda masih terikat di bawah Perkara 40(1) untuk bertindak atas nasihat Perdana Menteri. Ini secara jelasnya diulangi dalam Perkara 40(1A).

Di bawah Perkara 40(3), undang-undang Persekutuan boleh membuat peruntukan bagi mengehendaki Yang di-Pertuan Agong bertindak selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang selain Jemaah Menteri bagi menjalankan mana-mana fungsinya selain:

(a) fungsi yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya; dan

(b) fungsi yang berkenaan dengan perjalanan peruntukan ada dibuat dalam mana-mana perkara lain.

Fungsi keselamatan di bawah Akta MKN tidak lagi menjadi sebahagian daripada fungsi atas budi bicara Baginda di bawah Perkara 40(2).

Seksyen 42 memberikan kuasa kepada Perdana Menteri untuk membuat peraturan. Pada masa lepas, peraturan keselamatan biasanya digubal oleh Yang di-Pertuan Agong. Tradisi yang sama adalah tidak terjejas. Yang di-Pertuan Agong masih bertindak atas nasihat.

Seksyen 14 menyatakan bahawa kerajaan perlu menyediakan dana yang mencukupi untuk MKN setiap tahun. Ini merupakan ketidaksopanan terhadap Parlimen, yang paling teruk merampas fungsi Parlimen. Adalah disyorkan di seksyen 14, perkataan *"kerajaan"* digantikan dengan perkataan *"Parlimen"*.

Ciri-ciri yang boleh menyenangkan dalam rang undang-undang ialah seksyen 21(2), hampir-hampir memberikan pengarah operasi kuasa yang tidak terhad. *Quote, "Membuat segala benda yang perlu atau sesuai manfaat bagi berkaitan dengan kesalahan kewajipan di dalam kawasan keselamatan".* Ini adalah terlampau luas.

Mengikut klausa penyingkiran seksyen 38, pengarah operasi diberikan kuasa yang tidak terhad merangkumi hayat, kebebasan dan harta. Disyorkan agar klausa dipinda untuk dibaca seperti yang demikian. *Quote, "Membuat segala benda secara konsisten dengan Perlembagaan atau sebarang undang-undang yang perlu atau sesuai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan kewajipannya di dalam kawasan keselamatan negara".*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajukan mengenai fungsi Dewan Negara sedikit yang bertepatan dengan perbahasan rang undang-undang ini. Dewan Negara bukanlah *rubber stamp.* Mengikut Perlembagaan, ia adalah sebagai Dewan untuk meneliti dan melengahkan. Ia boleh membahaskan, meneliti, menggilap sesebuah rang undang-undang dan mengutarakan pindaan. Menurut peraturan mesyuarat kedua-dua Dewan, jawatankuasa bersama kedua-dua Dewan boleh mengetepikan perbezaan pendapat dan mencapai draf yang dipersetujui. Ia boleh melengahkan rang undang-undang Dewan Rakyat dalam jangka masa satu bulan bagi rang undang-undang perbekalan dan satu tahun bagi rang undang-undang bukan perbekalan.

Jika Dewan Negara tidak meneliti bahagian rang undang-undang yang berkontroversi dan tidak mencadangkan sebarang pindaan, ia akan dituduh sebagai *rubber stamp* kerajaan dan Dewan Rakyat. Pindaan oleh Dewan Negara mampu menyelamatkan kerajaan daripada mendapat malu di mahkamah pada masa hadapan. Pindaan yang bersesuaian akan memberikan gambaran positif kepada Dewan Negara dan Eksekutif serta komitmen mereka terhadap Perlembagaan. Sekiranya Dewan Negara tidak meneliti bahagian RUU yang kontroversi dan tidak mengusulkan pindaan yang bersesuaian, ia akan dituduh sebagai *rubber stamp* kepada kerajaan dan Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar beberapa saranan yang saya utarakan sebentar tadi diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok. Tidak ada? Saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah.

**12.39 tgh.**

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk sama-sama kita berbahas satu rang undang-undang yang saya pasti ketika ini sedang menjadi perhatian umum dan bukan sahaja hangat di Dewan ini tetapi juga di luar sana.

**■1240**

Saya mohon izin membuka pembentangan ini dengan merujuk ayat Al-Quran yang bermaksud- *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, "Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim, maka kalau kamu berlaku demikian, api neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain daripada Allah. Kemudian dengan sebab kecenderungan kamu itu, kamu tidak akan mendapat pertolongan",* Surah Hud, ayat 113.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan mukadimah Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa tujuan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara untuk keselamatan negara dan keselamatan rakyat. Ya, kami menyokong sebarang usaha yang dibuat untuk memastikan keselamatan negara ini dalam keadaan yang baik dan terkawal. Ini jelas kami pertegaskan, ya kami bersetuju. Akan tetapi masyarakat sivil memandang berat Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 yang diluluskan secara tergesa-gesa di Dewan Rakyat pada 3 Disember 2015.

Rang undang-undang ini...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Minta mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh? Boleh kah Yang Berhormat?

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada Yang Berhormat yang lain juga menyebut perkataan "tergesa-gesa". Bagi saya, saya mohon penjelasan apa maksudnya dengan "tergesa-gesa" kerana sering kali diulang oleh sebelah sana.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih. Yang dimaksudkan dengan perkataan "tergesa-gesa" apabila dalam pembentangan rang undang-undang ini di Dewan Rakyat, ia hanya mengambil masa setengah hari untuk dibentangkan dan dibahaskan. Ini yang dimaksudkan dengan rujukan perkataan "tergesa-gesa" Tuan Yang di-Pertua, kerana masa itu tidak dipanjangkan dan tidak diperluaskan.

Saya mohon untuk meneruskan. Rang undang-undang ini memberi kesan yang buruk kepada rakyat Malaysia yang merupakan ancaman yang belum pernah berlaku sebelum ini terhadap demokrasi berparlimen di Malaysia. Mengapa perlu ada undang-undang yang seperti ini, terutamanya apabila ia dilakukan secara tergesa-gesa tanpa sebarang justifikasi, hebahan mahupun perundingan.

Jika kita lihat daripada segi kuasa undang-undang ini, ia membolehkan satu jenis kuasa yang luar biasa ditumpukan pada tangan hanya seorang Eksekutif kerajaan sahaja. Kita juga melihat mekanisme semak dan imbang yang sepatutnya menjadi amalan sistem Demokrasi Berparlimen dinafikan sama sekali. Dalam konteks Malaysia, ia hal yang terpilih sahaja. Ditegaskan tidak ada mana-mana pihak pun yang harus dan perlu memegang kuasa tanpa batasan seperti ini. Impak sekiranya ia berlaku ialah ia akan menimbulkan kecenderungan salah guna kuasa, terutamanya ketika negara sedang berhadapan dengan pelbagai krisis politik yang sedia ada.

Rang undang-undang ini juga dilihat sebagai satu usaha terdesak sesetengah pihak untuk melindungi kuasa mereka bagi melindungi pengaruhnya yang kelihatan semakin tipis setiap hari. Ini juga dilihat sebagai satu perlanggaran Perlembagaan Persekutuan dengan cara mengambil alih kuasa yang diperuntukkan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 149 dan Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan.

Kerisauan ini juga timbul dengan pendekatan yang dibuat oleh pihak kerajaan yang dalam keadaan gopoh meneruskannya. Sedangkan ada usul yang dibawa di dalam Dewan Rakyat agar rang undang-undang ini dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan, *Select Committee,* dengan izin, untuk penelitian yang mendalam.

Bagi saya, ia merupakan satu usul yang wajar untuk dipertimbangkan agar ia diluluskan dengan mengikut prosedur yang betul dan tepat. Tambah mengelirukan lagi apabila seksyen 3, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 ini yang menyatakan bahawa Majlis Keselamatan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah menjadi pihak berkuasa Pusat, kerajaan untuk mempertimbangkan perkara berkenaan dengan keselamatan negara. Sedangkan jika kita merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Perkara 41 menyebut, "*Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan*". Hal ini jelas menyatakan bahawa boleh berlaku apa yang disebut mengambil alih kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti mana yang diperuntukkan di bawah Artikel 150, Perlembagaan Persekutuan.

Ia ditambah pula peruntukan-peruntukan undang-undang dalam Fasal 18 ini, akan mewujudkan mekanisme yang berasingan, di mana Perdana Menteri secara berkesan boleh mengisytiharkan kawasan keselamatan. Oleh yang demikian, rang undang-undang ini secara jelas dilihat cuba untuk mengambil alih kuasa yang kini akan dapat dilaksanakan oleh Perdana Menteri walaupun terma darurat tidak digunakan dalam rang undang-undang ini.

Berhubung dengan tentera, rantaian pemerintah, *chains of command* bahawa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 41, Perlembagaan Persekutuan telah diabaikan. Tambahan itu, Perkara 137 yang mengandungi peruntukan berkenaan Majlis Angkatan Tentera 1927 telah diabaikan sekali lagi. Perdana Menteri diberikan kuasa tanpa had untuk mengisytiharkan mana-mana kawasan di Malaysia sebagai kawasan keselamatan walaupun ia tidak merupakan ancaman sebenar, yang paling penting ia akan mewajibkan penglibatan tentera. Adakah kita lupa bahawa Dewan ini juga sama-sama pernah membahaskan dan meluluskan beberapa rang undang-undang sedia ada yang saya kira mekanismenya dilihat sama dan disebut dalam isu-isu keselamatan negara.

Kerajaan juga telah pun membawa masuk undang-undang kontroversi seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 dengan pindaan besar dalam tahun 2014 dan pindaan-pindaan pada tahun 2012 terhadap Kanun Keseksaan yang mana telah ditambah beberapa kesalahan terhadap negara. Yang paling penting ia disebut secara spesifik, digubal kononnya untuk membanteras pengganas. Akan tetapi hasilnya, jika kita lihat ISA dahulu pun digubal untuk pengganas akan tetapi yang ramai kena ahli politik. SOSMA yang kena juga yang kritik 1MDB dan sebagainya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tidak apa. Saya minta saya teruskan dahulu sebab panjang lagi. Nanti abang ada sesi lagi selepas ini? Jadi, masuk lah selepas ini.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Abang lagi. Habislah *[Ketawa]* Pendek, pendek. Abang hendak tanya pendek sahaja.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Okey, baik.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Dia kena pandai pujuk Tuan Yang di-Pertua. Ini adik kesayangan. Saya menghayati setiap perkataan Yang Berhormat sebut. Tidak apalah. Walaupun Yang Berhormat mulakan dengan ayat Al-Quran, bagus. Akan tetapi yang saya hendak tambah ini, saya hendak tanya mahu penjelasan Yang Berhormat ini, sebab kata ISA yang banyak kena ini orang politik. Orang politik yang macam mana? Adakah orang politik yang macam adinda Yang Berhormat, elok-elok tengah berbahas di sini, ditangkap dan dihumban ke Kamunting? Ataupun ahli politik yang memang melakukan gerakan-gerakan militan untuk mengganggu ketenteraman negara?.

Yang itu kena jelaskan sebab kalau itu tidak jelas, kita salah persepsi. Terima kasih.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih atas soalan. Saya kira itu nanti minta Yang Berhormat Menteri jawab.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Yang ini Yang Berhormat yang cakap.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tidak apa. Yang Berhormat Menteri dia mendengar, nanti dia jawab. Saya juga mahu menyentuh Fasal 11 yang menyebut, "*Tertakluk kepada akta ini, Majlis boleh menentukan tatacaranya sendiri*". Ini juga dilihat bercanggah dengan apa yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 150 yang menyatakan bagaimana tatacara yang melibatkan kuasa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong itu disenaraikan cukup banyak dan secara *details*. Malah dilihat terikat dengan tatacara yang telah disediakan. Akan tetapi bagi Majlis MKN ini, tatacara langsung tidak diperincikan dan disebut. Persoalannya, mengapakah ia tidak diperincikan dan apa lagi agenda tersembunyi yang cuba digelapkan daripada rakyat?

Berhubung dengan Fasal 17 yang menyatakan kewajipan entiti kerajaan berhubung dengan maklumat dan risikan, yang mana bagi saya dengan jelas menyatakan rang undang-undang ini membolehkan MKN memaksa entiti-entiti kerajaan untuk melaporkan kepadanya dan untuk memberi maklumat kepadanya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa MKN cuba mengatasi kuasa kerajaan negeri. Dengan bahasa mudahnya, mengambil alih kuasa kerajaan negeri yang sedia ada.

Rang undang-undang ini juga membolehkan MKN bertindak sebagai entiti pengumpulan maklumat risikan yang besar. Oleh sebab ia boleh memaksa tentera, polis dan agensi yang lain untuk melaporkan maklumat risikan yang dikumpulkan secara bebas. Ia membawa maksud, arahan pengumpulan maklumat ini boleh berlaku mengikut sesuka hati mereka tanpa asas. Yang paling penting, setiap maklumat yang mereka mahukan ini tidak perlu dinyatakan dan dirujuk kepada sesiapa pun dan ia boleh menjadi alat untuk kepentingan politik pihak yang terbabit.

Kita juga turut mempertikaikan bidang kuasa yang amat luas diberikan kepada Majlis Keselamatan Negara untuk menentukan apa yang menjadi suatu isu keselamatan. Saya senaraikan beberapa perkara yang menjadi kebimbangan utama rakyat dalam soal ini. Antaranya ialah Fasal 11(1) Rang Undang-undang MKN dan ukuran rendah dan arbitrari bagi Perdana Menteri mengisytiharkan sesuatu kawasan keselamatan.

**■1250**

Antara terma-terma yang harus diberikan penelitian yang mana ia boleh dijadikan asas agar perkara ini dilaksanakan ialah diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang berkemungkinan untuk menyebabkan bahaya yang serius kepada wilayah ekonomi infrastruktur utama negara Malaysia atau apa-apa kepentingan Malaysia yang lain dan kepentingan keselamatan negara, Fasal 4, dan Fasal 18.

Untuk makluman Dewan, definisi perkataan kawasan keselamatan ialah membenarkan pihak berkuasa untuk menggunakan keganasan dan kekerasan maut secara semberono, tangkap tanpa waran, menggeledah dan menyita serta mengenakan perintah berkurung. Ia juga memberikan kuasa pada mereka untuk mengambil alih bangunan dan harta boleh alih serta memusnahkan mana-mana bangunan atau struktur yang tidak berpenghuni di mana-mana kawasan keselamatan.

Fasal 25 hingga 42. Tambah rumit jika kita meneliti fasal 35 yang menyebut sekiranya berlaku kematian atau terbunuh, mana-mana anggota keselamatan dan orang awam di dalam kawasan keselamatan, undang-undang MKN ini akan digunakan sewenang-wenangnya dan bebas daripada hukuman kerana ia membenarkan penafian proses inkues terhadap mereka selagi Majistret berpuas hati bahawa orang yang terbunuh di dalam kawasan keselamatan diakibatkan oleh operasi yang dijalankan oleh pasukan keselamatan.

Saya juga ingin menyentuh Fasal 25, kuasa menangkap yang menyebut, *"Mana-mana anggota pasukan keselamatan boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang yang didapati melakukan, didakwa telah melakukan atau semunasabahnya disyaki telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di dalam kawasan keselamatan."*

Jika kita teliti perkara di atas ini, jelas dilihat bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia Bahagian II, Perkara 5 yang bertajuk Kebebasan Diri yang mana ia menyebut tidak seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Sama juga...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Itu Yang Berhormat Menteri *kang* nanti jawab Yang Berhormat Menteri. Dia kena ada, dalam itu kena sebut secara spesifik. Baik. Sama juga dengan fasal 26(1) dan 26(2) yang mana ia menyebut mana-mana anggota pasukan keselamatan boleh tanpa waran memeriksa atau menyita apa-apa yang disyaki boleh mengundang sesuatu kemudaratan. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apa sebenarnya yang sedang berlaku dengan kefahaman kalian kepada undang-undang di negara ini. Adakah hanya dengan definisi disyaki itu menghalalkan kalian melakukan apa sahaja, yang lebih penting ia boleh dilakukan tanpa waran?

Apakah maksudnya ini? Maksudnya ialah boleh berlaku tanpa masa dan tanpa sebarang tanda dan ini jelas menunjukkan yang kerajaan sedia ada cuba untuk menakutkan rakyat untuk hidup secara normal. Ya, cuba kita bayangkan sekiranya ada sebarang artikel yang ditulis, yang dilihat menggugat kedudukan seseorang yang berkepentingan, maka ia akan dilihat sebagai satu jenayah. Ini namanya zaman edan Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga kita lihat Fasal 37, Fasal 38, Fasal 39, Fasal 40 dan Fasal 41 yang menyatakan bahawasanya akta ini membolehkan perlindungan kepada ahli-ahli MKN, jawatankuasa, kakitangan dan pasukan keselamatan daripada apa-apa jenis tindakan prosiding sivil dan jenayah melainkan sekiranya dilakukan dengan niat jahat.

Ditambah dengan obligasi kerahsiaan di bawah rang undang-undang ini dan apa yang tertulis ini menyatakan bahawa mereka ini langsung tidak perlu bertanggungjawab ke atas tindakan-tindakan mereka. Ini adalah apa yang boleh disebut sebagai lepas tangan. Buat tapi tidak perlu tanggung apa-apa walaupun di mata rakyat ia mungkin satu kesalahan tetapi dalam undang-undang mereka, ia adalah halal.

Untuk itu saya ingin menyatakan bukankah lebih baik jika rang undang-undang ini tidak diluluskan dan sebaiknya pihak kerajaan menambah baik sikap keberkesanan Perdana Menteri sebagai penasihat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong khususnya dalam soal keselamatan negara agar proses mengambil alih kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu tidak berlaku. Saya bertanya sekali lagi kepada kerajaan yang ada ini, apakah pihak kerajaan cuba untuk mempertikaikan keupayaan yang ada pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam isu keselamatan negara?

Tuan Yang di-Pertua, katakanlah apa saja bahawa rang undang-undang ini akan ada Majlis yang membuat keputusan atau sebagainya. Namun saya ingin menyatakan bahawa kepercayaan rakyat kepada kerajaan yang ada ini cukup kritikal. Ini kerana ada banyak perkara yang dibuat tetapi hasilnya cakap tidak serupa bikin. Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan ada menyebut ketika sesi pembentangan, Dato’ Seri Najib tidak akan menjadi diktator seperti realitinya tetapi realitinya kritik 1MDB, SOSMA lah balasannya. Bongkar saja rasuah dan salah guna kuasa yang disiasat bukan perasuah tetapi yang buat aduan. Tidak setuju pertikai keupayaan sebagai pemimpin, maka dilucutkan jawatanlah hadiahnya dan inilah saya sebut sebagai, “cakap tak serupa bikin”.

Saya tegaskan ia bukan satu jaminan yang boleh dipercayai. Bunyinya cantik, pengganas, IS dan sebagainya, namun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada tiga minit lagi Yang Berhormat supaya...

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Ya, ini saya hendak gulung sudah, habis sudah. Hakikatnya ia akhirnya akan menjadi alat politik jua. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saranan saya wajar untuk kita mempertimbangkan agar rang undang-undang ini dibawa ke Jawatankuasa Pilihan yang mana penglibatan kesemua segmentasi rakyat termasuk NGO dilibatkan agar rang undang-undang ini tidak menjadi bahan yang akan kita sesal di kemudian hari. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menolak Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sebagaimana saya maklumkan terlebih awal, Yang Berhormat diberi masa 20 minit saja kepada semua kerana masa itu untuk semua berbahas dan sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

**12.56 tgh.**

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, terima kasih saya diberi peluang untuk berhujah pada petang ini.

Saya telah mendengar hujah-hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Saya mengakui isu ini bukanlah merupakan satu isu yang mudah. Kini begitu kompleks, yang memerlukan satu pendirian dan pemikiran yang betul-betul menekankan tentang kepentingan negara dan rakyat. Pemikiran-pemikiran yang berteraskan kepada pemikiran yang berbentuk membangkang apa saja mesti dihapuskan.

Kita kena faham suasana politik pada hari ini cukup-cukup kritikal. Suasana di mana kita memerlukan sebuah negara yang stabil sebagai satu pra syarat untuk memastikan ekonomi yang stabil, rakyat yang harmonis dan anak cucu cicit kita dapat hidup dengan tenang dan aman. Itu matlamat negara kita, itulah hasrat pemimpin-pemimpin kita. Apa saja yang kita lakukan sudah pasti saya tidak menafikan ada keburukannya. *Nobody is perfect*, Perdana Menteri kita pun bukan seorang yang *perfect.* Akan tetapi kita kena melihat secara keseluruhan, secara *total,* apa matlamat yang sebenarnya, yang tersirat dan tersurat? Itu penting. Yang tersirat dan tersurat.

Kalau sekiranya matlamat itu baik, ya, lebih banyak baik daripada yang jahat ataupun yang kurang baik, ini patut kita terima. Ketepikan ideologi-ideologi yang sentiasa membangkang. Apa saja kerajaan buat, semua salah. Selama ini saya tidak nampak pun pihak pembangkang yang memuji tapi selalunya apa saja kerajaan buat semua tidak betul, semua fitnah dan tiba-tiba akhirnya minta maaf. Itu saja mereka boleh buat kerana saya perhatikan, saya menghormati *argument* yang telah diberikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya hormat. Tidak kira dari parti lawan ataupun parti yang memerintah, kita menghormati.

Akan tetapi saya katakan tadi isu ini merupakan satu isu yang cukup berbeza. Dalam suasana politik pada hari ini dan kita kena lihat pengajaran yang kita dapati daripada negara-negara lain. Kita lihat bagaimana US selepas 9/11 mengambil tindakan yang tidak kita duga sama sekali, mengenepikan langsung tentang hak asasi manusia, mengambil tindakan tanpa dibawa kepada undang-undang, tanpa dibawa kepada mahkamah. US mengesyaki Saddam Hussin dan Saddam Hussin dibunuh tetapi akhirnya hingga hari ini kita dapati Saddam Hussin tidak bersalah atas tuduhan itu. US menzalimi pejuang-pejuang Islam di Guantanamo...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kerana masa sudah tepat menunjukkan jam 1 tengah hari, saya terpaksa menangguhkan perbahasan Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh sambung jam 2.30 petang nanti selama 17 minit lagi.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya tangguhkan sidang kita sehingga jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]***

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, dipersilakan Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah sambung balik perbahasan.

**2.32 ptg.**

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 pada hari ini saya rasa amatlah bertepatan pada waktu dan ketikanya. Walau bagaimanapun, saya tegaskan tadi saya mengakui dan saya setuju ada beberapa kelemahan. Terdapat beberapa kelemahan yang kita mengharapkan ia akan diperhalusi, diperbetulkan dan ditambah baikkan lagi selepas rang undang-undang ini diluluskan, *inshaaAllah.*

Tuan Yang di-Pertua, jika dahulu negara berhadapan dengan ancaman penjajahan oleh kuasa asing, keganasan komunis, insiden 13 Mei 1969 dan sebagainya, hari ini kita pula berhadapan dengan ancaman keselamatan negara yang bersifat multi dimensi sama ada dari dalam ataupun dari luar negara seperti kerapuhan perpaduan nasional, cabaran kepada sistem demokrasi negara, serangan terhadap sistem ekonomi, ancaman siber dan lain-lain lagi.

Sewajarnyalah ancaman-ancaman sebegini harus ditangani dengan penggubalan dasar-dasar keselamatan yang lebih baik supaya mekanisme dan sistem pengurusan keselamatan negara perlu diberi anjakan paradigma dan ditransformasikan supaya mampu menghadapi sebarang bentuk ancaman pada masa kini dan akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dalam dunia global, ya dunia tanpa sempadan pada hari ini terutama selepas peristiwa *World Trade Centre 9/11*, masalah yang dihadapi oleh negara kita cukup berbeza dari dahulu. Ancaman keselamatan yang magnitudnya cukup besar, begitu kompleks, dinamik, begitu *complicated,* memerlukan tindak balas segera yang setimpal, berkesan, *challenge and respons* iaitu cabaran-cabaran mesti diberi respons yang baik. Cabaran-cabaran yang magnitudnya besar, dinamik, kompleks juga mesti diresponskan dengan tindak balas yang magnitudnya besar, dinamik dan kompleks.

Peristiwa IS, masalah Lahad Datu sebagai contoh yang memerlukan tindakan yang segera. Tadi saya bagi contoh apa yang dilakukan oleh Amerika Syarikat selepas *9/11 World Trade Centre* untuk mempertahankan kedaulatan negara mereka, mereka akan buat apa sahaja walaupun tuduhan itu adalah tidak betul. Baru-baru ini Paris apabila Paris dibom oleh beberapa kumpulan tertentu, pihak negara Perancis telah mengambil tindakan berikut secara spontan mengebom negara-negara yang disyaki. Bahkan di Singapura sendiri, pihak Kerajaan Singapura cukup tegas.

Segala bentuk ataupun tindakan-tindakan yang membahayakan kedaulatan negara, mereka akan mengambil tindakan yang cepat dan sebaliknya juga, saya tekankan di sini betapa pentingnya satu Kerajaan Pusat yang stabil dan bersatu-padu. Kerajaan Pusat yang disokong sepenuhnya oleh kerajaan negeri-negeri dalam konsep persekutuan. Contohnya, saya ingin ambil sebagai satu contoh, di Somalia. Apa yang berlaku di Somalia pada hari ini setelah keluarnya penjajah dari negara Somalia. Somalia menghadapi masalah yang cukup besar hingga ke hari ini hingga mereka menghadapi masalah kebuluran dan ribuan warga termasuk kanak-kanak dan wanita dibunuh.

Salah satu sebab ialah Kerajaan Persekutuan tidak disokong oleh kerajaan negeri bahkan parti-parti pembangkang sentiasa mengambil kesempatan untuk menjatuhkan kerajaan yang telah dilantik. Itulah kerja mereka. Tidak ada kerja lain. Maka apabila Kerajaan Persekutuan tidak kuat, lemah, maka tidak ada *political stability*, tidak adalah *economic stability*. Itu yang berlaku di Somalia. Ini contoh yang saya hendak pesankan kepada rakan-rakan saya betapa bahayanya kalau kita tidak memahami rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat kes di Britain. Di Britain misalnya, mereka telah mengambil keputusan supaya mewujudkan satu *bill* yang baru yang kita panggil *Bill of Rights* and Responsibilities menggantikan Akta Hasutan Hak Asasi Manusia yang kita tahu selama ini merupakan asas kepada negara tersebut.

Bercakap tentang hak asasi di Britain, sejumlah besar rakyat di Britain menunjukkan kehendak untuk memelihara kedaulatan, sesebuah negara mestilah diberi keutamaan lebih tinggi daripada kehendak hak asasi manusia mutlak semata-mata. Kewujudan undang-undang *human rights* tidak menjamin perlindungan hak asasi rakyat yang sebenar sekiranya tidak didasarkan pada latar belakang sejarah, budaya, agama dan nilai-nilai sesebuah negara itu, juga berdasarkan kepada realiti politik semasa, realiti masyarakat berbilang kaum, agama serta Perlembagaan negara.

Realiti politik negara pada hari ini kita lihat realitinya banyak politik, parti politik yang tidak ikhlas. Mereka bukan berjuang untuk kesejahteraan rakyat, tetapi berdasarkan kepada kerakusan, mengambil alih kuasa tanpa mengikut konsep demokrasi tetapi melalui satu konsep yang dipanggil *regime change*. *Regime change* yang dibawa oleh satu *invisible hand* oleh pihak-pihak Yahudi Israel dan pihak pelobi-pelobi Amerika Syarikat.

**■1440**

Sifat-sifat yang *childish,* sifat dendam yang tidak berkesudahan. Lihat di negara-negara Barat, tiap-tiap kali setelah mereka selesai pilihan raya, semua parti politik bersatu padu untuk membantu parti yang memerintah supaya negara mereka akan terus maju dan seterusnya dapat mempertahankan kedaulatan negara mereka. Akan tetapi di sini tidak. Apa sahaja yang dibuat oleh pihak kerajaan sentiasa dihentam.

Semalam saya rasa agak kecil hati Yang Berhormat telah menyamakan dasar ini seolah-olah Perdana Menteri mengamalkan dasar Yahudi Israel. Saya ingin bukti, buktikan kerajaan kita zalim seperti Yahudi Israel kerana kalau kita macam Yahudi Israel, saya pasti ramai ahli-ahli pembangkang yang telah diusir dari negara ini. Bahkan, malahan pada hari ini mereka hidup begitu mewah seperti yang kita tahu.

Bahkan, pagi tadi rakan kita seorang lagi juga mengatakan kita zalim. Buktikan kita zalim. Tuan Yang di-Pertua, bercakap daripada segi Yahudi Israel ini, siapakah yang Yahudi Israel? Saya membawa keratan akhbar, *news statement* yang dibuat oleh seorang pemimpin tertinggi PAS saudara Muhammad Zudi Marzuki Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. Beliau menegaskan bahawa parti ini, gerakan yang memperjuangkan agenda 3S itu sedang giat memainkan sentimen agama untuk menarik sokongan orang bukan Islam di Sabah dan Sarawak.

Bahkan beliau mengatakan bahawa kemungkinan parti tersebut memainkan peranan sebagai sekutu Israel di Asia Tenggara. *“Siapa yang Israel, siapakah yang Yahudi di sini?”* Saya telah katakan dahulu banyak bukti yang saya baca pada buku yang mengatakan merekalah yang dikatakan sekutu Yahudi Israel, bukannya pihak kerajaan. Pagi tadi...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Bagi saya habiskan sedikit, duduk dahulu.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Okey.

**Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Pagi tadi mengatakan bahawa kita zalim dan beliau menggunakan ayat al-Quran. Saya juga boleh menggunakan ayat al-Quran. Siapakah yang zalim? Dalam ayat 9, surah al-Mumtahanah, antara maksud, sesungguhnya Allah hanya melarang kamu daripada menjadikan teman rapat- orang yang memerangi kamu dalam urusan agamamu, yang pertama; kedua, mengusir kamu dari kampung halaman mu, dan seterusnya membantu mereka untuk mengusir mu sebagai kawan kamu. Barang siapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang yang zalim. Ini ayat al-Quran. Ini yang berlaku di Pulau Pinang di mana seorang yang datang dari sebuah negeri yang berlainan- dari Melaka berhijrah ke Pulau Pinang, dan mengusir anak watan Pulau Pinang dari negeri mereka sendiri.

Ayat al-Quran mengatakan- ini tidak boleh dibantu dan mereka yang membantu walaupun mereka itu orang Islam. Dikatakan di sini, kalau mereka membantu pihak tadi mengusir orang-orang Islam dari tempat mereka, dan membantu mereka untuk menolong mengusirnya, maka merekalah orang yang zalim...

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Sila.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ibrahim kata Ketua Menteri Pulau Pinang asal dari Melaka. Sebenarnya beliau ini keluarga dari Johor. Masuk Melaka lepas itu pergi kacau pula Pulau Pinang...

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ini lagi lawak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya ingatkan dari Melaka. Melaka pun orang tak nak, lari dari Johor, pergi ke Pulau Pinang. Sampai Pulau Pinang mengusir orang Pulau Pinang.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tahu tidak dia bertanding di Melaka, Jawatankuasa DAP pun dia kalah. Isteri dia pun kalah juga.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Sila Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih. Saya dalam ucapan saya, saya tidak samakan kerajaan kita ini sama dengan Zionis. Yang saya pesan ialah, jangan gunakan taktik Zionis. Itu sahaja. Tentang siapa yang datang dari Melaka bertanding di Pulau Pinang, apa salahnya. Negara ini demokrasi. Itu hak dan mana-mana *political* pun hendak bertanding di mana pun terpulang lah kepada dia. Ini terpulang, kalau rakyat terima dia, okey lah. Tidak terima, *biaq pi* lah. Termasuk juga Tan Sri Ali.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi perbahasan yang dilakukan, yang dibuat oleh wakil daripada PKR, terang-terang menyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang diktator. Terang-terang. Kita dengar, semua kita dengar. Jadi, masalahnya bertepatan surah ayat yang dibaca oleh Yang Berhormat sebentar tadi, siapa yang diktator, siapakah yang zalim?

Dari Johor pergi Melaka, pergi Melaka sampai Pulau Pinang, halau rakyat Pulau Pinang. Hendak berniaga tidak boleh, hendak buat itu tidak boleh, hendak buat ini tidak boleh. Semua tanah diambil atas dasar pembangunan, kononnya. Hendak bina rumah kos rendah kononnya tetapi tidak bina. Halau orang Melayu yang berniaga pergi ke bukit, pergi ke hutan. Siapakah yang zalim sebenarnya? Minta penjelasan.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Yang Berhormat. Telah pun saya katakan tadi. Saya tidak marah Tuan Yang di-Pertua, saya cuma respons. Minta maaf Yang Berhormat ya. Saya bukan orang yang suka marah orang, tidak. Cuma sebab tuduhan-tuduhan yang diberikan itu amat berat. Macam tadi menuduh *Prime Minister* zalim, saya tidak boleh terima. Tunjukkan saya bukti-bukti yang beliau zalim...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua minit lagi ya Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Berapa minit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Alamak, 10 minit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua minit.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey, okey. Saya minta maaf.

Jadi inilah yang perlu kita fahami. Kita kena ikhlas untuk kepentingan negara kita. Jangan tuduh sebarang, fikirkan betul-betul. Dia hendak kata orang zalim- tunjuk orang, jari ini yang sebenarnya mengatakan kita zalim. Bukti telah pun saya bacakan ayat al-Mumtahanah tadi, dan juga bukti yang sama saya tunjukkan keratan surat khabar. Siapa yang dikatakan proksi Yahudi dan siapa yang dikatakan zalim.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa rang undang-undang ini memang cukup penting tetapi pada hari ini kita lihat pembentangan rang undang-undang ini telah disensasikan oleh banyak pihak sama ada orang-orang politik, pertubuhan bukan kerajaan NGO atau pun mana-mana pihak lain yang mendakwa pentingnya mereka di perdebatan isu ini. Mungkin mereka lupa seharusnya mereka perlu lihat tujuan utama rang undang-undang ini diwujudkan.

Mereka dengan mudah melemparkan pelbagai tohmahan dan tuduhan kononnya dengan berkuat kuasanya rang undang-undang ini akan memberikan kuasa diktator kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengisytiharkan darurat dan sebagainya.

Sebagai rakyat, kita haruslah lebih peka dalam kondisi di seluruh dunia menghadapi pelbagai ancaman dan risiko keselamatan. Kita tidak perlu terlalu *skeptic* dengan membuat tuduhan mudah bahawa rang undang-undang ini memberi kuasa politik lebih besar kepada Perdana Menteri.

Dakwaan ini hanyalah persepsi semata-mata dan keselamatan negara tidak mungkin boleh dibeli atau dibayar dengan persepsi. Mereka mendakwa dan memfitnah. Dengan adanya rang undang-undang ini, kononnya membiarkan MKN mendapat kuasa secara efektif menggantung kerajaan berParlimen, pemerintahan awam dan kedaulatan undang-undang di kawasan keselamatan dan akan digunakan untuk mengambil alih secara efektif kuasa kerajaan negeri. Sebenarnya perbezaan definisi darurat dan kawasan keselamatan adalah, umpama bumi dengan langit. Apabila darurat diumumkan, bermaksud semua institusi politik tidak berfungsi. Manakala Yang di-Pertuan Agong boleh melaksanakan undang-undang tanpa merujuk kepada Parlimen.

Selain itu juga, kita perlu memahami bahawa undang-undang MKN ini mempunyai had masa yang tertentu dan perlu dirujuk semula kepada Parlimen jika sesuatu keputusan yang diambil melalui Rang Undang-undang MKN ini melebihi enam bulan dan Parlimen tidak melanjutkannya, maka ia akan terbatal dengan sendiri.

**■1450**

Kita juga seharusnya sedar dan tahu bahawa Rang Undang-undang MKN adalah lebih baik daripada ISA. Dalam Rang Undang-undang MKN, sesiapa yang melakukan kesalahan akan dibicarakan. Tiada tahanan tanpa bicara dalam kawasan keselamatan manakala semua undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen akan berkuat kuasa.

Di samping itu Rang Undang-undang MKN lebih demokratik kerana keputusan Majlis Keselamatan Negara mengikut majoriti. Perdana Menteri tidak memutuskan sesuatu tindakan secara bersendirian tetapi ia diputuskan oleh Ahli-ahli Majlis Keselamatan Negara. Kuasa prerogatif mana-mana Perdana Menteri melantik Ahli-ahli Majlis Keselamatan Negara di mana perkara-perkara yang berkaitan dengan kawasan keselamatan negara, Perdana Menteri akan bertindak atas nasihat Majlis Keselamatan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ketahui dengan jelas kuasa MKN adalah menyelaras tindakan operasi untuk agensi kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawab. MKN tidak ada kuasa mendakwa seperti badan agensi keselamatan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau boleh, gulung Yang Berhormat. Sila gulung Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Maka dengan ini saya amatlah menyokong penuh agar Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 yang dibentangkan, diluluskan dengan beberapa pindaan atau penambahbaikan. Ini kerana saya amat yakin bahawa rang undang-undang yang dibentangkan ini akan memberikan kebaikan kepada negara untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan negara yang tercinta ini. Dengan adanya rang undang-undang saya yakin dan amat percaya ia dapat mengekalkan perpaduan bangsa dan keamanan serta mendaulatkan kedudukan Raja-Raja. Sekian terima kasih. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Datuk Norliza.

**2.52 ptg**

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi ruang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara. Saya rasa ramai yang ingin berbahas. Jadi saya ingin cuba berbahas dalam waktu yang dibenarkan, *inshaaAllah.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Saya memahami niat kerajaan dalam menggubal rang undang-undang ini yang menyasarkan usaha menangani ancaman keganasan sama ada keganasan domestik ataupun antarabangsa yang jelas ancaman yang nyata pada hari ini. Seharusnya sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, keperluan untuk menangani ancaman ini adalah sangat penting.

Kalau kita lihat apa yang berlaku di Paris baru-baru ini dan juga di negara-negara lain dan saya rasa keperluan untuk kita mengadakan rang undang-undang ini adalah sangat penting. Kalau kita lihat saya rasa semua Ahli Dewan Negara juga menerima pelbagai emel yang dihantar kepada kita kerana pihak di luar juga agak melihat rang undang-undang ini sesuatu yang hebat yang mereka juga ingin memberi pandangan. Akan tetapi pada pandangan saya sebagai ahli Dewan Negara, kita faham bahawa kita tidak mahu berpolitik daripada segi rang undang-undang. Sebagai seorang rakyat Malaysia, saya rasa daripada segi rang undang-undang ini kita akan membahas dengan bebas dengan memberi penekanan kepentingan rakyat dan juga kepentingan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa kebaikan dalam rang undang-undang ini di mana usaha awal boleh diambil bagi membendung sebarang ancaman. Bak kata pepatah Melayu, mencegah adalah lebih baik daripada mengubati. Jangan sampai nasi menjadi bubur baru hendak ambil tindakan. Namun sebagai rakyat yang prihatin, saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk turut berhujah berkaitan wujudnya beberapa *loopholes* atau kelemahan yang saya kira penting untuk sama-sama kita renungi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Perlembagaan menyatakan Yang di-Pertuan Agong berhak menjalankan kuasanya di bawah Fasal 1, Perkara 150. Jelas termaktub bahawa Baginda sahaja yang boleh membuat keputusan untuk mengisytiharkan darurat di mana tahap keselamatan atau ekonomi Persekutuan diancam. Akan tetapi jika kita rujuk pada Rang Undang-undang MKN ini dalam Bahagian IV, seksyen 18(1) menyatakan jika Majlis menasihati Perdana Menteri keselamatan di dalam mana-mana kawasan di Malaysia diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang, Perdana Menteri boleh jika difikirkan perlu demi kepentingan keselamatan negara mengisytiharkan secara bertulis kawasan itu sebagai kawasan keselamatan. Jika perbandingan dibuat di antara Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan serta seksyen 18(1), Rang Undang-undang MKN ini, kuasanya agak selari yang diperuntukkan dalam rang undang-undang kedua-duanya.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa, kuasa Perdana Menteri bukan ke arah mengisytiharkan darurat, kerana darurat itu kuasa Yang di-Pertuan Agong, dikatakan akta ini hanya untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan. Namun pada pandangan saya, jika ada dua orang ketua yang mempunyai kuasa dalam menilai keselamatan sesuatu kawasan, apakah kesannya nanti?

Isunya jika satu Akta MKN memperuntukkan kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan itu terancam dan terdapat juga peruntukan yang sama dalam Perlembagaan Persekutuan yang juga undang-undang tertinggi dalam negara, apa sebenarnya yang boleh berlaku. Jadi harus kita perhalusi sedikit rang undang-undang ini supaya tidak memberi persepsi yang negatif di pihak luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai seksyen 6, Rang Undang-undang MKN jelas Majlis Keselamatan Negara yang dianggotai oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Dalam Negeri, Menteri Komunikasi dan Multimedia, KSU, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara. Walaupun seksyen 10, Rang Undang-undang MKN menjelaskan orang lain boleh dijemput bagi menasihati mesyuarat tentang perkara-perkara yang sedang dibincangkan, perkara ini masih tidak jelas dan individu yang dijemput masih terletak di bawah kuasa Majlis.

Saya berpandangan seksyen 10 ini agak longgar ataupun ada sedikit *loopholes,* dengan izin dan terdapat kebarangkalian ia boleh disalahgunakan kerana tidak mempunyai nilai seimbang dan nilai semakan iaitu dengan izin, *check and balance* terutama dalam hal mengisytiharkan kawasan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 2, istilah “kawasan keselamatan” tidak ditafsirkan dengan secara jelas dan hanya terletak atas kuasa penuh Perdana Menteri. Saya mohon istilah “kawasan keselamatan” ini diperhalusi lagi dengan lebih terperinci.

Mengenai Bahagian V, ia memperuntukkan bawah Pengarah Operasi dan pasukan keselamatan boleh dengan kuasa penuh secara budi bicara menahan mana-mana orang, mengeluarkan arahan perintah berkurung, menangkap suspek sesuatu jenayah tanpa sebarang waran dan kuasa, menggeledah dan menyita.

Seksyen 17 ini telah menjadikan bahawa kuasa MKN mengatasi kuasa badan-badan keselamatan serta entiti kerajaan yang ditafsirkan dalam rang undang-undang ini. Isunya ialah kalau diingatkan dalam hal keselamatan entiti seperti ini perlu bebas dan tidak sepatutnya terikat dengan mana-mana pihak. Akan tetapi nampaknya Bahagian V dan seksyen 17 ini tidak dinyatakan dengan jelas maksud kuasa penuh ini. Adakah perlu kelulusan Majlis atau sekadar budi bicara Ketua Pengarah Operasi sahaja. Saya mencadangkan agar perkara ini diberi perhatian dan mungkin perlu diperhalusi ayatnya dan ditambah klausanya supaya ia lebih *detail*.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya juga ingin menyatakan bahawa sebenarnya kalau kita melihat secara holistik dan menyeluruh, rang undang-undang ini adalah sangat baik sebab ia cuba mengelak dari berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Sebagaimana yang kita tahu, di Malaysia sendiri banyak perkara yang berlaku yang tidak kita sangka. Jadi dengan adanya rang undang-undang ini ia akan dapat membanteras sebarang ancaman *extremist* dan juga ancaman bencana.

Jadi cuma masalahnya ataupun yang kita lihat di sini sebagaimana yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Dewan Negara yang lain, kita merasakan terdapat banyak ayat ataupun perkataan di dalam ini yang agak tergantung yang perlu kita lihat definisinya dan diperhalusi kefahamannya supaya ia tidak disalahgunakan pada masa-masa akan datang. Oleh sebab yang penting rang undang-undang yang kita bahas hari ini akan digunakan di kemudian hari dan berpuluh-puluh tahun yang akan datang. Kita tidak mahu ia disalahgunakan pada masa-masa hadapan.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua itu sahaja yang ingin saya sentuh pada hari ini. Dengan itu saya harap rang undang-undang ini kita sokong sepenuhnya dan kita harap dapat dibaikkan sedikit ayatnya supaya perkara-perkara yang mempunyai kelonggaran itu dapat dimantapkan lagi dan diperincikan lagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Yang Berhormat Datuk Lihan Jok.

**■1500**

**3.00 ptg.**

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya. Kalau kita lihat negara kita masih muda. Sejak ia ditubuhkan sehingga hari ini, dalam lingkungan sekurang-kurangnya 60 tahun. Masih muda lagi. Individu-individu yang terlibat dalam penubuhan negara kita itu masih hidup sehingga hari ini.

Penubuhan negara kita juga Tuan Yang di-Pertua, adalah unik. Kita Persekutuan. Empat buah komponen. Semenanjung, Sarawak, Sabah dan Singapura. Entiti yang berbeza bersatu hati, tubuh sebuah negara yang bernama Malaysia. Jadi tiap-tiap individu ini, entiti ini ada semangat masing-masing tetapi bila semangat yang berbeza itu dibawa ke meja rundingan, persetujuan-persetujuan yang masih mekar dalam ingatan sesuatu entiti ini yang perlu dijaga dengan baik.

Saya maksudkan dalam waktu kerajaan ingin membentuk undang-undang yang penting serupa Majlis Keselamatan Negara ini, aspirasi dan hasrat entiti ini perlu kita ingat. Kalau Sarawak dalam penubuhan Malaysia, ia disebut *The 18-Points Agreement.* Di Sabah, ia menyebut, *The 20-Points Agreement,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *The 18-Points Agreement* bagi Sarawak, kerana saya berasal dari Sarawak, benda ini masih mekar dalam ingatan kita.

Masih kita ingat generasi yang menubuhkan Malaysia ini masih hidup. Belum kita lupa lagi, sentimen aspirasi kita itu untuk tubuhkan Malaysia itu dengan beberapa hasrat yang perlu Malaysia ingat yang menambat hati Sarawak kerana penubuhan Malaysia itu menghormati *The 18-Points Agreement* ini.

Jadi kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, dalam masa hampir 60 tahun ini, negeri Sarawak masih lagi dalam keadaan yang menyesuaikan diri, tempatnya di dalam Malaysia.

Jadi dalam hal ini, ada banyak perkara yang belum selesai seperti hak milik tanah bagi orang peribumi di Sarawak, belum selesai disukat dengan sempurnanya. Ada perkara-perkara yang lain yang sehingga baru-baru ini kerajaan negeri telah menuntut autonomi untuk Kerajaan Negeri Sarawak dalam banyak perkara.

Jadi kalau kita lihat dalam waktu aspirasi Sarawak yang begini dan Kerajaan Persekutuan datang dengan mengenakan satu undang-undang yang berat begini, saya rasa belum tepat sekali. Walaupun ia satu undang-undang yang baik, saya memang menyokong penuh Majlis Keselamatan Negara 2015. Ini kerana siapa di dunia ini yang ingin negaranya dalam keadaan kucar-kacir. Akan tetapi kita ingin sebuah negara yang aman kerana kerajaan yang sentiasa ingin memelihara keamanan itu. Jadi salah satu cara kerajaan ialah Majlis Keselamatan Negara 2015.

Memang tepat, memang bagus. Kalau kita lihat kiri dan kanan kita, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat ancaman itu bermacam-macam. Akan tetapi pada hemat saya, kita lihatlah entiti Sarawak ini tadi yang masih menyesuaikan dirinya. Kalau Majlis Keselamatan Negara ini, undang-undang ini kalau diperkenalkan dalam keadaan bila mana Sarawak belum menerima, banyak perkara belum diselesaikan, mungkin menimbulkan banyak masalah lagi. Oleh sebab yang demikian, dalam hasrat saya menyokong undang-undang ini, saya juga memohon supaya beberapa seksyen yang tertentu itu diperhalusi semula supaya ia sesuai dipakai dalam sebuah persekutuan.

Saya ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua. Bagi seksyen 21(2). Dalam seksyen ini hampir-hampir memberi Pengarah Operasi kuasa yang tidak terhad. Bunyinya begini, *"membuat segala benda yang perlu atau sesuai, manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan kewajipannya di dalam kawasan keselamatan."* Jadi ini adalah terlampau luas kuasa yang diberi kepada Pengarah Operasi.

Mengikut klausa penyingkiran seksyen 38, kalau kita lihat dalam rang undang-undang ini seksyen 38 berkehendakkan Pengarah Operasi diberi kuasa yang tidak terhad merangkumi hayat, kebebasan dan harta. Disyorkan agar klausa dipinda untuk dibaca. Begini cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua iaitu, *"...membuat segala benda secara konsisten dengan Perlembagaan atau sebarang undang-undang yang perlu atau sesuai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan kewajipannya di dalam kawasan keselamatan."* Ini satu contoh. Jika frasanya boleh diubah demikian, pihak kita di negeri Sarawak mungkin rasa lega kerana ada ruang untuk kita boleh berunding bila mana keadaan yang tertentu yang bila mana pengarah operasi ataupun perkara ini berlaku di Sarawak. Jadi jika frasa ini boleh dibaca dan yang demikian yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, waktu ISA diperkenalkan dalam tahun 1963, keadaannya amat berbeza. Akan tetapi MKN kali ini pun seolah-olah kita di dalam satu keadaan sewaktu subversif komunis itu hebat di Malaya dan di Sarawak. Waktu itu bila ISA ditubuhkan, kalau kita baca sejarah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu di dalam Parlimen dia mengisytiharkan kejujuran beliau untuk menjalankan undang-undang ISA itu hanya untuk spesifik sahaja. Jadi untuk membanteras pengganas komunis, dia jelaskan. Subversif. Dia membuat pengakuan itu dengan begitu teliti di dalam Parlimen dalam tahun 1963. Jadi apa salahnya saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang menjadi ketua pentadbir negara dan ketua dalam Majlis ini membuat pengisytiharan, kejujuran, tegas dan spesifik beliau bahawa undang-undang ini akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang tertentu.

Dengan harapan demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tetapi dengan memohon supaya ada pindaan terhadap perkara-perkara, seksyen-seksyen yang tertentu yang perlu dibuat. Atas itu, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

**■1310**

**3.10 ptg.**

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Alhamdulillah... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator daripada Barisan Nasional kerana berani dan bercakap benar sepanjang perbahasan yang saya duduk seperti mana juga Tuan Yang di-Pertua duduk.

Catat satu-satu dan saya tengok dan saya tak pernah tengok lagi, saya dok ikuti juga Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri.

Akan tetapi tak sehebat yang saya tengok Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang telah bercakap dengan secara terbuka dan berani, walaupun kita bunyi lebih hebat daripada pembangkang. Yang kita tak setuju, tak setujulah. Sarawak, cakap cara Sarawaknya, Sabah, cakap cara Sabahnya. Sehinggakan saya tengok pada hari pertama, Tan Sri Rahim sendiri bercakap dengan begitu berani. Padahal dia Presiden Majlis Senator Malaysia tetapi dia berkata benar. Saya tak setuju, saya minta ini, saya minta dipinda. Hebat, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat bila kita dengar pihak pembangkang berucap, dia pun hebat juga tetapi dalam hebat-hebat itu dia tembak Perdana Menteri kita.

Mana mungkin ini boleh berlaku. Cuba kita lihat apa yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi dan di luar sana menyatakan bahawa undang-undang ini adalah *draconian* undang-undang. Undang-undang ini akan digunakan oleh Perdana Menteri kita seperti mana SOSMA dan POTA. Kita ini yang luluskan SOSMA, kita ini. Saya teringat lagi semasa saya berucap untuk hendak meluluskan SOSMA, saya juga berkata, saya ini orang UMNO dan saya juga bimbang sekiranya disalahgunakan. Saya kata, *check* baliklah *Hansard,* dan saya tak pernah kata pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan salah guna.

Okey, kita ambil contoh seperti mana Yang Berhormat cakap tadi, Yang Berhormat ambil contoh daripada Datuk Seri Khairuddin dan juga Mathias Chang yang ditangkap di bawah SOSMA. Apakah yang berlaku? Dilepas, dilepas bila mahkamah buat keputusan lepas, lepas. Padahal Dato' Sri Mohd. Najib boleh cakap, saya hendak ditangkap. Kalau hendak, kalau hendak. Apakah tidak demokratik negara ini? Kita hendak cari negara yang macam mana lagi? Zalim katanya, "zalim", "zalim". Perkataan "zalim" ini. Saya agak emosi bila orang kata kita tak demokratik, kita hendak salah gunakan.

Salah guna macam mana? Bawa pergilah. Saya juga bersama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya hendak bercakap hari ini, hendak cakap cara pembangkang bercakap supaya kementerian dapat jawab. Ini dalam Dewan ini, poin-poin dalam Dewan ini akan dibawa ke kampung, akan dibawa ke desa. Sekarang ini senyap, bila *mai* pilihan raya esok, mereka akan *collect all these points,* dengan izin, untuk bawa ke kampung berkempen. Yang kita cakap ini akan ada *viral* videonya, akan dibawa ke kampung. Yang Berhormat nengok, Yang Berhormat Barisan Nasional tak setuju.

Saya pun hati kecil saya, Tuan Yang di-Pertua, pun tak setuju, tak setuju dan bimbang anak cucu saya sudah ada *constitution* menjadi *guidelines* kepada kita, sudah ada *constitution.* Saya pun bersama juga dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat, pasal apa hendak satu lagi? Pasal apa hendak satu lagi sehinggakan Tan Sri Rahim kata minta kalau boleh RUU MKN ini supaya dibawa ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kalau itulah permohonan Tan Sri Rahim, apakah bezanya dengan yang ada sekarang? Tidak ada bezanya, tidak ada beza. Saya ambil satu-satu ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya ambil satu-satu soalannya. Kalau saya ulang pun, Tuan Yang di-Pertua kata sudah disebut, sudah dicakapkan tetapi inilah yang akan ditimbulkan oleh pembangkang.

Saya hendak ambil semalam, kenyataan yang dibuat oleh *lawyers' advocate group* said the *National Security Council* (NSC) *Bill*, *if approved by the Dewan Rakyat*, *is the most serious assault on the nation's democracy.* Kita hendak supaya kementerian jawab, kita hendak Yang Berhormat Dato' Seri jawab, ini akan dibawa ke kampung saya, ke Sungai Limau esok ini. Sungai Limau ini, Sungai Limau yang telah pun diperintahkan oleh PAS. Beberapa kurun sudah, tak boleh diambil sampai sekarang. Tak demokrasi lagi? Padahal kita boleh buat macam-macam hendak bagi menang. Boleh masukkan orang kata pengundi hantu dan sebagainya, kalau kita hendak. Yang dikatakan zalim ini tadi, boleh. Sudah sampai daripada saya beranak, sampai sekarang Sungai Limau itu dok bawah PAS itulah.

Yang orang dok kata zalim, tipu ini, hantulah, apa semua ini. Kementerian tolong jawab ini, tolong jawab oleh hamba Allah ini, Eric Paulsen. *He is a director, a Eurasian,* dengan izin. *He is a lawyer.*

Dia kata apa? Saya hendak baca Tuan Yang di-Pertua. *Lawyers for Liberty Executive Director, Eric Paulsen said, the Council led by the Prime Minister will exercise similar power of the* Yang di-Pertuan Agong *under Article 150, of the Federal Constitution to proclaim emergency.*

Dia rujuk sebiji-sebiji yang ini... *[Menunjukkan buku Perlembagaan Persekutuan]* Sebiji ini. Dato' Seri Dr. Shahidan, apa beza *Constitution* ini dengan hak yang biru baru ini, apakah beza? Dia punya *argument,* dia kata *"usurp"*, memasukkan, masuk ke dalam. Mengambil alih. Saya dok tengok, dok perhati, dok baca, tengok definisi "*usurp"* ini. Kononnya mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

*Yes*, kita diberi taklimat katanya darurat ini darurat besar yang akan diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi yang kita hendak buat yang biru ini darurat kecil, kawasan keselamatan. Saya pun bersembanglah dengan kawan-kawan dekat kedai kopi. Saya kata dekat depa, hak yang ini besar. Darurat nu, hak yang Agong punya besar, darurat ini kecil. Dia kata apa pada saya? Suhaimi, kita buat macam inilah. Orang kampung bercakap di kedai kopi ini, ini yang saya kata ini dia hendak balik kempen ini, orang kampung cakap. Dia kata, Suhaimi, kita buat baulu. Kalau tak tahu baulu ini, saya ambil *simple example* lah. Orang pekan ini depa tak tahu apa itu kuih baulu.

Saya ambil *cheese cake* lah bagi senang, semua orang faham. Yang dalam Dewan ini semua saya rasa *cheese cake* lebih kenal daripada kuih baulu. Dia kata ambil *cheese cake* ini. Kalau kita buat *cheese cake* ini besar, katalah *cheese cake* besar talam dengan *cheese cake* yang kecil, dia kata orang yang makan itu rasanya sama. Rasanya sama sahaja, kata dia. Darurat kecil kah, darurat besar kah, rakyat akan rasa yang sama. Ini *argument* orang kampung.

Kalau *pi dok* cerita dekat orang kampung macam ini, mati kita pilihan raya hendak *mai* ini. Betul juga dia kata, *cheese cake* buat *pi* besar mana pun, rasa dia sama sahaja, rasa dia sama sahaja. Jadi, ini yang hendak dibawa. Saya pun bila sudah orang tua itu cakap macam itu, saya pun buatlah sedikit kajian, macam mana di negeri lain. Saya pun tengok, belek punya belek. Masuk dalam *declaration state of emergency by other countries.*

**■1520**

Rupa-rupanya dia bagi satu, satu, satu. Saya hendak baca tetapi tidak banyak. Katanya, ini *argument* pembangkang yang akan digunakan di England contohnya. Ada Ratu, ada *Queen* dan ada *Prime Minister*. Dia kata, kuasa *yes*, kuasa mutlak *Queen*. Dia kata *Queen* bagi pada *Prime Minister*. *Queen was advised by the Prime Minister*, dengan izin, dan *Prime Minister* meminta daripada Kabinet. Kabinet yang membuat keputusan. Akan tetapi dia kata ini *argument* yang saya hendak tunjuk ini bukan kita hendak membangkang, minta maaf, kami bukan pembangkang tetapi kami hendak bercakap benda yang bunyinya seperti pembangkang sebab kami juga merasakan bahawa undang-undang ini perlu diperjelaskan kepada rakyat. Katanya, okey dia kata kalau sebuah kawasan contoh tadi kawan saya seorang yang kaya, dia bimbang. Ini saya hendak juga kementerian menjawab.

Orang kaya ini dia bimbang, dia cerita dekat saya dia kata undang-undang ini boleh tidak kita ambil sekarang *maid* dalam rumah kita ini. Tiap-tiap rumah saya ingat rumah Yang Berhormat semua ada *maid* sama ada dari Indonesia ataupun Bangladesh ataupun *Philippines* ataupun Myanmar. Di luar daripada *maid* itu sekarang ini *driver* pun sudah dapat dari Bangladesh. *Driver* kita ini Bangladesh, yang duduk jaga bini kita di rumah ini, jaga-jaga sedikit, Bangladesh ini.

Bukan kita kata Bangladesh itu tidak baik, tidak Tuan Yang di-Pertua, tidak. Dia orang ini baik tetapi bimbang. Hidung mereka ini mancung lebih daripada kita. Kalau dibezakan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain lebih kurang *[Ketawa]*

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Saya minta tarik balik, ini penghinaan Tuan Yang di-Pertua. Ada samakan saya dengan Bangladesh... *[Dewan riuh]* Saya minta tarik balik.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah Bangladesh itu Bangladeshlah... *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, katanya selepas *driver* kita, kita keluar dari rumah ada *construction*. Di *construction* ini juga orang-orang luar Indonesia, Myanmar, Bangladesh, Pakistan segala macam yang kita jumpa.

Kadang-kadang kita pun tidak faham apa dia cakap. Bukan jauh Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan duduk jauh. Cuba pergi hari Ahad di *church* dekat dengan Bangunan *Security Council* itu. Saya tidak ingat di Pudu. Ada *Indian temple* belakang itu kalau tengok, *church*.

KLCC, Low Yat Plaza, hari Ahad tidak payah pergi jauh, hari Ahad. Kadang-kadang kita pergi ke situ pun kita tidak terasa kita ini di Kuala Lumpur. Kadang-kadang kita terasa kita duduk di mana ini. Macam hendak orang kata Manila, Sibu kita terasa, kita terasa. Katalah Ahli-ahli Yang Berhormat, katalah mereka ini *viral*kan okey hari ini kita buat rusuhan.

*Viral* masuk sampai dalam rumah kita segala *maid* dalam rumah kita dapat mesej. Hari ini kita *kuditat* kita punya *boss,* kita buat rusuhan. *Driver* berfungsi sebagai *driver*, yang *maid* berfungsi sebagai *maid*, yang kontraktor berfungsi sebagai kontraktor. Yang dok jaga bangunan-bangunan ini buat berfungsi sebagai jaga bangunan, yang jaga bank, yang jadi *bodyguard*. Saya hendak tanya undang-undang ini boleh dipakai tidak? Kalau boleh dipakai, bagus tidak undang-undang ini.

Balik kepada yang undang-undang di luar negara tadi. Australia, katanya Australia dipecah-pecahkan..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada lima minit lagi.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Tidak ada masa sudah. Saya hendak sambung baca- yang terbalik baca sendiri tadi. Australia, Brazil, Argentina *dok* ada 85 kali *declarations of emergency*. Fasal *abuse of power*, saya hendak cakap fasal *abuse of power*. Kalau kita hendak *abuse of power refer* ke Argentina. Nicaragua dahulu ingat tidak, ada suatu masa- *Egypt* sampai sekarang masih lagi *under* kecemasan.

Kita hendak negeri-negeri yang macam inikah, kuasa yang diberi macam inikah untuk kita keamanan negara kita. Jadi kita balik kepada Eric Paulsen tadi, *"The Bill is the most serious assault on the nation's democracy*, *fundamental liberties and rule of law*". Kementerian kena jawab ini. Macam mana kita hendak jawab dekat orang kampung ini dia kata *assault,* serangan maknanya serangan kepada *national democracy*. Demokrasi kita telah diserang. *Fundamental liberties* ini boleh masuk *freedom of speech, Human right*, dengan izin, *and rule of law*. *Rule of law* apakah yang ini sudah hendak dilupakan termasuk dengan izin, *the separation of powers*.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri Laksamana, Mantan Laksamana. Saya ingat lagi Yang Berhormat Tan Sri, dia kata kami dahulu waktu jadi Laksamana boleh tangkap, katanya. Boleh tangkap kami ini walaupun Tentera Laut tetapi dilantik sebagai Penolong Pegawai Perikanan, betul Yang Berhormat Tan Sri ya? Penolong Pegawai Perikanan. Kami boleh tangkap, kami boleh geledah, kami boleh buat segala-galanya untuk menangkap mereka ini, cuma kami akan menjadi saksi di mahkamah. Serah kepada *fisheries,* kami jadi saksi di mahkamah.

Apakah berlaku duplikasi rang undang-undang ini dengan yang ini? Ini yang kita persoalkan. Inilah yang dipersoalkan oleh pembangkang yang ini Yang Berhormat Menteri kena jawab. Eric Paulsen, sambung sedikit lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada tiga minit lagi.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Tiga minit lagi sempat Eric Paulsen jangan bimbang... *[Membaca petikan] "However, no one can be held accountable and the NSC, its committees, personnel and security forces have legal immunity from any criminal and civil proceedings and even to the extent of dispensing with holding an inquest upon death of a person."* Tuan yang di-Pertua, adakah ini akan berlaku sampai tidak boleh langsung ada *inquest.* Ini yang membimbangkan pembangkang dan juga rakyat yang dengar cakap pembangkang.

Kadang-kadang pun kita tidak faham Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita orang Barisan Nasional ini baik, baik sungguh. Saya tengok Tuan Yang di-Pertua, semalam adindanya meninggal, adinda meninggal. Saya tanya Tuan Yang di-Pertua, tidak pergi kah, *I* dah pergi pagi tadi. Mayat sudah kapan? Belum lagi. Ini Tuan Yang di-Pertua, ada sini ini yang hendak dibincang ini. Hendak dibincang, dia kata saya tidak boleh tinggal Dewan.

Cuba kita lihat orang Barisan Nasional begitu amanah, begitu amanah tetapi Ambiga boleh masuk dalam Dewan ini. Itu yang kita hairan. Yang ini yang kita hairan. Siapa bawa masuk, siapakah bawa masuk?

**Seorang Ahli:** Aisyah!

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Aisyah *hat* dekat Thailand dahulukah? *Hat* Permaisuri dahulukah?

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sebab nama saya diseru ini. Boleh, boleh Yang Berhormat Dato' Suhaimi.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Saya hendak menyatakan di sini bahawa saya tidak nampak...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tidak apalah, tidak apalah dia tidak berani.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Saya tidak nampak. Kalaulah perkara ini, perkara sedemikian rupa boleh berlaku, zalimkah kita ini, saya hendak tanya, zalimkah kita ini. *Come on* saya rasa tidak, tidak. Saya hendak cerita menantu saya ini orang Siam. Anak saya, saya hantar ke negara China belajar di *Xiamen University* dalam bahasa Cinanya, *Xiamen Dáxué.* Di *Xiamen University* terjumpalah seorang hamba Allah daripada Siam...

**■1530**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh pendekkan cerita itu Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Cerita pendek sahaja. Pendek cerita kahwinlah depa ini *[Ketawa]* Anak saya lelaki yalah tentulah perempuan dengan Narathiwat. Saya pergi hari kenduri, hari kenduri di Narathiwat itu saya pergi sebab menantu saya. Kenduri boleh buat dua jam pukul 12 sampai pukul 2, lepas itu kena balik semua. Waktu kenduri itu tuan-tuan dan puan-puan orang kampung keluar, depan itu dia buat pasar malam dia ambil masa untuk hendak jual itu dua jam. Kita hendak kah negara kita macam itu?

Anak saya kahwin, duduk atas pelamin tidak sampai 15 minit, lepas itu dia orang pakat lari pi beli dekat pasar depan itu kerana tidak ada masa, dua jam sahaja kami diberi kebenaran lepas itu *curfew.* Saya yakin dan percaya undang-undang yang dibuat ini cukup baik dan saya tidak hendak ulang soalan-soalan yang ditimbulkan oleh rakan-rakan, semuanya sama.

Cuma saya hendak menyatakan bahawa, *please the government of the day…"* dengan izin, ambillah cadangan kami, ambillah keluh kesah kami ini, masukkanlah buatlah pertukaran. Dalam peraturan-peraturan ini masuklah, ambillah apa yang dicadang oleh Dato' Dr. Johari bin Mat. Saya rasa cadangan cukup baik. Masukkan Menteri Agama supaya fatwa-fatwa dapat diberikan. Saya setuju sangat dengan cadangan. Janganlah macam mana berlaku yang lepas, saya hendak bagi tahu juga saya pun tidak nampak lagi yang dahulu kita bincang bab arkitek ini adakah dibuat? Siapa dalam Dewan ini yang boleh pergi *check* tengok apa yang kita cadang telah diambil. Saya rasa *responsibility* sini, dengan izin, perlu diambil oleh Majlis Senator Malaysia, *check* sama ada apa yang kita sebut ini dimasukkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Kalau tidak, kosong sahaja kita bercakap... *[Membaca sepotong doa] Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad. Silakan Yang Berhormat.

**3.32 ptg.**

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam* sehati sejiwa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat yang dihormati sekalian.

Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai perbahasan bagi Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Rang undang-undang ini digubal atas lunas-lunas Perlembagaan dan ia tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan malah ia teratur daripada segi penggubalannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya rang undang-undang ini, Rang Undang-undang MKN adalah sebagai induk kepada segala rang undang-undang. Kejayaan kita melaksanakan rang undang-undang ini akan menjayakan semua rang undang-undang. Segala hasil yang baik daripada negara ini tidak dapat kita pungut kalau tidak ada keselamatan yang baik. Ini pokoknya tadi. Pokoknya tadi ialah rang undang-undang ini ialah ibu kepada segala undang-undang.

Jadi kita rasa sebagai rakyat yang akur kepada negara kalau kita tidak menyokong, fikirlah baik-baik. Saya berpendapat rang undang-undang ini digubal tidak bercanggah dengan kuasa mana-mana kerajaan negeri kerana isu-isu yang berbangkit terhadap keselamatan negara adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kalau tidak benar jika ada pihak yang mendakwa penggubalan rang undang-undang *inshaa Allah* hendak menghakis kuasa-kuasa yang ada pada YDP Agong.

Cuba kita tengok dan lihat keanggotaan Majlis Keselamatan Negara ini dianggotai oleh pelbagai pihak. Bukan sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis, Timbalan Perdana Menteri, Menteri yang bertanggungjawab mengenai pertahanan, Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal dalam negeri, Menteri yang bertanggungjawab mengenai komunikasi dan multimedia, Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera dan juga polis negara.

Keanggotaannya Majlis ini adalah eksklusif. Andaian yang mendakwa rang undang-undang ini menghakis hak-hak Sabah dan Sarawak juga tidak benar. Kedua, negeri ini adalah sebahagian dari Malaysia, oleh itu keselamatan Sabah dan Sarawak dan negeri lain juga menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Akhir-akhir ini ancaman terhadap keselamatan negara ini khususnya ancaman keganasan boleh berlaku bila-bila masa sahaja. Soalnya, adakah kita boleh sudah kita memenangi atau mencegah ancaman-ancaman bersifat rentas sempadan yang amat kompleks kerana ia mampu menggugat kesejahteraan rakyat.

Memandangkan bentuk-bentuk ancaman ini begitu kompleks dan dinamik, maka jadi kenalah masanya dan ketika ini untuk kita memperkukuhkan pengurusan keselamatan negara dengan mewujudkan MKN segera bagi perundangan kita. Kita tidak boleh menunggu sesuatu insiden itu kemudian baru bertindak. Mungkin sudah terlambat setelah mengorbankan banyak nyawa dan kemusnahan harta benda. Bak kata orang tua tadi, *"Kerja menanti tidak menjadi, menunggu itu celaka diri."* Jadi langkah yang diambil oleh pihak kerajaan amat tepat dan kena masanya.

Tuan Yang di-Pertua, masihkah kita ingat insiden serangan pengganas di Lahad Datu pada tahun 2013 yang telah mengorbankan 10 orang anggota keselamatan kita yang dibunuh secara kejam oleh pengganas Kiram. Begitu buruknya pula hati Ahli Parlimen Batu yang mengandaikan perkara itu sebagai satu lakonan sandiwara. Begitu juga dengan tindakan Ahli Parlimen Lembah Pantai yang sudah bermain mata dengan Puteri Kiram iaitu seorang anak kepada bapa pengganas yang kini menjadi musuh utama negara.

Tidak serik kah kita dengan kekejaman Ketua Pengganas Komunis Chin Peng yang telah membunuh bukan sahaja anggota keselamatan kita, malah nyawa rakyat kita, anak-anak buah kita dari keganasannya. Pendek kata, peristiwa yang berlaku di Lahad Datu itu memberi kita satu iktibar. Maka kita kenalah memikirkannya perkara itu dengan sedalam-dalamnya hikmah itu. Bahawa seperti saya kata tadi tiap-tiap satu peristiwa yang dijadikan itu ada hikmahnya.

Kita dapat ukur siapa yang setia, siapa yang belot pada negaranya. Itu perkara-perkara hikmah yang kita mesti tahu.

Pendek kata, Rang Undang-undang MKN ini akan menunjukkan MKN dalam keselamatan negara dan dapat menyelaraskan tindakan yang lebih bersepadu di kalangan anggota pasukan keselamatan. Memberi perpaduan khas kepada mereka dalam menangani ancaman yang berlaku dalam kawasan keselamatan yang diisytiharkan.

Oleh yang demikian Rang undang-undang MKN ini suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara, pengisytiharan kawasan keselamatan, kuasa khas pasukan keselamatan dan dalam kawasan keselamatan dan perkara lain yang berkaitan dengannya. Perlulah kita terima dan sokong- bidang kuasa untuk mengisytiharkan darurat di bawah Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan adalah kekal di bawah kuasa YDP Agong. Jadi adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bahawa Perdana Menteri mengambil alih.

**■1540**

Kepada suara-suara sumbang yang mendakwa kuasa yang terlalu luas telah diberi kepada Perdana Menteri berhubung pengisytiharan kawasan keselamatan, ia adalah tidak benar sebabnya kuasa Perdana Menteri dalam fasal 18 hanyalah untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan atas nasihat Majlis dan bukannya diberikan secara bersendirian.

Sebenarnya anggota-anggota Majlis ini terdiri daripada individu yang berkelayakan dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam hal-hal keselamatan negara. Sekiranya pengisytiharan kawasan keselamatan itu melibatkan mana-mana kawasan dalam negeri, maka sudah tentulah akan dijemput wakil-wakil negeri itu untuk memberikan maklumat keselamatan sebenar-benarnya.

Oleh yang demikian, dakwaan yang rang undang-undang ini memberi kuasa yang luas kepada Perdana Menteri adalah tidak tepat dan tidak berasas. Oleh itu, janganlah kita takut dengan bayang-bayang dan berdasarkan kepada persepsi semata-mata. Inilah yang akhir-akhir ini berlaku dalam negara kita, persepsi. Kita buat macam-macam untuk merosakkan fikiran orang ramai, rakyat kita khususnya yang datang daripada pihak bawah sana.

Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga hendak beritahu tadi, kalau saya tidak beritahu saya rasa terkilan. Baru dua tiga hari ini saya datang ke pejabat, ke Dewan ini, tiba-tiba saya dihentikan untuk ambil surat daripada seorang makhluk yang saya dengar katanya parti lawan, Ambiga dia kata. Saya pun terima, apakah ini? Saya baca seolah-olah untuk mempengaruhi kami supaya bersetuju dengan cara dia. Jangan, jangan- di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Saya hendak berterus-terang, kalau kata Ambiga ini bagi kepada kita tadi sedulang tembikar yang penuh dengan wang Ringgit, kami tidak kisah. Perkara yang penting, negara dahulu! Itu dia tadi, negara dahulu. Jangan, cukuplah. Kami sudah cukup dengan lakonan dan sandiwara kawan-kawan kita itu, cukup. *Enough is enough*. Jadi minta tolonglah Ambiga, macam saya kata tadi, satu bidang tembikar, *no,* kita tidak terima. Perkara yang penting macam saya kata tadi ialah negara kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sesudah mendengar tadi pandangan-pandangan sahabat saya, bagus. Saya hendak katakan dan saya hendak sambung kata Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah tadi, dia mengatakan ada orang dari Melaka itu datang ke Pulau Pinang, dia telah menjadi Ketua Menteri. Jadi kezalimannya tadi, habis orang-orang Melayu bumiputera dihalaunya. Ada sana. Dia kata bukan tak boleh jadi calon, boleh.

Bukan kata tidak boleh tetapi soal perbuatannya itu yang begitu jahat, keji yang dipertikaikan oleh Yang Berhormat Tan Sri tadi. Betul tak Yang Berhormat Tan Sri? Ha, itu dia. Ini bagaimana kita hendak jadikan sebuah bangsa? Jadi, malu tak perbuatan itu? Kamu halau orang tempatan itu. Ini yang jadi marah orang. Jangan lakukan berterusan. Esok, jangan main-main, jangan cari bala, jangan bagi orang Melayu marah. Ini perkara-perkara, ingatlah itu. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak boleh terima orang itu, kamu tarik dirilah. Jangan jadi Ketua Menteri lagi.

Itulah pandangan-pandangan yang saya hendak beritahu. Kita bertanggungjawab untuk memastikan negara kita ini aman dan makmur. Sekali lagi saya menyatakan bahawa saya telah mendengar macam-macam pandangan yang baik. Jadi saya hendak cadangkan, tadi mana yang baik tadi kita perbaikilah, perbetulkan dan yang cemerlang dicemerlangkan supaya kita dapat singgah kesejahteraan negara kita ini.

Jadi akhirnya, dengan itu, sesudah kita mendengar pandangan yang baik dan bernas daripada Ahli Dewan ini, saya ingin menokok tambah supaya yang baik itu menjadi lebih baik, yang cemerlang itu lebih cemerlang supaya Rang Undang-undang MKN ini menjadi sejarah yang cemerlang dan berkesan serta menuju ke arah negara yang lebih sejahtera berpaksikan kepada keselamatan. Keselamatan negara tanggungjawab kita bersama.

Dengan itu, saya mohon menyokong. *Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain. Silakan.

**3.45 ptg.**

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*... *[Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya peluang untuk sama-sama turut berbahas dalam Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Izinkan saya untuk memulakan perbahasan ini dengan hendak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun berbahas. Saya juga hendak menyatakan perkara yang sama seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi tadi bilamana Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional telah dengan secara terbuka memberi pandangan supaya rang undang-undang ini diperbaiki, ditambah nilai dan akhirnya tidak mengelirukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, soal penambahbaikan pindaan dan perkataan dan sebagainya, saya fikir yang ini sudah ramai menyatakan. Cuma yang menarik perhatian saya dalam sesi perbahasan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bilamana rakan-rakan kita daripada pembangkang telah pun memberi kenyataan-kenyataan yang agak sedikit luar daripada konteks yang sepatutnya.

Saya suka menarik apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari, kalau ada kekurangan dalam rang undang-undang ini, beri pandangan. Beri pandangan siapa, bagaimana, jalan yang paling baik untuk rang undang-undang ini diperbaiki dan nanti akhirnya rakyat tidak terkeliru.

Akan tetapi bilamana Yang Berhormat Siti Aishah menyebut dalam perbahasan beliau- abang, abang juga, adik, adik juga, tegur kena cakap. Bila disebut dalam perbahasan beliau awal tadi menyatakan bahawasanya rang undang-undang ini satu rang undang-undang yang zalim. Saya tidak akan ulas apa yang dah disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri tadi dalam soal potongan ayat al-Quran yang disebut. Jelas sudah itu.

"Zalim" ini definisinya- kita hendak tahu, apa maksud "zalim", dalam erti kata yang sebenar. Kalau Yang Berhormat Puan Siti Aishah tidak tahu, saya hendak beritahu hari ini. Definisi zalim ialah bilamana sesuatu kerajaan, sesesuatu individu, sesuatu personaliti dia ada kuasa tetapi kuasa itu telah disalahgunakan kepada rakyat yang di bawah jajahan dan takluknya, maka itulah definisi "zalim" yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam sejarah negara ini, belum pernah sekalipun saya pernah terdengar atau terlihat atau terbaca mana-mana Ahli Dewan Undangan Negeri hatta Ahli Parlimen Barisan Nasional hatta Ahli Dewan Negara Barisan Nasional pun pernah menangis untuk minta pembelaan seperti mana yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Itu baru zalim.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Ahli Dewan Undangan Negeri daripada Penanti, PKR, sama parti dengan Yang Berhormat Puan Siti Aishah...

■1550

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan? Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Sekejap Yang Berhormat. Sama parti dengan Yang Berhormat Aisyah. Jangan lupa pepatah Melayu ada berkata ludah ke langit, kena muka dan batang hidung sendiri. Lebih kurang macam itulah, tetapi yang penting ludah itu kena dekat muka sendiri. Menangis ADUN Penanti itu... *[Disampuk]* Minta pembelaan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Lim Guan Eng. Kononnya- dan saya yakin dan percaya ADUN itu berkata sudah bertahun-tahun dia ditipu oleh parti dia sendiri. Itulah definisi zalim yang sebenar-benarnya Yang Berhormat Aisyah. Silakan Datuk Abbas.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat. Ini saya hendak tanya Yang Berhormat Datuk Megat soal zalim yang disebut oleh pembangkang. Hari ini keluar satu cerita dalam *Malaysian Insider,* mungkin pihak pembangkang sudah baca. Lim Kit Siang menuduh Ahli-ahli Dewan Negara ini dipanggil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi arahan kepada Ahli Dewan Negara yang mewakili Barisan Nasional boleh bangkang dalam Dewan, boleh cakap tidak setuju dalam Dewan tetapi akhirnya undi kena undi, sokong tentang Rang Undang-undang MKN ini. Adakah ini juga dikategorikan zalim? Ini fitnah besar yang dilakukan oleh Lim Kit Siang sebagai orang lama dalam politik. Terima kasih.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Abbas. Kita pun baru dapat salinan. Kononnya sudah dipaparkan di *Malaysian Insider*. Kita ini semua daripada Barisan Nasional telah dituduh oleh Lim Kit Siang berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Dituduh kononnya telah diberi arahan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kritik tetapi akhirnya luluskan. Pada saya Yang Berhormat Datuk Abbas, dia ini manusia yang tidak ada perkataan yang paling sesuailah digunakan untuknya.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Lebih kurang macam itulah.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah sikit?

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Silakan.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Sikit sahaja. Saya sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO baru berjumpa dengan Perdana Menteri, tidak ada disebut langsunglah benda itu. Ini yang dikata zalim, kurang ajar dan penipu. Terima kasih.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih. Jadi...

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Yang Berhormat. Beri...

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Ya Datuk Seri? Bagi, bagi.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Saya baru berjumpa masa AGM UMNO itu, sudah tiga minggu sudah. Tidak datang berjumpa? Tidak ada.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Tidak mengapalah. Ini memang kita tidak ada Lim Kit Siang ini, memang kurang banyaklah dia ini. Oleh sebab itu sudah kena gantung enam bulan, buat cara sudah kena gantung enam bulan. Duduk diam-diam, jangan gila talak sangat nanti sudah habis masa pergantungan masuk balik Dewan bercakap. Jadi Datuk, saya hendak balik kepada definisi zalim.

Di hujung perbahasan pula, dituduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menggunakan rang undang-undang ini untuk kepentingan politik peribadi beliau. Oh, ini tuduhan yang cukup jahat dan cukup tidak boleh diterima akal. Kefahaman saya kalau silap saya mohon nanti dibetulkan oleh Yang Berhormat Menteri, kekanda Dato' Seri. Kefahaman saya seperti mana Datuk Suhaimi tadi telah menunjuk buku Perlembagaan Persekutuan, di tangan saya pun ada.

Perkara 150, ialah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan darurat besar. Tadi saya pun dengar ucapan daripada Yang Berhormat Aisyah ini. Daripada awal ucapannya sampai akhir, kalau ingat dalam *Hansard* masih ada, akan ada benda itu. Semuanya berkisar kepada kuasa Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, maknanya Yang Berhormat-Yang Berhormat, perbahasan itu berkisar kononnya mesti dipertahankan kuasa Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ini. Kononnya dialah, partinya yang menjunjung betul-betul institusi Raja-Raja ini. Akan tetapi jangan lupa lagi sekali ludah ke langit, kena muka sendiri.

**Seorang Ahli:** *"Poorah"* lah ini.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Apabila sidang Dewan Undangan Negeri Perak, bilamana Sultan Perak berada macam tempat Tuan Yang di-Pertua duduk itu, ramai-ramai parti pembangkang keluar dan mohon untuk melakukan perbuatan yang cukup durjana dan derhaka ke bawah Duli Yang Mulia Sultan Perak. Akan tetapi bila dalam perbahasannya, hendak jaga hak keistimewaan ke bawah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, macam-macam...

**Seorang Ahli:** Lakonan.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Lakonan, lakonan. Akan tetapi puak-puak ini jugalah yang bila masa ada perkara itu berlaku tidak pernah pun menghormati. Kefahaman saya soal darurat ini Tuan Yang di-Pertua ialah bila masa diumumkan darurat, maka semuanya tidak lagi berfungsi melainkan Kerajaan Persekutuan. Katalah apa yang berlaku di Selangor semalam, ada insiden yang berlaku di Taman Jaya LRT, enam buah kenderaan terbakar. *Nauzubillahii minzaalik,* tetapi katalah itu berlaku seperti mana di Paris dan terpaksa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat. Apabila diisytiharkan darurat mengikut Perlembagaan Persekutuan ini, maka Kerajaan Negeri Selangor yang ditadbir oleh PKR tidak ada lagi fungsi dan peranannya melainkan kuasa-kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan.

Ini bermakna secara logik Kerajaan Persekutuan boleh ambil segala pentadbiran kerajaan negeri itu. *That is the definition* dalam Perlembagaan Persekutuan ini. Maknanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau dituduh, ditohmah begitu boleh ambil alih kuasa itu. *He will run the State,* dengan izin, *with the power stated in National Constitution*. Dia boleh ambil kuasa itu, maknanya Azmin Ali hilang kuasa, semua hilang kuasa. Segala bangunan boleh dirampas, segala harta boleh dirampas, segala-galanya. Akan tetapi dengan adanya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini, *to my definition and understanding,* dengan izin, kawasan itu sahaja yang diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan, *that particular area…*

**Seorang Ahli:** *Localize.*

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** *Localize. Meanwhile* orang-orang lain boleh pergi yang hendak menoreh, pergilah menoreh. Yang hendak pergi bawa teksi bekerja, pergilah buat kerja... *[Disampuk]* Itu orang lain punya. Pergilah buat kerja masing-masing sehingga mana kawasan sudah *stable,* kemudian kawasan itu diserahkan kembali.

**Seorang Ahli:** Dia orang tidak faham.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Jangan tipu rakyat. Jangan rakyat dimomok-momokkan Tuan Yang di-Pertua. *This is wrong.* Melanggar etika kita sebagai Ahli Dewan Negara. Saya pun dengan kawan-kawan yang lain, saya pun mungkin tidak akan bersetuju kalau kepentingan lain- *I am still young,* saya muda lagi. Macam mana kata Datuk Suhaimi, *still handsome* cuma tak kan sama macam Bangla, lah *[Ketawa]* Saya pun tidak hendak *my* generasi akan datang terikat dengan peraturan yang membahayakan keturunan saya. *I am obligated to that,* saya mesti hendak serahkan mereka kepada negara yang baik diurus, ditadbir dengan baik, undang-undang jelas.

**Seorang Ahli:** Aman.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Aman. Ini yang kita hendak. Dituduh macam-macam, bagilah pandangan. Saya kata tadi kan Dato Dr. Johari bin Mat bagi pandangan begini, begini, begini. Kawan-kawan kita yang bagi pandangan mesti letak dari Sabah, Sarawak *and I think* boleh difikirkan, nanti akan digulung oleh Yang Berhormat Menteri.

Akan tetapi itu definisi darurat, itu definisinya. *I am not the lawyers*, saya bukan orang yang mengamalkan undang-undang tetapi saya faham, saya membaca. Oleh sebab saya baca bukan dengan penuh *hatred*, kebencian. Saya baca sebagai *citizen* yang *obliged* dan sayangkan negara dan saya faham apa yang ada dalam peraturan ini *[Tepuk] Stated very clear*, yang hendak takut sangat ini fasal apa?

**Seorang Ahli:** Buat salah.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Fasal buat salah.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Sila Yang Berhormat.

**■1600**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat. Saya akan berucap juga berkait dengan perkara ini. Cuma saya mohon bertanya Yang Berhormat Datuk Megat, adakah Yang Berhormat Datuk Megat membaca kedua-dua seksyen dan membuat penelitian? Saya mohon bacakan di sini berkait Perkara 150 Proklamasi Darurat menyatakan jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam.

Jadi saya kira agak lari sikit apa Yang Berhormat Datuk Megat hujahkan tadi sebab di dalam Perkara 150 menyebut atau mana-mana bahagiannya terancam. Jadi mungkin dalam perbahasan saya, saya akan cuba tekankan lagi. Mungkin kita akan minta Menteri menerangkan perbezaan antara kedua-dua Perkara 150 ini dan seksyen 18(1), nanti. Terima kasih.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah. Oleh sebab itu saya kata pada awal tadi kefahaman saya *to my understanding* merujuk kepada Perkara 150. Saya baca Perkara 150 *related* kepada 150(4), dia ada menulis soal kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan. Saya baca itu, itu sebab saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan. Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah atas itu dan saya fikir Yang Berhormat Menteri. *So,* ini kefahaman saya sebab ia *related* kepada Perkara 150, Perkara 150(4) dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada empat minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Boleh tambah sikit Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sikit pun setengah sahaja.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Saya- Tuan Yang di-Pertua hari ini cukup manis, lawa betul sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya tidak makan bodek Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** *[Ketawa]* Sudah tukar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sementara menunggu Tuan Yang di-Pertua masuk.

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih okey. Jadi itu yang saya katakan tadi kefahaman saya begitu. Jadi kalaulah kita akhirnya berbahas, kita menuduh, kita buat andaian tafsiran kita, rakyat di luar akan terkeliru. Bila mana rakyat terkeliru maka rakyat akhirnya akan menimbulkan perasaan benci kepada kerajaan. Sudah dikata tadi saya hendak merujuk juga ada sahabat kita daripada pembangkang. Awal ucapannya merujuk kepada ikrar dan sumpah yang telah kita bacakan. Betul saya pun membaca, kita membaca perkara yang sama dan kita tidak akan membuat sesuatu yang akan menzalimi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya hendak kongsi ialah walaupun dengan hujah-hujah yang telah saya nyatakan tadi saya fikir mesti ada dalam mana-mana klausa yang boleh diberikan penambahbaikan demi kepentingan semua. *We got to be fair,* dengan izin, kepada semua supaya undang-undang ini kita tidak hendak nanti akan datang dipertikaikan. Undang-undang ini yang boleh dicabar akan datang, dan akhirnya terpaksa kita pinda dan kita kaji semula. Oleh sebab itulah *let it be once and for all,* dengan izin. Mungkin nanti Yang Berhormat Menteri akan buat dengan pegawai-pegawainya yang berada di barisan di belakang kerana memikirkan apa jalan yang terbaik.

Akan tetapi saya hendak ambil pendirian ini hendak menjelaskan tidak berlaku langsung pertemuan atau arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Ahli-ahli Senator daripada Barisan Nasional supaya berikan teguran. Ini datang daripada hati yang terbuka. Ada Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian? *Would you be advised by the Prime Minister?* Tidak ada, saya ingat tidak ada. *None of us*. Tidak ada siapa di kalangan kita yang diarah, fitnah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya merayu meminta supaya mesti diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh peringkat kementerian supaya nanti melihat bagaimana *to protect.*

Saya pernah bertanya waktu taklimat dibuat, satu sahaja. Biarlah disebut dengan jelas berapa lama sekiranya hendak diambil sesuatu kawasan atau hendak ambil harta ataupun orang-orang tertentu berapa lama. Itu sahaja yang menjadi– saya baca rang undang-undang ini penuh. Saya baca dua kali. Saya tengok, mungkin itu sahaja penjelasan yang hendak, mungkin berapa lama sebelum diserahkan kembali kepada empunya dan sebagainya. Akan tetapi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri soal apa yang saya tanyakan tadi sama ada ia dua perkara berbeza seperti mana Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah menyampuk dan juga ingin menambahbaikkan.

Jadi dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Keselamatan Negara yang telah memikirkan soal rang undang-undang ini. Biarlah kita bersedia dahulu- sediakan payung sebelum hujan, sebelum berlaku sebarang perkara. Masa itu kita baru hendak terfikir dan perkara bila nasi sudah menjadi bubur. Jadi dengan itu dengan mohon juga dipertimbangkan semula sekiranya ada pindaan dan permintaan daripada kawan-kawan, saya menyokong Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Sekian. *Wabilahitaufik wallhidayah waalaikumusalam wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumusalam.* Terima kasih Yang Berhormat sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Khairiah.

**4.06 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat serta pegawai-pegawai yang berada pada Dewan yang Mulia ini pada hari ini.

Saya terus kepada perbahasan saya, pertamanya saya menekankan dan menegaskan persetujuan yang tidak berbelah bahagi atas prinsip bahawa keselamatan negara perkara yang sangat penting dan apa jua usaha ke arah memastikan keselamatan negara pada tahap maksimum dan memuaskan adalah usaha yang sangat dihargai. Ia menjadi tanggungjawab semua pihak sama ada kerajaan, mana-mana parti mahupun semua warganegara Malaysia.

Namun, sekali lagi apa yang telah dibangkitkan sebelum ini saya mohon penjelasan ataupun kronologi daripada pihak kerajaan apakah usaha-usaha, nasihat, perundingan ataupun perbincangan yang telah dibuat dengan *stakeholder* sebelum pembentangan akta ini di Dewan Rakyat. Apabila kita tengok *Hansard* dibentangkan pada Khamis 4.56 petang dan diluluskan pada malam tersebut. Saya mohon kronologi.

Kedua, berkait punca kuasa. Kita akui MKN perlu dijelmakan semula dengan entiti dan punca kuasa yang lebih kukuh kesan pemansuhan Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 [*Akta 216*] yang menjadi ibu kepada arahan-arahan MKN.

Peraturan yang berkuat kuasa sekarang di bawah MKN adalah dalam bentuk arahan-arahan MKN yang menggunakan punca kuasa Akta 216. Hakikat ini menimbulkan satu persoalan penting berkaitan kesahihan arahan-arahan ini dari sudut Perlembagaan terutamanya dengan mengambil kira bahawa perisytiharan darurat yang menjadi asas kepada wujudnya Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 telah pun diisytiharkan tamat. Sehubungan itu, terdapat pada dasarnya dua pilihan untuk menjadikan MKN sebagai agensi yang bergerak tanpa terikat dengan Undang-undang Darurat.

Pertama, ia boleh diwujudkan sebagai sebuah institusi pentadbiran di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 dan Akta Perwakilan Kuasa 1956. Maksudnya ia boleh diwujudkan sebagaimana kebanyakan institusi kerajaan lain tanpa perlu akta. Jadi MKN bertindak sebagai badan penyelaras dan bergerak atas kuasa yang sedia ada pada agensi-agensi berkaitan keselamatan yang telah wujud seperti PDRM dan ATM.

Pilihan yang kedua adalah apa yang kita sedang buat pada hari ini. Namun iaitu dengan menggubal suatu akta yang dinamakan sebagai Akta Majlis Keselamatan Negara. Namun, jika dilihat kepada *substance* isi kandungan rang undang-undang ini, ia pada pandangan saya perlu dinilai agar tidak memberi kuasa yang berlebihan atau pemusatan kuasa kepada satu pihak khususnya kepada badan eksekutif tanpa ada suatu keseimbangan iaitu *check and balance* dan yang mana ini akan membuka kepada ruang-ruang ketidakadilan.

**■1610**

Kerajaan wajar menggantikan Rang Undang-undang MKN ini dengan Rang Undang-undang MKN lain ataupun pindaan-pindaan yang perlu kepada MKN ini dengan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkepentingan, ahli akademik dan juga agensi-agensi kerajaan yang terbabit.

Seterusnya, sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini berkait dengan darurat besar dan juga kawasan keselamatan yang saya kira perlu diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya. Oleh sebab saya tidak mahu ada *overlapping* takrifan di antara yang disebut di bawah Artikel 150 ataupun tidak ada takrifan sebenarnya tetapi keadaan-keadaan yang membawa kepada darurat besar dan apa yang di bawah seksyen 18(1), keadaan-keadaan yang membawa kepada pengisytiharan kawasan keselamatan.

Perkara 150(1), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa satu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan proklamasi darurat. Apa yang ditekankan ada tiga iaitu pertama, keselamatan terancam, kehidupan ekonomi terancam dan ketenteraman awam terancam. Tiga perkara, tiga keadaan yang disebut di dalam Artikel 150 yang membolehkan Proklamasi Darurat diisytiharkan.

Jika kita lihat kepada sejarah pindaan kepada Artikel 150 sebelum ini, namun ia telah pun dimansuhkan. Selepas ayat-ayat tersebut, ada juga ayat, *"Sama ada disebabkan oleh peperangan atau pencerobohan dari luar negeri atau kekacauan dalam negeri".* Namun, tiga contoh ini yang saya kira mengehadkan pentakrifan kepada Perkara 150 ini telah pun dimansuhkan. Bermakna, ia bertujuan untuk menambah baik dan meluaskan lagi maksud kepada Artikel 150.

Jika kita lihat dan kita bandingkan dalam seksyen 18(1), ia menyatakan, *"Jika Majlis menasihati Perdana Menteri bahawa keselamatan mana-mana kawasan di Malaysia terganggu atau diancam dengan serius".* Ia menyebut keselamatan di mana-mana kawasan diganggu atau diancam dengan serius. Tidakkah ada suatu unsur *overlapping* antara keadaan-keadaan yang disebut di dalam Akta MKN ini dengan keadaan yang disebut di dalam Artikel 150?

Kita lihat di dalam kedua-duanya, tidak ada suatu takrifan khusus untuk darurat besar mahupun kawasan keselamatan. Di sini saya mohon penjelasan, apa sebenarnya perbezaan tahap bahaya yang dimaksudkan dalam perkara 150(1), dan seksyen 18(1)? Ini kerana saya kira mengikut pemahaman saya juga, Yang Berhormat Datuk Megat, dari sudut ancaman keselamatan dan keselamatan negara terancam secara serius itu tadi, saya kira tiada sebarang perbezaan yang ketara antara keduanya selain penggunaan perkataan berlainan yang membawa maksud yang agak sama.

Bagaimanakah keadaan yang membawa kepada pengisytiharan darurat di bawah Perkara 150 dan bagaimana pula keadaan yang membawa kepada pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah Rang Undang-undang MKN?

Kadar keseriusan ancaman ini perlu dijelaskan dan dibezakan secara jelas dalam akta berkaitan agar tidak berlaku pertindanan kuasa antara Rang Undang-undang MKN dan Perlembagaan Persekutuan. Pentakrifan keadaan-keadaan ini tidak boleh saya kira, dibuat secara administratif. Ia perlu diterangkan, disebut secara spesifik dalam akta. Sebarang pertindanan kuasa pastinya akan membawa kepada penyalahgunaan kuasa dan akta ini menjadi tidak sah.

Seterusnya, jika dilihat daripada keadaan kemungkinan menyebabkan bahaya yang serius yang terdapat dalam seksyen 18(1) rang undang-undang, Perkara 150(2), Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukkan perkara yang sama iaitu proklamasi darurat boleh dikeluarkan sebelum sebenarnya berlaku kejadian yang mengancam keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam. Jadi, saya mohon penjelasan yang wajar dan munasabah dari sudut perundangan berkaitan perbezaan tahap ancaman bahaya dalam kedua-dua peruntukan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pengisytiharan kawasan keselamatan oleh Perdana Menteri melalui seksyen 18, subseksyen (1). Pengisytiharan kawasan keselamatan hak Perdana Menteri atas nasihat Majlis Keselamatan. Perdana Menteri mempunyai kuasa untuk sama ada mengisytiharkan ataupun tidak mengisytiharkan berkaitan kawasan keselamatan dan perlu sebagaimana yang termaktub dalam seksyen tersebut, Perdana Menteri mengambil keputusan sebagai Perdana Menteri dan bukannya sebagai Pengerusi. Maknanya, mengambil keputusan sebagai seorang Perdana Menteri dan bukannya mengambil keputusan sebagai Majlis. Maknanya, ia keputusan Perdana Menteri dan bukannya keputusan Majlis Keselamatan. Saya kira perkara itu dari sudut terma, dari sudut peruntukan yang digubal, itulah maksudnya.

Saya kira ini satu kuasa besar yang diberikan kepada Perdana Menteri untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan dalam Rang Undang-undang MKN yang menyerupai, menyamai kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagaimana dalam perkara 150, Perlembagaan Malaysia untuk mengisytiharkan darurat. Walaupun tidak 100 peratus sama tetapi sebahagian besar kesan kepada pengisytiharan darurat itu kuasa-kuasa khas yang telah diberikan melalui akta ini. Ada persamaan dari sudut kesan pengisytiharan antara pengisytiharan darurat dengan pengisytiharan kawasan keselamatan.

Sebagaimana yang kita tahu, Perdana Menteri ketua kepada badan eksekutif negara, sedangkan Yang di-Pertuan Agong tonggak bagi ketiga-tiga badan yakni badan perundangan, eksekutif dan juga kehakiman. Kita lihat kuasa mengisytiharkan kawasan keselamatan diserahkan kepada individu iaitu Perdana Menteri, bukannya kumpulan iaitu Majlis.

Hakikat ini tentunya membuka risiko salah guna kuasa yang lebih parah, lebih-lebih lagi saya yakin semua Ahli-ahli Yang Berhormat tahu bahawa Perdana Menteri mempunyai *prerogative power* untuk menukar, memecat dan melantik baru Timbalan Perdana Menteri dan juga tentu sekali kuasa melantik, menukar, melantik baru Menteri Pertahanan, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Komunikasi dan Multimedia. Keempat-empat ini anggota penting dalam Majlis Keselamatan yang akan menasihati Perdana Menteri.

Saya lihat kepada keahlian anggota Majlis Keselamatan ini, saya lihat hanya Panglima Angkatan Tentera sahaja yang pelantikannya adalah tertakluk kepada kuasa Yang di-Pertuan Agong yang dilihat bebas sedikit daripada kuasa Perdana Menteri. Jadi, saya mohon perkara tersebut, berkait keahlian perlu diteliti, dinilai semula kerana ini akan menyebabkan apa yang kita lihat pemusatan kuasa, *overpower* yang boleh membawa, membuka ruang-ruang ketidakadilan.

**■1620**

Fasal seterusnya berkait Fasal 30, kuasa untuk mengambil milikan sementara tanah, bangunan atau harta alih.

Fasal 36 menyatakan bahawa mana-mana orang yang terkilan disebabkan pengambil milikan mana-mana tanah, bangunan atau harta alih di bawah seksyen ini boleh dalam tempoh 14 hari selepas milikan diambil memberikan Notis Bantahan kepada satu Jawatankuasa Penasihat yang dilantik di bawah subseksyen 7. Persoalannya siapakah Jawatankuasa Penasihat ini? Ia hendaklah terdiri daripada orang yang dilantik oleh Ketua Pengarah dan jawatankuasa itu boleh membuat kaedah bagi perjalanan prosidingnya.

Agak ganjil dan mengelirukan bila mana bantahan atau rayuan perlu dibuat kepada entiti yang sama iaitu Jawatankuasa Penasihat yang dilantik oleh Pengarah. Dalam prinsip *separation of powers* sebarang bantahan hendaklah dirujuk kepada mana-mana entiti badan kehakiman seperti Majistret atau Hakim Mahkamah Tinggi bagi membolehkan ia didengar secara adil dan saksama dan tidak *bias* kepada mana-mana pihak. Fasal ini juga jika kita lihat tidak langsung menyebut tentang pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan terhadap bantahan boleh mengemukakan sebarang rayuan kepada mana-mana badan kehakiman yang pasti dilihat lebih telus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada lima minit lagi, boleh?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Bagi saya panjang sikit lagi, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba, cuba.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Okey, seterusnya berkait kuasa khas Pengarah Operasi dan pasukan keselamatan. Dilihat kepada kuasa-kuasa ini masalah yang paling ketara adalah kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pengarah Operasi dan petugas keselamatan dalam seksyen 22 hingga 36 yang terlalu luas dan berunsur pentadbiran kuku besi. Kuasa-kuasa ini jika kita teliti adalah berbentuk pentadbiran darurat. Ia adalah serupa dengan kuasa darurat yang telah dibuat dan telah diperuntukkan melalui akta ataupun melalui Perkara 150.

Kuasa-kuasa ini hanya boleh dilaksanakan menurut Perkara 150 dan membuat peraturan berbentuk ala darurat menggunakan peruntukan lain dikira *unconstitutional.* Undang-undang berkait darurat sepatutnya hanya terhad kepada peraturan yang benar-benar memerlukan kuasa darurat. Badan eksekutif tidak wajar menggunakan kuasa darurat untuk suatu urusan yang boleh dijadikan melalui proses legislatif biasa. Prinsip ini bertujuan untuk mengelakkan kuasa darurat digunakan untuk salah guna kuasa oleh badan eksekutif. Penggunaan kuasa darurat, perlu diingat bahawa kuasa darurat kuasa khusus iaitu satu pengecualian kepada pentadbiran normal. Ia hanya boleh dibuat melalui mekanisme khusus iaitu melalui kuasa perlembagaan.

Jika MKN hendak diberikan kuasa, ia boleh juga dibuat dengan menggunakan perlembagaan kerana perlembagaan sudah ada mekanisme tersendiri dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menubuhkan Majlis Gerakan Negara. Selain daripada itu peranan Yang di-Pertuan Agong langsung tidak disebut dalam rang undang-undang ini sebagai pihak yang menaungi keselamatan negara bahkan tidak disebut dalam peranan menentukan keanggotaan MKN dan melantik Ketua Pengarah Keselamatan Negara juga tidak disebut dalam pengisytiharan dan pentadbiran kawasan keselamatan.

Saya ambil contoh beberapa kuasa yang telah diperuntukkan melalui Akta Darurat yang mana kuasa daripada akta ini yang telah dimansuhkan, dikembalikan semula kepada RUU MKN. Di mana mengikut Akta 216, kuasa-kuasa ini subjek kepada kelulusan Yang di-Pertuan Agong. *Subject to the provisions of this section, the* Yang di-Pertuan Agong *may make any regulations whatsoever (in this Act referred to as "Essential Regulations") which he considers desirable or expedient for securing the public safety.* Antara kuasa-kuasa ini adalah:

(i) *make provisions for the apprehension,* yang mana ini ada kuasa untuk menangkap yang ada dalam Rang Undang-undang MKN ini;

(ii) *create offences and prescribe penalties,* juga ada di dalam Rang Undang-undang MKN;

*(iii)* *make provisions for the control of alliances;*

*(iv)* *authorize the taking of possession, control, forfeiture or disposition on behalf of the Government of Malaysia, of any property or undertaking;*

(v) *authorize the entering and search of any premises;*

(vi) *make provisions for the control of the harbours, ports and of territorial waters of any State and of the movements of vessels; and*

(vii) *make provisions for the transportation by land, or water, and the control of the transport and movement of persons, animals and things;*

Itu adalah sebahagian peruntukan yang di bawah Akta Darurat di mana peruntukan-peruntukan ini diletakkan semula dalam rang undang-undang yang kita bahaskan pada hari ini. Jika kita lihat sebagaimana yang telah disebut oleh Tan Sri Rahim berkait dengan seksyen 21(2) iaitu Pengarah Operasi mempunyai kuasa yang sangat besar. Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, tegasnya saya berpandangan beberapa peruntukan dan kuasa dalam rang undang-undang adalah tidak wajar dan saya mencadangkan agar rang undang-undang ini ditambah baik, dimurnikan melalui satu Jawatankuasa. Satu Jawatankuasa supaya ia betul-betul dimurnikan dan dikemukakan pula rang undang-undang pada sidang akan datang. Rang Undang-undang MKN sepatutnya mempunyai elemen berikut:

(i) keseimbangan antara…

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Okey, cukup.

(ii) keseimbangan antara kepentingan penjagaan keselamatan negara dan hak-hak asasi rakyat;

(iii) mewujudkan penyelarasan pentadbiran keselamatan yang cekap, berkesan dan menyeluruh;

(iv) mengambil kira kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara dan pemerintah tertinggi angkatan tentera dan Yang di-Pertuan Agong sebagai tonggak kepada ketiga-tiga badan utama negara yakni perundangan, eksekutif dan kehakiman; dan

(v) tidak mewujudkan mekanisme pentadbiran ala darurat sebaliknya menggunakan kuasa yang sedia ada pada agensi-agensi seperti PDRM melalui Akta Polis 1957. Contohnya melalui seksyen 7 Akta Polis yang menyebut, *"Yang di-Pertuan Agong boleh pada masa perang atau darurat lain menggunakan khidmat pasukan atau mana-mana bahagiannya untuk berkhidmat bersama dengan Angkatan Tentera Malaysia atau mana-mana angkatan tempatan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang."*

Akhir sekali saya memohon kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dengan kebijaksanaan, jiwa besar yang ada untuk meneliti akta ini sebaik-baiknya dan demi negara Malaysia yang tercinta. Dengan ini saya mohon untuk menolak rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam.

**4.28 ptg.**

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia, salam sehati dan sejiwa. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya membahaskan saya ingin juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih dan selamat bersara kepada kawan-kawan kita yang habis perkhidmatan Dato' Sri Idris Jala, Dr. Syed Husin dan juga Dato' Olian. Kedua, saya ingin mengucapkan takziah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kembali ke rahmatullah adinda pada empat hari yang lepas. Tadi bila Datuk Megat sebut saya pun rasa terharu kerana tugas negara Tuan Yang di-Pertua datang pagi di rumah, selepas itu datang pula ke Dewan dalam keadaan yang bersusah payah.

Ketiga, saya ingin bertanya, tadi Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi ada sebut, Puan Ambiga dan penyokong-penyokong beliau yang tidak ada kaitan dengan Dewan ini telah datang mengganggu persidangan Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara dan menggunakan banyak

**■1630**

Saya hendak tanya, bolehkah beliau dan penyokong-penyokongnya menggunakan kemudahan Parlimen bukan untuk urusan Parlimen dan juga Dewan Negara kerana beliau bukan juga orang Ahli Dewan Negara, ataupun Ahli Parlimen. Mengapakah beliau boleh melakukan demikian?

Saya juga hendak tahu, kalau tidak boleh, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Parlimen atas tindakan yang tidak betul yang dibuat oleh Puan Ambiga dan juga rakan-rakan beliau?

Saya juga hendak komen tadi Yang Berhormat Puan Aishah kata, kerajaan zalim. Sebenarnya yang zalim, saya punya pandangan DAP. Kalau orang tidak sokong DAP, parti itu- dia akan dipecat, dikeluarkan daripada kerajaan, contohnya macam di Pulau Pinang. Bila PAS tidak sokong, jadi orang PAS dikeluarkan daripada Kerajaan Pulau Pinang termasuk juga di negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya habiskan...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya nak mencelah sedikit.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Baik lah. Bagi *chance.*

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Baik, di Penang senang tapi kalau saya tidak salah dasar hendak pecat mana-mana Ahli yang tidak sokong dasar parti itu perkara biasa. UMNO pun sudah pecat beberapa orang, maka kenapa hendak salahkan DAP sahaja. Ini jelas terbukti.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya, tadi kata BN zalim,kan, tapi DAP lagi zalim. Boleh katakan maha zalimnya *[Tepuk]* Bukan sahaja maha zalim, hipokrit pulak itu. Hendak cerita di Melaka, Lim Kit Siang dulu Persidangan Dewan Negeri pakai songkok, bila dia masuk Dewan, dia kata MCA ini bodek UMNO. Jadi semua ahli MCA dan rakan-rakan tidak pakai songkok. Bila dia pergi Pulau Pinang, dia pula pakai songkok. Tengok dia punya hipokrit. Inilah saya kata, jangan dengar DAP ini sehingga parti PAS pun menjadi mangsa. Sebab itu banyak kezaliman yang dilakukan di Pulau Pinang yang kini menjadi kenyataan yang tidak dapat lagi disangkal oleh pihak pembangkang.

Ketiga, saya hendak bagi tahu kita tidak zalim. Dulu ada ISA Tuan Yang di-Pertua tapi keluar ISA, setelah mereka pun dibetulkan dapat jadi Menteri kan, dapat jadi Ketua Menteri, dapat jadi Ahli Parlimen. Mana ada zalim. Dan mereka masih dalam pembangkang.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencela.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang bangun Yang Berhormat.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih, saya hendak sebut sebab ramai sangat yang menyebut perkataan "zalim". Tadi Dato' Seri Shahidan pun sudah dapat *advise* daripada Tuan Yang di-Pertua, hendak jawab soalan "zalim."

Saya sudah sebut Surah Hud: 113, ayat Al-Quran yang kita dibacakan secara umum sebagai ingatan Allah SWT kepada kita. Akan tetapi, kalau semua rasa perkataan "zalim" itu rasa terkesan di hati Dato' Seri, Yang Berhormat sekalian dan kerajaan. Ini saya hendak gunakan pepatah juga- Yang Berhormat Megat, tak ada pulak dalam ini- siapa makan cili dia terasa pedaslah.

Sebab yang kita sebut ini satu ayat Al-Quran secara umum. Bagaimana kita hendak mentafsirkan sesuatu perkara itu kepada diri kita terletak pada diri sendirilah. Akan tetapi, saya hendak sebut, saya tidak sebut pun dalam ucapan saya, perbahasan saya tadi, kata kerajaan zalim, tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Tolong *check* balik *Hansard* dan juga ucapan saya. Apa yang saya sebut ialah ayat Al-Quran Surah Hud: 113 yang berkaitan dengan zalim. Kalau dia rasa kerajaan itu zalim terasalah, kalau tidak, tidak payahlah. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih, Yang Berhormat Aishah.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah *[Ketawa]* Saya pun hendak *quote* ayat Al-Quran juga. Kalau ikut ayat Al-Quran Yang Berhormat, di Pulau Pinang katakan zalim. Ayat surah Al-Mumtahanah: 9. Saya bacakan balik. Ini ayat Al-Quran, antara maksudnya, sesungguhnya Allah hanya melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang yang memerangi kamu dalam urusan-urusan agama- ini pertama; yang kedua, mengusir kamu dari kampung halaman mu; dan ketiga membantu mereka untuk mengusir mu sebagai kawan kamu. Barang siapa yang menjadikan mereka sebagai kawan maka mereka itulah orang yang zalim. Al-Quran Surah Al-Mumtahanah: 9. Terima kasih.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Boleh Tan Sri, sikit sahaja. Saya pun hendak jawab, sebut Pulau Pinang ini saya pun nanti *InshaaAllah* Tan Sri sesi yang akan datang saya pun hendak cerita. Saya, tok saya orang Pulau Pinang. Waktu Gerakan jadi kerajaan negeri pun, tok saya diusir dari kampung sebab kerajaan negeri ambil tanah itu bagi projek kepada tauke-tauke dia juga. Akan tetapi, saya akan dapatkan *detail* dan saya akan sebut dalam sesi perbahasan saya yang akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Ini bukan marah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa Yang Berhormat terhad Yang Berhormat.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Aishah kerana tidak mengatakan BN zalim, maka BN itu baguslah *[Ketawa] Alhamdulillah,* Dato Ibrahim pula kata DAP zalim, pun *alhamdulillah* juga. Jadi BN tidak zalim, DAP lah yang zalim.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini yang juga telah diluluskan di Dewan 'Parlimen' kerana ada tujuh sebab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan Rakyat Yang Berhormat.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya, di Dewan Rakyat. Bukan sahaja Ahli-ahli BN yang sokong. Saya difahamkan Yang Berhormat daripada pembangkang pun sokong juga. Hari ini pun nampak bunyi ucapan Dato' Johari dengan Yang Berhormat Khairiah pun *not bad*lah, boleh tahan... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Mereka yang beriman bersaudara... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Berpegang teguhlah kepada tali Allah, janganlah kamu bercerai berai.

Baru-baru ini PM ada merasmikan Multaqa Al-Azhar- mudah-mudahan kita dapat mengingati ayat ini demi kepentingan ummah di Malaysia khususnya.

Satu, sebab pertama saya sokong enakmen atau rang undang-undang kerana ia berbentuk islamik. Kalau kita lihat zaman Rasulullah- masa Rasulullah buka Kota Mekah banyak tentangan, banyak orang lawan. Jadi kerajaan jadi huru-hara, tidak aman. Jadi Rasulullah perkenalkan keselamatan, dan Rasulullah bersabda, siapa yang hendak selamat daripada masalah-masalah yang sedang berlaku di Kota Mekah pergilah ke rumah Abu Sufyan- sahabat Rasulullah.

Kedua, pergilah ke Masjidilharam. Masuk ke Masjidilharam, dan yang ketiga, masuklah ke rumah sendiri. Siapa masuk ke-tiga tempat ini maka ia mengikut arahan keselamatan. Jadi dengan arahan ini, nampak semua orang masuk, termasuk yang menentang Rasulullah pun masuk, dan akhirnya Kota Mekah menjadi aman dan damai.

Jadi apa yang PM buat ini, mengikut sunnah Rasulullah. Jika ada satu-satu tempat esok berlaku huru-hara, PM nasihat, kawasan keselamatan diisytiharkan maka duduklah dalam rumah dalam waktu-waktu tertentu. Janganlah merayau-rayau dan sebagainya. Ini kerana musuh sedang ingin membuat perkara-perkara yang boleh membahayakan keselamatan. Jadi nampak rang undang-undang ini mengikut sunnah Rasulullah, maka patutlah disokong.

Kedua, ia dapat menjaga keselamatan orang awam, dan juga kedaulatan negara. Ini kerana, ada juga musuh negara yang hendak ambil alih negara kita. Masih *claim* lagi negara kita ini negara dia. Ini kita pun tengah bertengkar ini Tuan Yang di-Pertua. Ada pulau-pulau, banyak negara *claim* itu hak mereka. Jadi kita kena bersedia. Kita tidak tahu apa yang akan berlaku di masa akan datang.

Ketiga, undang-undang yang sedia ada jelas kurang berkesan dalam membendung kejadian keganasan, pencerobohan wilayah negara, memperdagangkan manusia dan sebagainya.

Empat, saya menyokong rang undang-undang ini kerana ia dapat meningkatkan cara-cara untuk mengatasi serangan baru oleh pengganas-pengganas antarabangsa seperti IS. Kita tidak tahu bila IS hendak serang Malaysia maka kita tidak boleh ambil ringan. Di Paris siapa jangka. Dulu berlaku di Bali, Jakarta. Ini kita kecil-kecil sudah berlaku dua, tiga hari yang lepas. Oleh sebab itu, eloklah kita bersedia jika berlaku apa-apa kes dalam keadaan tergempar, kita boleh mengambil tindakan yang segara.

Kelima, undang-undang ini juga membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan yang pantas dan segera. Dalam tempoh beberapa jam sahaja sebelum atau sebaik sahaja kejadian berlaku.

**■1640**

Kalau kita gunakan darurat, dia panjang masa Tuan Yang di-Pertua- berhari-hari, berminggu dan berbulan. Katalah malam ini berlaku kes sekali lagi di Lahad Datu, jadi kalau Perdana Menteri dan lapan Jawatankuasa ini diberikan kebenaran, dalam tempoh satu jam isytihar. Kita sudah boleh ambil tindakan yang sewajarnya- isytihar keselamatan. Ini yang menyebabkan rang undang-undang ini menjadi penting. Kalau kita lambat, nanti penyangak-penyangak ini sudah lari balik. Sudah keluar dan telah masuk menyeludup di kawasan-kawasan yang sepatutnya mereka tidak sampai.

Keenam, saya menyokong kerana tadi pun sudah disebut ikut orang tua-tua, sediakanlah payung sebelum hujan. Hujan sudah berlaku dahulu, kita sudah siapkan payung. Sekarang hujan mungkin datang lagi jadi siaplah payung sekali lagi.

Ketujuh, ia tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan. Termasuk tidak mengambil alih kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam mengisytiharkan darurat. Tadi sudah pun disebut oleh Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain dan ramai kawan-kawan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kawan-kawan yang lain. Saya juga dapat banyak e-mel dari dalam dan juga luar negara menyuruh Ahli-ahli Dewan Negara supaya menolak rang undang-undang ini ataupun memperbaikinya. Bermakna mereka, saya lihat macam hendak setuju juga, bukan tolak total, tetapi kata terbaik tolak. Kalau tidak mahu tolak baiki. Cuma yang saya lihat, ayat itu semua sama. Kalau dalam Bahasa Melayu, semua ayat yang sama dari atas sampai ke bawah- satu muka. Kalau dalam bahasa Inggeris pun ayat itu juga. Saya hendak tahu, siapakah buat? Mungkin dari Malaysia juga- mungkin Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah?

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tuan Yang di-Pertua. Ini satu tuduhan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menjawab. Kalau isu Ambiga, isu *petition* ini dibangkitkan Tuan Yang di-Pertua saya akan cerita kronologi habis apa yang berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hendak bagi laluan? Silakan.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Ini saya sudah pun dibangkitkan Tuan Yang di-Pertua isu-isu konon, saya bawa masuk Ambiga dan sebagainya. Saya hendak sebut, kalau saya cerita kronologi, banyak yang terbabit Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap, perkara ini, isu ini sudah diselesaikan. Tuan Yang di-Pertua sudah ambil maklum. Jadi perkara ini langsung tidak melibatkan saya, dan apa yang berlaku ini ialah penggunaan Bilik Taklimat itu sendiri pun mempunyai kebenaran daripada Parlimen, dan saya menggunakan Bilik Taklimat itu dengan kebenaran Parlimen, bertulis ada direkodkan di tingkat 10. Itulah saya kata, benda ini- saya tidak mahu memanjangkan Tuan Yang di-Pertua kerana ia melibatkan banyak pihak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator. Biar saya beri penjelasan.

Yang Berhormat sebenarnya berlaku- Yang di-Pertua Dewan Negara ataupun Yang di-Pertua Dewan Rakyat, semasa persidangan kami adalah bertanggungjawab menentukan kelancaran persidangan. Perkara ini saya telah jelaskan. Bagi saya, saya tidak benarkan siapa pun masuk tanpa kebenaran saya. Akan tetapi, kebetulan kesilapan berlaku oleh pegawai di Pentadbiran, dan secara tu pun- dengan putar belitnya, dia salah tanggapan, maka mereka masuk. Atas perkara itu Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah sendiri, setelah saya panggil dia, dia telah menjelaskan. *So,* dia minta maaf. Harap perkara ini cukuplah setakat itu. Ya.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, harap lain kali Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah janganlah bawa lagi, kan atau ulang balik... *[Dewan ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *[Ketawa]* Emel yang saya terima ialah dia kata, kena tolak sebab tidak ada bebas hendak bergerak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kawasan keselamatan, kalau orang sedang serang kita, mana boleh orang bergerak, kan? Orang mencuri emas pun, bila dia masuk kedai emas dia kata, “Jangan bergerak!” Dia ambil emas, dibawa lari. Kalau bergerak, tentu ada yang kena tembak. Ini kawasan keselamatan tentulah kita disuruh jangan bergerak tetapi tidaklah tak boleh makan, tidak boleh minum 24 jam dalam bilik.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bila kita buat kawasan keselamatan ini selama enam bulan, adakah semua rakyat mesti duduk dalam rumah 24 jam, selama enam bulan? Kerana emel yang saya terima ini tidak boleh bergerak. Duduk dalam rumah sahaja.

Kedua, hak ke atas harta mengambil milik tanah bangunan dan harta tidak alih. Ia diambil sementara. Mengikut seksyen 36, pemilik harta juga jika terkilan atas pengambilan sementara hartanya, boleh membuat bantahan kepada Jawatankuasa Penasihat dalam tempoh 14 hari selepas milikan diambil. Kalau terlepas 14 hari, tidak bolehlah lagi buat bantahan. Ini menunjukkan rang undang-undang ini adil dan munasabah kerana diberi ruang untuk kita membuat bantahan.

Soalan saya, pemilikan ini lepas enam bulan akan diserahkan balik, ataupun disambung lagi sampai bila-bila? Siapa Jawatankuasa Penasihat- subseksyen 37 yang menghadiri bantahan pemilik harta, adakah ia seperti mahkamah biasa? Ada PTG, ada hakim kita boleh bawa kita punya juru nilai untuk kita berdebat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator tiga minit lagi Yang Berhormat.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiga.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ketiga, hak untuk bantuan undang-undang.

Saya hendak tanya, bolehkah tuan harta yang membuat bantahan menggunakan peguam, apabila mereka berhadapan dengan penasihat, boleh bawa *lawyer*? Kalau boleh, *alhamdulillah.* Dan boleh tidak bawa penilai swasta dan penilai kerajaan?

Keempat, ini yang ditanya oleh emel. Ia merosakkan kuasa tentera, polis dan kuasa darurat di bawah Perdana Menteri sepenuhnya bagi mengisytiharkan darurat seperti Perkara 150, dalam Perlembagaan Persekutuan walaupun perkara darurat tidak dicatat dalam rang undang-undang ini. Ini saya berpendapat- ini pandangan pihak pembangkang. Sebenarnya, darurat itu ia besar. Keselamatan ini kawasan-kawasan yang kecil. Jadi tidak perlulah sampai nak isytihar darurat. Ini telah pun diterangkan tadi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain.

Saya juga hendak cadangkan, masukan jugalah wakil Sabah dan Sarawak dan masukkan juga wakil syariah seperti Menteri Agama ataupun Majlis Fatwa. Sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang menjadikan Maqasid Syariah sebagai agenda negara. Kita nampaknya mengelapai Maqasid Syariah di seluruh dunia pada ketika ini.

Saya hendak tanya juga, apakah kedudukan Majlis Keselamatan Negeri selepas ini?

Kelima, daripada emel. Dalam kawasan keselamatan, pihak berkuasa boleh menangkap seseorang tanpa waran. Mungkin pihak pembangkang takut rang undang-undang ini akan disalahguna untuk menangkap ahli politik pembangkang atau siapa sahaja yang akan dimangsakan. Saya percaya kerajaan BN kerajaan yang adil. Hasrat kita adalah untuk menjaga keselamatan rakyat dan kedaulatan negara. Saya yakin tidak ada pihak-pihak yang akan dianiaya.

Soalan saya, jika pihak berkuasa tersalah tangkap- katalah tertangkap Yang Berhormat Mohan, ataupun Yang Berhormat Senator sebelah, atau Yang Berhormat Aishah itu, boleh kah beliau menuntut keadilan, seperti menuntut kerugian, dan Saman Malu kerana beliau ini Ahli Parlimen- dah tersalah tangkap. Bolehkah beliau bawa hakim-hakim ini, jika beliau diadili di dalam Jawatankuasa Penasihat, ataupun bolehkah beliau membawa pula kesnya ke Mahkamah Sivil?

Keenam, koroner boleh mengetepikan inkues berhubung salah guna kuasa yang mengakibatkan kematian. Yang ini, emel ini tidak setuju. Sebenarnya sama ada boleh tidak boleh ini, majistret boleh buat penghakiman termasuk koroner. Jadi bermakna bukan dia mati terus. Itu tidak boleh. Terpulang kepada tafsiran oleh majistret dan koroner. Soalan saya, boleh tidak yang punya diri itu berdebat dengan majistret dan juga koroner?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Di emel itu, di Malaysia mengikut e-mel itu, mekanisma sekat dan imbangan yang biasa terdapat dalam demokrasi berparlimen, adalah sama sekali tidak wujud, atau sudah teruk terjejas.

Pembangkang tetap membangkang. Bila kita hapus ISA, mereka masih juga tak puas hati sampai hari ini. Jadi kalau ikut pembangkang, mati kita. Macam kata Si Luncai dengan labu-labunya, biarkan, biarkan! Namun hari ini saya harap demi keselamatan rakyat dan negara mereka akan sokonglah rang undang-undang ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam* Yang Berhormat.

**■1650**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Wa'alaikumussalam* Yang Berhormat Senator. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kassim.

**4.50 ptg.**

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab]. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh,* salam 1Malaysia juga, salam sehati sejiwa.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah pun memberikan peluang untuk sama-sama saya membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Saya mulakan perbahasan saya ini dengan memetik sepotong ungkapan Inggeris yang berbunyi, *"It wasn't raining when Noah built the Ark."* dengan izin, ataupun sama maksudnya seperti pepatah Melayu iaitu, sediakan payung sebelum hujan, atau cegah sebelum parah atau bertongkat sebelum rebah.

Begitulah juga dengan senario pada hari ini yang mana tiada jaminan keamanan yang kita kecapi ini boleh kekal selamanya. Pasti ada sahaja dugaan yang tiba. Sebagai contoh sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Ali tadi iaitu sebagaimana yang berlaku di kota Paris baru-baru ini menunjukkan bahawa tiada negara yang kebal daripada anasir jahat yang ingin mengganggu-gugat kesejahteraan dan keamanan.

Kita juga boleh lihat daripada segi rekod pada 11 Februari 2013, 235 orang Filipina daripada tentera bersenjata Jamalul Kiram III telah mendarat di Kampung Tanduo, Lahad Datu bagi menuntut Sabah dari Malaysia. Lantaran mempertahankan kedaulatan negara, pihak keselamatan kita telah bermati-matian mempertahankan tanah air yang dicerobohi. Kesungguhan mempertahankan negara telah meragut lapan nyawa anggota keselamatan dan telah mengubah landskap sosiopolitik Timur Sabah sehingga kini.

Lantaran itu, pada Zon keselamatan Pantai Timur Sabah ataupun ESSZON telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak pada 7 Mac 2013. Ia lanjutan daripada penubuhan zon keselamatan khas Pantai Timur Sabah yang ditubuhkan khusus pada 7 Mac 2013 bagi mempertingkatkan benteng pertahanan laut di perairan bersempadan dengan Filipina. Justeru itu, kerajaan telah mengambil langkah progresif dengan mempertingkatkan aset-aset ketenteraan di kawasan yang berisiko untuk diceroboh. Lantaran pengalaman itu, kerajaan telah merangka sebuah pelan tindakan dan memperkemaskan lagi undang-undang yang sedia ada.

Selain daripada ancaman luar, Malaysia juga terdedah kepada risiko ancaman dari dalam negara. Ancaman daripada kumpulan-kumpulan rakyat Malaysia yang memperjuangkan matlamat mereka dengan mengangkat senjata. Mereka ini daripada pelbagai kumpulan radikal seperti *Al-Qaeda,* kumpulan *Islamic State* (IS), Abu Sayyaf dan lain-lain lagi. Menurut laporan, mereka ini bercita-cita besar iaitu ingin menawan Malaysia dan mewujudkan satu gagasan Darul Islamiah yang merangkumi Malaysia, Indonesia, Selatan Filipina dan Selatan Thailand. Rantaian mereka ini disokong oleh puak militan antarabangsa. Mereka mendapat bantuan luar serta latihan militan di Timur Tengah dan Selatan Filipina. Sesungguhnya dalam kesederhanaan kita, dalam mereka mula mengorak langkah dan menyusun strategi dan syukurlah pasukan keselamatan kita telah berjaya membanteras dan memberkas anggota-anggota militan ini di seluruh tanah air.

Walaupun begitu, kita terus dibelenggu kebimbangan ledakan bom terus menerus berlaku di Selatan Thailand, Indonesia, dan Filipina, malah dilaporkan ramai lagi rekrut militan pulang dari Timur Tengah. Justeru itu, Perdana Menteri telah memutuskan untuk memperkemaskan lagi mekanisme mengekang pergerakan militan dan subversif ini dengan memperkenalkan pelbagai undang-undang seperti SOSMA, POTA dan POLA. Sudah tibanya masa kerajaan menzahirkan satu undang-undang khas menjaga kepentingan dan keselamatan rakyat Malaysia. Maka terbitlah Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 yang kita bahaskan pada hari ini, sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang baik bukan semua orang yang suka. RUU MKN 2015 ini terus menerima kritikan dan komen negatif dan pelbagai pihak yang menuduh dengan pelbagai tuduhan. Antara tuduhan-tuduhan itu ialah rang undang-undang ini tidak lain dan tidak bukan hanya jalan keluar kerajaan untuk kekal berkuasa dengan memperkenalkan undang-undang *draconian* ataupun kuku besi dan kononnya membelakangkan Perlembagaan Malaysia. Tuduhan lain ialah Perdana Menteri telah membolot kuasa-kuasa istimewa yang ada pada Yang di-Pertuan Agong iaitu kuasa tertinggi angkatan bersenjata kita. Juga tuduhan bahawa undang-undang ini tidak lain daripada suatu alat kerajaan menekan rakyat dan penyalahgunaan kuasa.

Malah, ada di antara penggubal undang-undang dengan lantang mengatakan bahawa rang undang-undang ini bakal menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara polis. Sepanjang dua minggu atau tiga minggu ini, berterusanlah kempen-kempen menggesa RUU MKN 2015 ini ditarik balik dan dikaji semula.

Tidak cukup dari dalam negara, tekanan juga diterima daripada masyarakat antarabangsa. Terkini, satu resolusi Parlimen Kesatuan Eropah yang dibuat pada 17 Disember 2015 yang lepas menuduh pemerintah Malaysia terus menekan hak kebebasan rakyatnya bersuara dengan melaksanakan undang-undang baru.

Syukurlah, ketika rang undang-undang ini dibawa di Dewan Rakyat, ia berjaya diluluskan dan menunggu masa di Dewan Negara yang mulia ini untuk dimartabatkan. Saya yakin Dewan Negara akan memutuskan atau mendapat majoriti yang tinggi bagi menyokong kepada rang undang-undang yang dibentangkan ini. Pastinya saya penyokong kuat rang undang-undang MKN 2015 ini dan saya tidak akan membiarkan rang undang-undang ini dikotak-katikkan oleh mereka yang ingin melihat ia gagal.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh sedikit sebanyak tentang 15 Kuasa-kuasa Khas Pengarah Operasi dan pasukan keselamatan yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, tidak perlu.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Tidak payah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah banyak sebut dah.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, andai kata keselamatan negara tergugat, dengan adanya undang-undang ini nanti membolehkan pasukan keselamatan tidak teragak-agak untuk bertindak. Sebagai contoh, baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar syarahan daripada seorang ustaz. *So,* kata ustaz tersebut, ianya kalau hendak diimbangkan dengan keadaan sekarang bahawa-sebagai contohnya, di suatu keadaan yang mana seorang nakhoda yang sedang menghadapi ketika kapal yang ingin karam.

Maka sudah pasti nakhoda ini akan bertanya, melaporkan ataupun memaklumkan kepada penumpang-penumpang tadi iaitu apakah tindakan yang perlu dibuat ketika kecemasan ini berlaku. Apa yang kita lihat daripada segi masyarakat yang ada dalam sudut ekonomi terutamanya, ada juga yang akan mencadangkan supaya kata mereka, *"Ah, yang pentingnya, selamatkan harta benda dahulu"* dan ada juga yang akan mengatakan bahawa *"selamatkan wanita dahulu".* Dalam sudut satu tadi, yang berkehendakkan hanya ekonomi. Yang satu ini lagi, hanya berkehendakkan untuk bersuka ria ataupun sebagainya.

**■1700**

*So*, dalam keadaan sebegini ada juga berpendapat dan saya merasakan bahawa perkara ini tidak seharusnya dilakukan sebegini. Bermaksud, apabila nakhoda bertanya apakah tindakan yang perlu kita buat dalam keadaan kecemasan sebegini? Kapal sudah hendak merudum untuk tenggelam. *So*, jadinya ada juga yang berpendapat yang berkata, kita tubuh ahli jawatankuasa dahulu ataupun tubuh jawatankuasa dahulu. Bincang punya bincang, bincang punya bincang, akhirnya kapal pun karam.

*So*, dalam keadaan sebegini, saya menyarankan ataupun berperanan bahawa berilah peluang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib yang begitu memahami kaedah ini supaya boleh membuat keputusan yang tepat serta bijaksana. Inilah harapan kita. Janganlah tunggu sehingga kapal karam, sehingga negara ini hancur, sehingga keselamatan habis terabai dan sehingga negara ini sudah tidak ada lagi di dalam peta dunia baru hendak membuat keputusan.

Saya juga terkilan dan kecewa dengan sikap sesetengah di antara kita yang tidak peka dengan usaha mengembalikan keamanan. Saya merasa tidak ada sebab untuk mempertikaikan kuasa pihak keselamatan yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Tugas mereka amat jelas. Saya pasti prosedur ini tetap dilaksanakan walaupun andai kata Rang Undang-undang MKN tidak wujud, ia sudah menjadi formaliti keselamatan yang standard di seluruh dunia semenjak dahulu. Cuma ia kemasan mengikut keperluan dan acuan yang kita perlukan serta yang dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus menyentuh kuasa perintah berkurung. Harapan saya ialah perintah berkurung itu biarlah dilaksanakan dengan cara yang berhemah. Ini kerana kita perlu faham sensitiviti rakyat tertekan akibat perintah mandatori ini.

Keduanya, bagi menambah baik rang undang-undang ini, saya mohon pihak kerajaan mempertimbangkan beberapa cadangan iaitu di antaranya ialah sistem permit yang sedia ada ini ditambah baik dengan penggunaan kad pintar yang serba canggih, lebih cekap dan lebih *up to date*. Dalam erti kata lain, kita harus menggembleng teknologi moden dalam pengurusan kawasan keselamatan ini.

Bagi mengurangkan pengeluaran pelbagai jenis permit, kaedah menggunakan *smart card* ataupun kad pengenalan boleh dilaksanakan. Untuk keadaan yang lebih serius adalah dicadangkan teknologi *tagging* dan peranti elektronik diguna pakai. Dengan kaedah canggih itu kita tahu pergerakan mereka secara berterusan. Bagi kuasa untuk merakam pergerakan adalah dicadangkan supaya kamera video ataupun CCTV berdefinisi tinggi digunakan. Ini membolehkan pemantauan dibuat dengan cekap dan boleh direkodkan. Kaedah ini berjaya digunakan di Amerika dan juga di United Kingdom. Perakam boleh dianalisis dan keputusan boleh dibuat dengan kadar cepat dan tepat.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan juga menggunakan dron bagi kerja-kerja pemantauan. Ia mudah dikendalikan serta sesuai bagi kawasan yang luas dan boleh digunakan bila-bila masa.

Bagi kuasa menangkap tanpa waran, diminta pihak anggota keselamatan mengambil gambar video semasa operasi dilaksanakan. Selain daripada tujuan rekod dan rakaman, ia juga boleh dijadikan bukti jika ada pertuduhan penyalahgunaan kuasa dibuat.

Begitu juga menggeledah premis bagi mencari bahan berbahaya adalah dicadangkan kamera dipakai bagi merekodkan gerakan operasi tersebut. Bagi rampasan barang merbahaya tersebut, adalah dicadangkan supaya ia direkodkan secara *online* kepada bank data rampasan. Ini bagi mengurangkan pertikaian jika ada di kemudian hari.

Berkenaan dengan kes-kes terkilan penduduk, disyorkan supaya format tuntutan secara *online* boleh digunakan. Selain dari prosesnya mudah, *report* itu juga boleh dipantau oleh pelbagai pihak secara berterusan.

Bagi kuasa memberi pampasan atas harta benda penduduk suatu tindakan yang adil jika penilaian atau taksiran pampasan juga melibatkan pihak-pihak yang pakar dalam bidang-bidang tersebut. Penilaian secara *remote* boleh dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan kekerasan memang tidak dapat dielakkan. Lebih-lebih lagi apabila suasana tegang berlaku. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu apakah garis panduan *do or don't* atau yang boleh ataupun yang tidak membolehkan ada diberi latihan kepada anggota-anggota keselamatan yang bertugas.

Kedua, sekali lagi difikirkan bahawa anggota keselamatan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Sedikit lagi, dalam dua minit atau tiga minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sekali lagi difikirkan bahawa anggota-anggota keselamatan semestinya profesional dalam menjalankan tugas mereka. Kekerasan mungkin terjadi akibat pertelingkahan atau salah faham. Pendekatan psikologi penting bagi mengurangkan ketegangan dalam suasana di bawah kawalan ketat keselamatan. Penting bagi suasana sebegini pendedahan kepada anggota keselamatan tentang aspek psikologi perlu didedahkan.

Berkaitan dengan salah faham atau faktor perbezaan bahasa dan budaya sepertimana senario di Sabah mesti diambil iktibar. Pihak berkuasa hendaklah menitik beratkan hubungan baik bersama penduduk, menggunakan ketua komuniti seperti ketua kampung mestilah dimasukkan ke dalam jawatankuasa di peringkat bawahan. Ini membolehkan mesej yang hendak disampaikan kepada kedua-dua pihak dapat difahami dan boleh meningkatkan keyakinan serta rasa hormat penduduk kepada pihak berkuasa.

Sesungguh pun begitu, difikirkan bahawa bagi senario sebegini, latihan secara berterusan oleh pihak berkuasa perlu dilakukan. Anggota keselamatan juga mestilah didedahkan kepada teknologi, sosiobudaya dan juga SOP dalam menjalankan tugas.

Saya ingin bertanya juga kepada pihak Yang Berhormat Menteri iaitu apakah perancangan, *team* yang akan dikerah itu sudah melalui proses latihan dan pendedahan.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan, saya ingin menyentuh obligasi kerahsiaan sedikit, iaitu penting bagi pasukan keselamatan mempunyai integriti dan kemampuan menyimpan rahsia. Kerap sesuatu operasi gagal akibat maklumat pergerakan pasukan keselamatan telah dibocorkan. Justeru itu, difikirkan amat penting para petugas keselamatan ini dipilih daripada mereka yang benar-benar profesional dan berintegriti tinggi dalam menjalankan tugas.

Akhirnya saya amat berbesar hati dengan rang undang-undang ini. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam*. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus untuk berbahas.

**5.08 ptg.**

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut bersama bangun dan berbahas Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan hujah saya di Dewan yang Mulia ini, saya terpanggil untuk menyentuh isu ini di mana nampaknya rang undang-undang ini begitu panas di luar sana. Menjadi topik perbincangan di media sosial negara kita.

Saya sebenarnya kurang faham kenapa ramai orang di luar sana yang seolah-olah cuba menyalahkan kerajaan. Menuduh kerajaan cuba mengambil alih kuasa yang dianugerahkan kepada Yang di-Pertuan Agong selama ini. Pada hal, dasar-dasar di bawah rang undang-undang ini adalah untuk kebaikan bersama demi meneruskan kelangsungan negara kita.

**■1710**

Pada saat ini, pelbagai bentuk ancaman dalam dan luar negara yang jelas cemburu dengan kemajuan dan perpaduan antara kaum, agama dan bangsa. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebenarnya sudah memberi jaminan bahawa undang-undang ini tidak akan disalah gunakan dan akan dijadikan langkah pencegahan, khusus dengan memberikan tumpuan terhadap usaha menangani keganasan.

Jika dikaji secara mendalam jelas bahawa rang undang-undang ini bakal mengintegrasikan kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan memberikan kuasa untuk mengisytiharkan zon keselamatan bagi kawasan khas di negara kita. Contoh terbaik ialah ESSCOM dan ESSZONE di Lahad Datu, Sabah. Bila berlakunya pencerobohan pengganas Sulu 2013, ini langkah terbaik untuk pihak kerajaan dalam menghapuskan pengganas masa itu dan langkah jangka panjang untuk kejadian seumpama ini tidak berulang lagi. Hasilnya, lihatlah hari ini Lahad Datu kembali aman dan penduduk bebas melakukan aktiviti harian tanpa sebarang rasa takut dengan kehadiran anggota keselamatan.

Sebenarnya keperluan akta baharu ini bagi mewujudkan MKN secara perundangan adalah sama seperti mana yang dilakukan di beberapa buah negara seperti di Amerika Syarikat, India, Jepun, Filipina, Thailand dan United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati melalui media sosial banyak isu yang dimainkan kononnya Rang Undang-undang MKN ini akan memberi kuasa diktator kepada Perdana Menteri untuk mengisytiharkan darurat dan sebagainya. Ini sebenarnya hanya persepsi. Sebenarnya definisi darurat dan kawasan keselamatan adalah berbeza. Apabila darurat diumumkan, maksud semua institusi politik tidak berfungsi. Manakala, Yang di-Pertuan Agong berkuasa melaksanakan undang-undang tanpa merujuk kepada Parlimen. Dalam konteks ini, siapa yang didapati berperanan mengkucar kacirkan keamanan dan keselamatan negara, boleh ditahan tanpa bicara. Ia terbatal apabila dimansuhkan. Kita hendaklah sedar bahawa Rang Undang-undang MKN sebenarnya lebih baik daripada ISA.

Dalam Rang Undang-undang MKN, sesiapa yang melakukan kesalahan akan dibicarakan, tiada tahanan tanpa bicara dalam kawasan keselamatan. Manakala, semua undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen akan di kuat kuasa.

Di samping itu, Rang Undang-undang MKN lebih demokrasi kerana kebetulan Majlis Keselamatan Negara mengikut majoriti. Perdana Menteri tidak memutuskan sesuatu tindakan secara bersendirian tetapi diputuskan oleh Ahli-ahli Majlis Keselamatan Negara. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengajukan beberapa soalan berkaitan rang undang-undang ini. Adakah langkah kerajaan untuk membuat transformasi menyeluruh terhadap MKN agar lebih efektif dalam menangani cabaran kian kompleks, terutama melibatkan keselamatan global mutakhir ini?

Soalan kedua ialah, bagaimana MKN menangani ancaman jenayah rentas sempadan, termasuk memperdagangkan manusia dan siber? Tuan Yang di-Pertua, disebabkan kesuntukan masa, bagi memberikan peluang kepada rakan-rakan lain untuk turut sama berbahas. Saya dengan ini mohon menyokong rang undang-undang ini. Oleh sebab undang-undang ini untuk keselamatan, keselesaan dan keselamatan untuk rakyat Malaysia. Bukan saja rakyat daripada Barisan Nasional tapi semua rakyat di Malaysia. Terima kasih, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Khairudin.

**5.15 ptg.**

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Bismilllahir Rahmaanir Rahiim... [Membaca sepotong doa]* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa rakan-rakan saya, dengan izin, sudah *tapau* habis *point-point* yang telah pun saya sediakan sebab kesalahan saya sendiri, saya minta untuk berbahas pada hari ini.

Walau bagaimanapun, yang pertama sekali saya ingin menyatakan di sini, di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pengertian keselamatan itu harus kita fahami dahulu. Keselamatan itu dalam bahasa Inggeris ialah *safety. Safety* ini tidak ada kompromi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh ada kompromi. Jadi, kita kena lihat betul-betul. Yang pertama, saya melihat keselamatan emel kita ini pun telah diceroboh. Pernah dalam satu perjumpaan saya meminta supaya semua surat jemputan dari Parlimen kalau boleh dikeluarkan melalui emel, janganlah melalui faks kerana faks ini kerap kali rosak kalau ada petir dan sebagainya, *line* telefon dia rosak dan pada ketika itu Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Idris Jala menyokong penuh pandangan saya.

Akan tetapi kata pihak Parlimen kepada saya, bukan semua Ahli Dewan memberi emel. Saya tidak tahu berapa ramai yang tidak beri *email address* kepada Parlimen. Bila kita dapati sekarang ini begitu ramai yang menerima emel daripada mereka yang kita tidak kenal pun. Pejuang-pejuang, kononnya daripada NGO-NGO yang mengganggu gugat keputusan yang akan kita buat.

Walaupun kita tidak terpengaruh tetapi kalau boleh kita kena selidik daripada mana mereka dapat alamat emel kita. Ada yang sekali dengan alamat rumah. Saya takut nanti dia datang serang rumah saya. Di kawasan rumah saya kena diisytiharkan kawasan keselamatan. Sebab sudah ada alamat rumah pun diberikan...

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tidak- bagi saya ini, *gear* satu baru. Sekejap, sekejap, baik. Baru hendak masuk *gear* baru. Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia hendak mencelah, bukan hendak minta penjelasan.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Nanti, nanti sekejap sebab tengah dok masuk *gear* ini. Baru minyak hendak naik, bukan naik harga, meter minyak hendak naik. Tuan Yang di-Pertua, nanti kawasan rumah kita juga jadi tidak selamat.

Maka, Yang Berhormat Menteri kena maklum kepada Majlis Keselamatan Negara untuk mengisytiharkan kawasan rumah saya ialah kawasan keselamatan. Yang itu, sebab Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang ini memang, apa yang dia buat pula ialah *copy-paste* saja, dengan izin. *Copy-paste* saja, saya cuba hendak baca, *copy-paste* bahasa Inggeris- Bahasa Melayu pun *copy-paste.* Bermakna, dia pun tidak ada idea. Kalau sudah teringin sangat, masuk Barisan Nasional, kita lantik pergi duduk dalam Dewan. Dia jadi Ahli Dewan, jadi dia boleh mengambil bahagian dalam perbahasan-perbahasan yang akan dibuat ataupun kalau mereka hendak saya mengikut pendapat mereka dengan syarat mereka juga bersetuju untuk menyokong Barisan Nasional. Lepas itu kita boleh menyokong untuk mereka menolak. Kalau tidak, tidak payah. Jangan ganggu kita, kita ada pendirian kita masing-masing. Kita boleh berhujah, kita ada pendapat masing-masing dan kita menghormati pendapat-pendapat.

**■1720**

Saya tidak mengganggu sesiapa pun daripada belah sana pun saya tidak ganggu sebab saya percaya kepada perbedaan pendapat. Jadi, sebutlah apa nak sebut, kita bebas bercakap di dalam negara kita yang bebas. Kita hendak bercakap soal hak asasi manusia. Hak asasi manusia ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tafsirkan dalam negara kita, semenjak kita dilahirkan, kita mendapat perlindungan hak asasi sehinggalah kita berumur enam siri macam saya atau tujuh siri macam Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Kita ada hak asasi kita. Manakah ada kita dengar bom meletup tepi telinga seperti mereka di Palestin? Tak ada. Kita mempunyai hak asasi masing-masing di dalam negara kita yang cukup aman. Mana kita ada sedikit-sebanyak yang ragut beg ini semua tak payahlah kita bawa sebagai suatu perkara yang cukup besar yang hendak dibahaskan di sini. Jadi, saya melihat ada hikmahnyalah untuk makluman Yang Berhormat Menteri yang *handsome* lagi berada dengan kita pada hari ini...

**Seorang Ahli:** ‘Tujuh Siri’ juga sini.

**Dato’ Khairudin bin Samad:** Ini ‘Enam Siri’, ‘Enam Siri’.

Tuan Yang di-Pertua, hikmahnya ialah tidak pernah saya terdengar mereka yang ini yang hantar *email* ini, tak pernah kita dengar orang-orang yang minoriti yang jahat ini yang *dok* merasuk kita ini, hari ini mereka ini boleh bercerita dengan kita menyokong macam Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain kata tadi. Adinda Datuk Megat ada sebut tadi. Menyokong Tuan Yang di-Pertua Agong, Raja-Raja Melayu.

Saya sampai jadi kagum. Jadi kagum Tuan Yang di-Pertua sebab hikmahnya itu kerana adanya RUU ini, maka kita dapat tahu bahawa ramai rakyat Malaysia yang menyokong Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu termasuklah menyokong Palestin yang terseksa.

Seolah-olah kita ini pun sudah hendak jadi negara Palestin. Jadi, ini satu kebaikan, satu hikmah yang kita terima dengan RUU ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam membicarakan soal ini, saya salah satunya ialah rakan kita Datuk Seri Nalla tak ada hari ini. Sebenarnya saya hendak tanya dia, keadaan dia sewaktu dia di Sungai Buloh dulu, tetapi dia tak ada hendak jawab. Jadi kita tinggalkan dialah untuk kes ini. Cuma saya hendak menyebut di sini bahawa saya menyokong sahabat saya dari Sarawak Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian di mana dia agak gelisah kerana tidak ada wakil dari negeri dia di dalam jawatankuasa ini.

Ini saya rasa Yang Berhormat Menteri harus lihat, Yang Berhormat Menteri harus lihat bagaimana kita hendak tangani ini kerana Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok pun ada sebut, 18 perkara yang ada tetapi kalau kita ketepikan yang ini mungkin perasaan mereka ataupun mereka yang di Sabah agak rasa agak macam terkeluar sedikit dalam soal ini kerana mereka juga perlu melibatkan diri dalam keselamatan negeri mereka walaupun kuasa keselamatan itu terletak kepada Kerajaan Persekutuan.

Untuk kedua-dua buah negeri ini kita boleh bagi pertimbangan. Kalau negeri lain, saya ingat tak payah *kot*. Kalau kita hendak libatkan semua Menteri Kabinet pun, sudah jadi Kabinet, Mesyuarat Kabinet sahajalah. Tak payah ada Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara. Itu pandangan saya Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian, dalam perkara ini saya hendak menyentuh juga tentang ini kalau hendak masuk ke dalam kawasan bangunan hendak geledah kerana saya masih ingat lagi, kalau kita tidak ada inventori, benda-benda *exhibit* yang kita ambil dari rumah, dari kawasan itu Yang Berhormat Menteri, yang ini tolong ambil perhatian kerana saya kehilangan ibu saya, dibunuh dengan kejamnya oleh pembantu rumah adik saya pada tahun 2006, Januari. Lagi dua minggu, cukup 12 tahun. Apabila dibunuh, barang kemas yang dirompak daripada ibu saya itu, dibawa ke balai polis. Dua tahun selepas kes mahkamah, sampai hari ini, barang kemas hilang. Itu barang kemas, yang tidak banyak sangatlah.

Akan tetapi kalau kawasan keselamatan diisytiharkan, sudah tentulah kita hendak ambil alih bangunan dan sebagainya, kita tidak mempunyai inventori yang betul ataupun kita main-main sahaja dengan inventori itu, saya takut barang-barang ini juga akan hilang daripada tuan punya kerana kita sudah masuk ke kawasan itu kemudian kita tidak ada definisi yang lengkap. Kita tidak mempunyai definisi yang lengkap ataupun kita tidak membuat satu definisi di mana kita hendak masuk di situ, tiga bulan campur tiga bulankah umpamanya, kerana kita tak sebut berapa lama jangka masa yang berapa lama kita hendak ada di situ dan kemudian barang-barang itu kita ambil, kita simpan.

Bila kita hendak bagi balik dekat dia, barang-barang pun hilang. Kalau barang kemas ibu saya boleh hilang, apatah lagi barang-barang yang mungkin lebih berharga daripada barang-barang kemas ini. Ini menjadi khuatir juga kepada kita kerana kita takut satu ketika nanti perkara-perkara ini tak boleh kita tangani apabila kita sudah lepas kuasa-kuasa ini kepada mereka. Bukan saya hendak menuduh mereka ini mencuri dan sebagainya tetapi keadaan boleh berlaku dalam keadaan yang ini.

Perkara-perkara ini boleh berlaku. Kita takut kerana saya dengar, saya pun hairan juga yang pertama Tuan Yang di-Pertua, macam mana mereka ini boleh tahu? Rupanya mereka mengikut. Tak ramai pun yang kita *dok* risau sangat. Tak ramai pun yang menentang di luar itu. Kita sahaja buat bagi gembar-gembur di dalam Dewan ini seolah-olah oh, ramai orang yang menentang di luar. Cuma pada mereka yang ada pelajaran sedikit ataupun tahu berkenaan dengan perundangan ini, mereka adalah sedikit-sebanyak memberitahu kita bahawa kita perlu melihat untuk diperbaiki sedikit rang undang-undang ini dan diberi sedikit definisi yang lengkap supaya dapat kita menerima rang undang-undang ini dengan baik. Jadi kita tak mahu nanti satu hari nanti, kalau kita tersilap langkah maka perkara-perkara yang lain yang boleh berlaku kerana tidak ada definisi dalam perundangan itu.

Jadi kalau boleh rang undang-undang ini dibaiki sedikit dan *inshaaAllah* saya rasa kerana ia cukup baik. Kita hendak menjaga keselamatan ini lebih kurang kata Mat Salleh Tuan Yang di-Pertua- *precaution is better than cure*. Janganlah sampai sudah baling bom, dah meletup, baru kita hendak duduk mesyuarat, kemudian baru kita hendak isytihar. Masa itu dah terlambat. Jadi kalau kita syak, bermakna kalau kita syak, yang ini orang khuatir. Orang jadi takut kerana kalau kita syak kepada seseorang, kita tangkap dia, dia kata belum lagi dituduh, belum lagi ada bukti.

Kalau hendak tunggu ini semua, saya rasa pihak keselamatan sudah tahu kenapa mereka tangkap, kenapa mereka syak, oleh sebab ada sesuatu yang dibuat ataupun yang menunjukkan bahawa satu perkara yang tidak diingini akan berlaku. Kita tak mahu lagi seperti dulu-dulu apabila kita dapat tahu, contohnya, Arqam, dah habis biak satu Malaysia ini baru kita hendak mengambil tindakan. Itu menjadi masalah kerana saya merasa Tuan Yang di-Pertua, Majlis Keselamatan Negara, rang undang-undang ini dibuat oleh sebab pada masa dulu kalau hendak dikatakan PDRM, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan juga badan-badan lain yang terlibat dengan keselamatan negara, mereka ini dapat informasi-informasi yang tertentu.

Contohnya apa yang berlaku di Lahad Datu. Mereka mempunyai informasi tetapi tidak berkongsi kerana ini PDRM, ini ATM, ini MKN, tidak berkongsi. Maka, dengan sebab itu pada pandangan saya, pada pendapat saya, dengan sebab itu maka rang undang-undang ini hendak dibuat, hendak bawa ke dalam Dewan oleh sebab ia menjadi sebuah badan seolah-olah macam *one-stop agency*. Bermakna, semua informasi telah pun diambil oleh MKN dan terus mengisytiharkan kawasan itu peraturan keselamatan. Ini Yang Berhormat Menteri boleh bagi penjelasan. Saya berpendapat begitu kerana sebelum ini tidak ada perkongsian informasi-informasi berkenaan dengan keselamatan. Bermakna polis hendak menunjuk bahawa mereka hero yang boleh menangani masalah keselamatan.

**■1730**

Begitu juga pihak angkatan tentera. Mungkin mereka juga berpendapat begitu. Ini yang didapati oleh mereka. Informasi ini informasi mereka. Maka mereka yang hendak menangani. Akhirnya, semuanya sudah jadi bubur, baru kita hendak mulai bertindak. Saya berpendapat itulah sebab-sebabnya maka rang undang-undang ini dikemukakan untuk kita berbahas dan bersetuju supaya tidak berlaku dan perkara-perkara yang tidak diingini sebelum ia terlambat. Jadi, itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya katakan tadi rakan-rakan sudah tapau habis. Jadi, saya pun bolehlah sebut sedikit sebanyak tetapi...

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *[Bangun]*

**Dato' Khairudin bin Samad:** Ya, silakan Yang Berhormat Shahanim, dia minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidak berapa mahu bercakap sebab keadaan saya yang tidak sihat. Suara bukan macam lelaki dah, sudah jadi macam jantan. Apa yang saya hendak katakan di sini saya amat dan sangat tidak berpuas hati di atas emel kepada saya, yang terkini emel bertarikh 9 Disember daripada LK di mana tertera- saya *print screen* di sini. Nama dan alamat saya di Bandar Laguna Merbok Sungai Petani.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.]***

Jadi, saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua agar buat DNA, *check* tengok, siapa yang telah tidak jujur, memberi e-mel kami Yang Berhormat ini kepada, bagi saya pihak pembangkanglah kerana seterusnya pada 20 Disember selepas kita dapat e-mel mengenai RUU MKN pada 20 Disember saya dapat lagi emel daripada Mohd Zul mohon kurangkan jumlah 1.5 juta orang pekerja asing. Jadi, di dalam di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap perkara ini amat serius memandangkan emel berunsur fitnah dan menghasut, saya mohon pihak Parlimen untuk mengambil satu keputusan atau pun satu tindakan kepada mereka yang menyebarkan e-mel kami dan alamat kami, yang mana saya macam Datuk Khairudin saya amat susah hati alamat saya tertera di semua-sahabat-sahabat pembangkang saya. Saya mohonlah pihak Parlimen untuk mengambil satu tindakan tegas. Terima kasih.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Saya bersetuju sangat Yang Berhormat Puan Shahanim. Bukan sahaja emel rang undang-undang ini, emel minta derma daripada gaji RM4,200 sampai lah gaji RM14,000 ini pun dia orang kacau minta derma. Kita ini baru hendak rasa lebih sedikit dari Bangladesh punya Senator, lebih sedikit sahaja Yang Berhormat Datuk Megat. Adinda, ada tidak? Hendak beritahu sebab Dato' Suhaimi tidak ada. Lebih sedikit sahaja daripada kawan-kawan kita di Bangladesh. Kita punya gaji ini telah pun diganggu gugat. Jadi, saya minta yang ini kena minta pantauan yang betul supaya kita boleh memantau daripada manakah mereka ini dapat alamat-alamat emel kita sehingga mengganggu ketenteraman kita.

Kemudian, saya ingin menyatakan di sini juga bahawa saya menyokong rang undang-undang ini. Sudah tentulah menyokong dengan sedikit pindaan. Saya sudah buat perkiraan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua. Bukan saya jawatankuasa mengundi tetapi sudah buat perkiraan saya sendiri, yang menolak hanya dua orang, tiga orang. Tiga orang kalau tidak salah dan yang menyokong tidak ramai dengan yang menyokong untuk ada pembaikan.

Jadi, menang kepada menyokong yang membuat pembaikan maka saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan ini RUU MKN 2015 dengan sedikit pembaikan dan definisi yang lengkap. Sekian, terima kasih banyak-banyak. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Datin Rahimah. Silakan Yang Berhormat.

**5.34 ptg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahirabbil 'alamin, wassolatu wassalamu 'ala asyrafil anbiyai wal mursalin, wa 'ala alihi wasohbihi ajma'in.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk mengikut sama dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara. Kita menyanjung tinggi usaha kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini dalam ikhtiar memantapkan dan memperkukuhkan lagi benteng keselamatan negara.

Rang undang-undang ini akan membolehkan Majlis Keselamatan Negara wujud secara perundangan setelah sekian lama bertaraf eksekutif berikutan pemansuhan Ordinan Darurat dan Akta Darurat pada tahun 2011. Keselamatan perkara paling asas dalam kehidupan manusia sama ada hidup bermasyarakat, bernegeri atau bernegara. Keselamatan pula selalu berdepan dengan ancaman dan bentuk ancaman terhadap keselamatan pula bersifat dinamik dan berubah selari dengan perkembangan serta kemajuan hidup manusia itu sendiri.

Keadaan inilah yang menuntut supaya kerajaan menggubal undang-undang yang lebih kukuh dan mampu berfungsi segera kerana keganasan yang mengancam keselamatan negara juga dirancang rapi dan bergerak pantas. Tuan Yang di-Pertua, dan dalam hal ini saya mencadangkan supaya kerajaan menyediakan CCTV di tempat-tempat strategik yang berpotensi mengancam keselamatan supaya boleh bertindak segera kepada orang-orang yang disyaki.

Ancaman keselamatan ini boleh berupa ancaman dari luar seperti pencerobohan atau ancaman dari dalam seperti pemberontakan meruntuhkan kerukunan hidup antara kaum atau ancaman dadah. Negara kita sendiri sudah ada pengalaman dalam hal ini. Antaranya ialah peristiwa 13 Mei pemberontakan kumpulan Al-Ma'unah di *South Perak* pada tahun 2000 dan pencerobohan di Kampung Tanduo Lahad Datu pada tahun 2013. Semua ini ada melibatkan nyawa rakyat. Di sinilah pentingnya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini.

Rang undang-undang ini memberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan sebagai kawasan yang dinamakan kawasan keselamatan bila berlaku sesuatu ancaman yang serius. Perisytiharan kawasan keselamatan ini bagi membolehkan rang undang-undang ini memberi kuasa kepada Majlis Keselamatan Negara segera bertindak secara berpadu antara pasukan keselamatan dengan agensi keselamatan yang lain bagi menangani ancaman di kawasan tersebut. Ini bermakna Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara akan memudahkan lagi penyelarasan agensi-agensi supaya kerjanya lebih berkesan.

Apa tindakan mencegah daripada melakukan kerosakan, pencerobohan atau tindakan-tindakan lain yang boleh mengancam negara dianggap sebagai diktator atau pun zalim? Sejak rang undang-undang ini diluluskan di Dewan Rakyat, ia berterusan menjadi bahan kritikan dan tindakan liar. Malah, menjadi *viral* di media-media sosial kononnya mempunyai agenda tersirat untuk memberi kuasa diktator kepada Perdana Menteri. Ini dikaitkan dengan pertembungan kuasa antara Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri. Kuasa Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal 1, Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan dan kuasa Perdana Menteri di bawah Bahagian IV, Fasal 18(1) walaupun istilahnya berbeza iaitu darurat dan kawasan keselamatan, namun ia longgar dan terbuka untuk di manipulasi. Soalan yang selalu dibangkitkan ialah bagaimana jika berlaku pertembungan dalam masa yang sama? Kedua, jika berlaku, siapakah yang perlu dipatuhi?

**■1740**

Begitu juga dalam fasal 22 hingga 24 yang memperuntukkan kuasa yang begitu luas kepada Pengarah Operasi, kuasa memindah, mengawal pergerakan orang, menempatkan semula orang yang dikatakan bertentangan hak asasi Perkara 9, kebebasan bergerak dan menetap di mana-mana dalam Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, permasalahan-permasalahan yang lain saya kira ada tercatat di sini tetapi saya kira sama sahaja dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi, saya kira saya tidak menyebutlah. Jadi, ini perlu penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri bagi mengelakkan rang undang-undang ini dikelirukan oleh sesetengah pihak untuk menggambarkan sisi hodoh dan persepsi buruk semata-mata.

Keselamatan negara yang melibatkan nyawa dan harta benda janganlah sekali-kali dipertaruhkan kepada persepsi yang berasaskan kepada kesamaran dan ketidakjelasan. Rang undang-undang perlu dan baik bagi negara. Kita terima segala kekurangan dan isu yang tidak jelas. Pembangkang juga perlu terima kebaikan yang ada. Takkanlah semuanya buruk. Kita dalam Barisan Nasional bersifat terbuka.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya hendak beri sedikit penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak tolak fasal-fasal yang baik. Yang kita pertikaikan, daripada segi keseluruhannya, ada kelemahan-kelemahan. Maka dalam keadaan begini, terpulang kepada pendirian masing-masing hendak terima atau menolak ataupun hendak buat pengubahsuaian. Itu sahaja. Terima kasih.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Saya minta Yang Berhormat Menterilah menjawab sebab saya hendak teruskan ucapan saya.

Kita dalam Barisan Nasional bersifat terbuka dan yang baik kita sokong dan kita tegur mana yang perlu. Akhirnya, kita pemimpin. Kita yang berada di Dewan ini semuanya pemimpin dan sebagai pemimpin, kita bertanggungjawab terhadap keselamatan dan keamanan negara. Kita boleh berbeza dalam fahaman politik kepartian tetapi kita perlu bersama-sama dalam mengurus keselamatan negara.

Islam mengajar kita supaya kita bersatu bila kita berselisih pendapat. Al-Quran ada menyebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Kalau kita berselisih pendapat sesuatu perkara, kembalilah kepada Al-Quran dan Al-Hadis"*.

Tuan Yang di-Pertua, apalah ertinya negara kaya punya hasil yang melimpah ruah tetapi keselamatannya terancam? Biar negara sedikit sederhana tetapi rakyat hidup aman, damai, penuh harmonis. Sekian, saya pohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim. Silakan, Yang Berhormat.

**5.44 ptg.**

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini bagi membahas Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya modal semua sudah habis sudah, semua sudah diambil sudah. Jadi, saya akan menyokong rang undang-undang ini dibahaskan dan diluluskan sebab Yang Amat Berhormat sebelum mengutarakan rang undang-undang ini tentunya mendapat nasihat daripada Peguam Negara. Jadi kita bahas di sini dan akhirnya kita akan sokong.

Bagi pihak pembangkang, memanglah saya tengok daripada Dewan Rakyat lagi sampai ke sini, betullah itu, dibangkang itu. Dia orang pembangkang, dibangkang. Saya setuju sudah. Kalau tidak bangkang, nanti sepenggal jadi senator, tak sambung dua penggallah. Jadi, betul, saya setuju dia bangkang.

Pada saya, saya ini dahulu kerja sebagai Pengarah Penjara di Kementerian Dalam Negeri dahulu. Saya tengok Tuan Yang di-Pertua, dalam penjara di Malaysia ini pun saya tengok dijaga cukup rapi. Hendak kata zalim ini? Pagi makan lain, tengah hari makan lain, petang makan lain, cukup selesa.

Saya tanya pegawai yang bersalah itu, orang Indonesia tetapi saya cakap Kelantanlah, tidak cakap Indonesialah, *"Kenapa kamu tidak mahu pulang ke Indonesia sebab kita hantar free, kerajaan hantar free?"* Dia kata, *"Kalau mahu pulang ke Indonesia bapak, belum tentu dapat makan. Di sini makannya satu hari lima kali"*. Dalam jel, sejak dia di Malaysia ini. Usahkan dekat luar. Maknanya, hari ini keselamatan negara kita memang aman damai.

Jadi saya hendak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia kerana begitu komited, begitu prihatin bagi memperkemaskan dan memperkukuhkan mekanisme pengurusan keselamatan negara dalam menghadapi ancaman keselamatan negara yang semakin kompleks dan dinamik melalui perwujudan Majlis Keselamatan Negara secara formal melalui perundangan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa yang telah lama dilaksanakan bermula dengan Amerika Syarikat. Dalam bahasa Inggeris, *National Security Act,* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ini Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal di sempadan. Selepas Rantau Panjang itu Golok lah. Di Thailand ini, di Golok ini, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, keadaan keselamatan tidak terjamin. Kalau sesiapa yang biasa pergi ke Golok, Thailand, seberang sahaja sempadan, askar dengan senapangnya setiap setengah kilometer ada *roadblock.* Akan tetapi di negara kita, setakat hari ini tidak ada. Tidak ada askar setiap setengah kilometer yang memegang senjata dan semua kenderaan ditanya mahu ke mana, ada apa, tidak ada.

Kalau saya dari Kota Bharu hendak mari ke Kuala Lumpur, saya tidak tanya ada bom kah di Kuala Lumpur, tidak ada. Akan tetapi, tadi ada rakan kita Yang Berhormat bertanya di luar, dia kata, *"Saya minggu hadapan ini hendak pergi ke Thailand, selamatkah?"* Ini menunjukkan bahawasanya keselamatan itu kita utamakan- oleh kerajaan kita dan keselamatan ini tidak ada kompromi. Baik pembangkang, baik yang kita orang kerajaan, tidak ada pilihan, semuanya inginkan negara ini berada dalam keadaan selamat.

Kita tidak boleh politik dalam hal ini dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib pun tidak main politik. Sebagai kerajaan yang memerintah hari ini tentunya memikirkan keselamatan masa hadapan. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib *also* berfikir supaya biar negara ini selamat, merdeka, aman-damai. Jadi dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk memendekkan masa, tengok masa tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh secara ringkas lima perkara mengenai rang undang-undang ini.

**■1750**

Pertama, ramai yang masih tidak faham mengenai tujuan penggubalan rang undang-undang ini sama ada yang berada di Malaysia mahupun kumpulan tertentu di luar negara. Ketidakfahaman ini timbul apabila mereka tidak membaca keseluruhannya rang undang-undang tersebut dan terpengaruh dengan manipulasi oleh pihak pembangkang yang dengan sengaja memutarbelitkan fasal-fasal rang undang-undang tersebut. Rang undang-undang ini merupakan suatu akta...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah, Yang Berhormat. Dipersilakan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ini tidak terimalah bahawa pembangkang yang memanipulasikan soal rang undang-undang ini atau kelemahan rang undang-undang ini. Sebenarnya *civic society* dan persatuan-persatuan yang tidak dipengaruhi oleh pembangkang yang telah buat keputusan hendak terima atau hendak menolak. Kita harus ingat dalam satu sistem demokrasi, ada pemerintah dan ada pembangkang.

Kedua-dua pihak ada fungsinya dan tidak semestinya selalu kegiatan politik yang berlaku itu dipengaruhi oleh pembangkang. Sebenarnya soal menentang rang undang-undang ini berpunca daripada *civic action group* yang telah baca dan kebanyakan daripada ahli-ahli mereka terdiri daripada peguam-peguam yang berkaliber tinggi dan sedar tentang kelemahan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Terima kasih Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua. Dalam peguam *also* ada pembangkang dan ada yang pro kerajaan. Peguam yang pro pembangkang itu dia bangkanglah. Dia melihat dari segipersepsi yang tidak betul. Kalau yang menyokong kerajaan, dia melihat daripada segi perspektif yang betul. Jadi itu terpulang... *[Disampuk]* Itu terpulang. Persepsi. Dia kata ini betul, saya kata ini tidak betul tetapi hari ini menampakkan Kerajaan Barisan Nasional masih lagi mendapat sokongan padu rakyat. Maknanya yang kita ini adalah betul.

Rang undang-undang ini merupakan suatu akta yang mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara, pengisytiharan kawasan keselamatan, kuasa khas pasukan keselamatan di dalam kawasan keselamatan dan perkara lain yang berhubung dengannya. Jika dilihat daripada tujuan, ia adalah untuk mewujudkan semula MKN secara formal melalui perundangan dan tiada satu pun sebutan mewujudkan undang-undang pencegahan yang dibuat berlandaskan Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Rang undang-undang ini undang-undang yang biasa yang bertujuan untuk mewujudkan Majlis Keselamatan Negara daripada segi keahlian, fungsi dan kuasa, pewujudan Ketua Pengarah Keselamatan Negara yang akan melaksanakan tugasan harian MKN, perkongsian maklumat perisikan antara entiti kerajaan dan pasukan keselamatan dan akhir sekali mewujudkan mekanisme dalam menangani ancaman keselamatan negara.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang mendakwa rang undang-undang ini dibentangkan secara tergesa-gesa. Itu persepsi dia. Ini kerana benda ini sudah dibincang di Parlimen dan diluluskan. Ada masa. Kalau tergesa-gesa, maknanya tidak ada masa. Terus satu jam kah. Ini dibahaskan di Parlimen dan diluluskan oleh Parlimen. Jadi saya rasa faktor tidak ada masa itu memang tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah, Yang Berhormat.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Okey, Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Ini cuma hendak tahu pendapat Yang Berhormatlah. Kalau Yang Berhormat berpendapat perbahasan di Dewan Rakyat ini untuk satu tempoh yang munasabah, pada pandangan Yang Berhormat itu, apa satu tempoh yang munasabah daripada segi perbahasan kerana kita kena ambil maklum bahawa perbahasan ini dia cuma perbahasan empat jam lebih sahaja. Satu rang undang-undang yang penting macam ini, perbahasan hanya empat jam. Adakah empat jam itu munasabah kalau kita kira tujuh bahagian, lapan bahagian, implikasi. Ini belum masuk *community stage* dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Bagus dia itu. Soal masa ini terpulang. Kalau kerajaan sudah puas hati, dia tidak boleh ikut pembangkang. Pembangkang ini sebulan pun tidak puas hati lagi. Dia kena ikut kerajaan. Kerajaan rasa sudah berpuas hati dan mendapat sokongan padu Ahli Dewan Rakyat, cukup. Sudah cukup. Kalau ikut pembangkang, you bagi sebulan pun tidak cukup lagi hendak bahas. Kalau bagi setahun tidak cukup lagi.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Yang undi sokong hari itu hanya 103 sahaja. Tidak sampai 50 peratus pun. Terima kasih.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Dia tidak kira. Kalau main bola, 10-0 atau 1-0, sama sahaja. Kalah belaka. Jadi soal 103 atau berapa, janji kita sudah mendapat majoriti dan pembangkang kalah. Itu sahaja. Itu jelas. *No objection.*

Ketiga, persoalan tentang tiada takrifan keselamatan negara dalam rang undang-undang, setakat ini memang tidak ada takrif yang tepat mengenai takrif keselamatan negara sebab ancaman kerajaan dalam menangani sebarang ancaman keselamatan negara pada masa hadapan malahan tiada juga kes mahkamah yang memberikan takrifan atau definisi keselamatan negara dan menyerahkan kepada eksekutif untuk menentukannya.

Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) yang merupakan Mantan Panglima Angkatan Tentera boleh bantu menjelaskan takrif keselamatan negara dan ancaman-ancaman keselamatan negara pada masa kini.

Keempat, isu mengenai keahlian MKN yang sepatutnya meliputi wakil-wakil negeri. Jika kita lihat kepada fungsi dan kuasa MKN, ia kuasa Kerajaan Persekutuan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun di peringkat negeri, Perdana Menteri boleh melantik Pengerusi Majlis Keselamatan Negara, Mesyuarat MKN dalam suatu masa. Mungkin tidak membincangkan isu mengenai keselamatan negeri-negeri. Justeru, tiada peranan yang boleh dimainkan oleh wakil negeri dalam mesyuarat tersebut. Saya menggesa agar...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak lagikah, Yang Berhormat? Masih banyak lagikah?

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Tidak ada sudah. Ada satu lagi sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulunglah.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Kita gulung. Satu ayat. Separa lagi sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** MKN perlu mengundang wakil negeri untuk memberikan pandangan dalam mesyuarat tersebut. Dalam konteks antarabangsa, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan izin, *United Nations Security Council* juga mempunyai ahli yang tetap, mempunyai kuasa veto dan ahli yang dilantik dalam suatu tempoh.

Kelima, berhubung tentang pengisytiharan kawasan keselamatan. Kawasan keselamatan yang diisytiharkan ini bukanlah bertujuan untuk mengambil alih kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat berdasarkan kepada Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan. Pengisytiharan kawasan keselamatan itu hanyalah sekiranya perlu sahaja bagi membolehkan tindak balas segera yang bersepadu diambil oleh pasukan keselamatan dalam menangani sesuatu ancaman keselamatan.

Tindakan yang diambil oleh pasukan keselamatan adalah bagi melindungi rakyat di kawasan tersebut daripada ancaman keselamatan negara dan pada masa yang sama mengambil tindakan ke atas ancaman tersebut. Undang-undang yang berkuat kuasa masih boleh dilaksanakan di kawasan tersebut dan tidak timbul pelanggaran kebebasan asasi seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia merupakan mekanisme untuk mengawal dan mengurus ancaman supaya tidak menjadi lebih teruk sehingga mengakibatkan suatu keadaan darurat besar yang memerlukan pengisytiharan darurat yang merupakan kaedah penyelesaian yang terakhir. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran. Silakan, Yang Berhormat.

**5.59 ptg.**

**Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas berkenaan dengan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil apabila semua perkara hendak dipolitikkan termasuk hal ehwal keselamatan rakyat dan keselamatan negara. Terdapat beberapa tuduhan liar kononnya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini akan memberi kuasa diktator kepada Perdana Menteri untuk mengisytiharkan darurat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah peka terhadap situasi seluruh dunia kini menghadapi pelbagai ancaman dan risiko keselamatan.

**■1800**

Kita tidak perlu terlalu skeptis dengan membuat tuduhan mudah kononnya Rang Undang-undang MKN ini memberi kuasa politik yang lebih besar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini persepsi sahaja. Keselamatan negara tidak boleh dibeli atau dibayar dengan persepsi. Rang Undang-undang MKN ini juga dikutuk atas sebab darurat boleh diisytiharkan sewenang-wenangnya.

Akan tetapi Rang Undang-undang MKN hanya memberi penekanan kepada pengisytiharan kawasan keselamatan apabila sesuatu kawasan terancam daripada segi keselamatan.

Sebenarnya perbezaan definisi darurat dan kawasan keselamatan adalah umpama langit dan bumi. Apabila darurat diumumkan, bermaksud semua institusi politik tidak berfungsi. Manakala Yang di-Pertuan Agong boleh melaksanakan undang-undang tanpa merujuk kepada Parlimen. Dalam konteks ini sesiapa yang didapati berperanan mengucar-ngacirkan keamanan dan keselamatan negara perlu ditahan tanpa bicara. Ia terbatal apabila dimansuhkan. Manakala Rang Undang-undang MKN mempunyai had masa enam bulan sahaja dan perlu memaklumkan kepada Parlimen secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita melihat ke belakang, Majlis Keselamatan Negara ditubuhkan pada tahun 1971 kerana mengambil alih tugas MAGERAN. Punca kuasa MKN ketika itu dari *Emergency Ordinance*. Pada tahun 2011 ia telah dibatalkan menyebabkan MKN tiada punca kuasa undang-undang. Kewujudan MKN sebagai penyelaras agensi-agensi berkaitan keselamatan berjalan secara pentadbiran eksekutif di bawah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kini Rang Undang-undang MKN akan memberi kuasa kepada MKN untuk menyelaras tindakan operasi untuk agensi kerajaan melaksanakan tanggungjawab. Tujuan penyelarasan ini semata-mata untuk keselamatan negara sahaja. Tiada unsur politik atau kepartian pun. Kalaupun tidak ada Rang Undang-undang MKN klausa akta lain boleh digunakan seperti akta yang terdapat dalam POCA, PDRM dan sebagainya yang boleh dikuatkuasakan.

Ini bermakna Rang Undang-undang MKN akan memudahkan penyelarasan agensi keselamatan dengan lebih berkesan. Adalah tidak benar apabila dibangkitkan oleh sesetengah pihak yang mengaitkan kononnya Rang Undang-undang MKN memberi kuasa diktator kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Lebih telus lagi semua tindakan yang dilakukan di kawasan keselamatan akan dilaporkan terus kepada Parlimen. Ia hanya boleh dilaksanakan selama enam bulan sekiranya memerlukan lanjutan mesti berbalik kepada Parlimen.

Satu lagi perkara yang menarik ialah undang-undang awam masih berkuat kuasa di kawasan keselamatan yang telah diisytiharkan. Dengan itu juga maka Rang Undang-undang MKN sangat perlu di negara untuk mengurus amanat ekstremis, *terrorist* dan sebagainya. Adakah kita mahu lihat kejadian *terrorist* seperti di Perancis, ramai rakyat yang tidak berdosa terbunuh. Adakah baru kita hendak bertindak?

Kerajaan tidak boleh mengambil pendekatan tunggu dan lihat dalam isu keselamatan. Sebaliknya kerajaan perlu sentiasa berwaspada dan siap sedia mengurus keselamatan negara. Rang Undang-undang MKN merupakan satu usaha kerajaan untuk memantapkan keselamatan rakyat dan keselamatan negara kita. Ia tidak langsung berkait politik oleh mana-mana pihak.

Beberapa pihak di luar memberikan pandangan yang salah. Pengalaman sangat penting tetapi tidak semestinya bersesuaian dengan tafsiran terkini keadaan dunia yang pantas berubah. Kita mesti sedar isu-isu keselamatan semakin bertambah kompleks sekarang. Saya mengambil satu contoh mudah dahulu pasukan keselamatan boleh menghantar PDRM dan ATM ke Memali untuk menyelesaikan kes di sana dengan mudah. Namun hari ini pengganas di seluruh dunia di dalam komuniti masyarakat, mereka bergerak dalam siber, mereka mempunyai sumber kewangan yang besar malahan mereka mempunyai kepakaran persenjataan yang sangat *sophisticated*.

Jika di Memali dahulu mereka hanya menggunakan parang dan tombak sahaja tetapi kini pengganas yang tidak dikenali memiliki senjata moden yang sangat canggih. Seluruh dunia menghadapi isu keselamatan. Anda perhatikan negara maju seperti Perancis sendiri gagal mengesan mereka. Inikan pula Malaysia jika kita tidak berwaspada sudah pasti mereka juga boleh menghuru-harakan negara kita.

Saya ingin menjelaskan bahawa Rang Undang-undang MKN tidak akan menjadikan mana-mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang yang bertindak sebagai diktator. Ini adalah kerana di dalam kawasan keselamatan yang berkuasa ialah organ negara seperti PDRM, tentera dan mana-mana agensi penguat kuasa bukannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Rang Undang-undang MKN juga memperkenalkan sebuah agensi keselamatan yang dianggotai oleh kesemua bentuk pasukan keselamatan negara iaitu Polis Diraja Malaysia, Sukarelawan Simpanan Polis Diraja Malaysia dan Polis Bantuan, Angkatan Tentera Malaysia dan agensi penguatkuasaan Maritim Malaysia. Ini merupakan sebuah agensi unggul yang boleh menjamin keselamatan negara kerana semua teknik keselamatan masing-masing dapat dipraktikkan melalui MKN dalam mana-mana situasi yang menunjukkan peranan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah yang mengatakan bahawa berkenaan dengan Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan yang mana Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain telah membuat tafsiran bahawa untuk membuat proklamasi darurat ini tidak boleh dibuat melainkan untuk Persekutuan seluruh. Saya memang bersetuju dengan pendapat beliau kerana di bawah Perkara 150 ada dua situasi di mana Yang di-Pertuan Agong boleh membuat proklamasi iaitu pertama apabila Persekutuan diancam keselamatan. Kedua, mana-mana tempat. *So*, apabila kedua-dua ini, dengan izin, *present* Yang di-Pertuan Agong hanya boleh membuat proklamasi darurat untuk keseluruhan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta dengan ini jelaslah bahawa rang undang-undang akta ini memang tepat pada masanya. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita pun ada kelemahan. Seluruh undang-undang ini bersifat terlalu umum dan tidak jelas dalam kebanyakan tafsiran utamanya dan bidang kuasa yang amat luas diberikan kepada Majlis Keselamatan Negara untuk menentukan apa yang menjadi satu isu keselamatan.

Antara kebimbangan utama adalah klausa 18(1) Rang Undang-undang MKN dan ukuran rendah dan *arbitrary,* dengan izin, *low and arbitrary threshold* bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan keselamatan. Antara terma-terma yang digunakan termasuklah diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang berkemungkinan untuk menyebabkan bahaya yang serius kepada wilayah, ekonomi, infrastruktur utama negara Malaysia atau apa-apa kepentingan Malaysia yang lain dan kepentingan keselamatan negara. Pengisytiharan kawasan keselamatan membenarkan pihak berkuasa untuk menggunakan keganasan dan kekerasan maut dengan sewenang-wenangnya, menangkap tanpa waran, menggeledah dan menyita dan mengenakan perintah berkurung.

Saya meminta Menteri berkenaan untuk memberikan penjelasan supaya apa-apa juga yang dikatakan oleh orang luar itu dapat dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Ia juga memberikan kuasa kepada mereka untuk mengambil tanah, bangunan dan harta boleh alih serta memusnahkan mana-mana bangunan. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri bahawa adakah ini termasuk rumah-rumah berhala di kawasan-kawasan keselamatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, klausa-klausa di dalam Rang Undang-undang MKN juga boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya bebas dari hukuman kerana ianya membenarkan pengetepian *inquest* mana-mana anggota pasukan keselamatan dan orang-orang yang terbunuh di dalam kawasan keselamatan selagi Majistret berpuas hati bahawa orang itu terbunuh di dalam kawasan keselamatan akibat operasi yang dijalankan oleh pasukan klausa 35.

Akhir sekali, Fasal 38 menyatakan perlindungan Majlis Keselamatan Negara terhadap guaman dan prosiding undang-undang untuk memetik secara langsung tiada tindakan guaman pendakwaan atau apa-apa prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Majlis, mana-mana jawatankuasa, mana-mana anggota Majlis atau Jawatankuasa.

**■1810**

Pengarah operasi atau mana-mana anggota pasukan keselamatan atau kakitangan entiti kerajaan yang lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan kecuali atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat sedemikian. Tuan Yang di-Pertua, fasal-fasal yang telah disebut berbahaya kerana istilah seperti 'munasabah dan perlu' dan 'dengan suci hati' tidak ditakrifkan dalam apa-apa bentuk konkrit. Fasal 34 terutamanya akan merisikokan kehidupan setiap rakyat negara. Rakyat akan bergantung pada belas kasihan Majlis Keselamatan dan anggota pasukan keselamatan yang dipilih oleh Majlis.

Oleh sebab itu, Fasal 38 telah menyatakan Majlis Keselamatan tidak perlu menghadapi tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding mahkamah, tidak kira perbuatan Majlis ataupun jawatankuasa yang berkaitan. Ini terang-terangnya mengabaikan akauntabiliti. Keadaan ini yang tiadanya sekatan dan imbangan, membimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya memang kita perlu Akta Keselamatan ini kerana MKN pun sudah tak ada akta untuk menjalankan tugas. Pertemuan Yang Berhormat Lembah Pantai bersama Jacel Kiram baru-baru ini cukup memberi gambaran negatif terhadap isu keselamatan negara selepas insiden Tanduo yang meragut 10 nyawa perwira negara.

Ia juga menjadi penyebab mengapa Rang Undang-undang MKN 2015 perlu diluluskan dengan kadar segera dalam Parlimen dan diwartakan sebagai langkah pencegahan untuk sebarang aktiviti yang boleh mengancam ketenteraman awam. Pengurusan MKN ini disesuaikan mengikut acuan dan landskap politik Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi penjelasan supaya bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat di sini faham apa maksud-maksud yang tidak ditafsirkan tetapi rakyat jelata yang memang hendak sangat dengan Akta Keselamatan ini supaya keselamatan dan kemakmuran serta keamanan negara kita ini terjamin. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong RUU MKN. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, yang terakhir membahaskan rang undang-undang ini saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Hajah Mariany. Silakan, Yang Berhormat.

**6.13 ptg.**

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya kita mengetahui ancaman *terrorism* yang terancang dan berselindung kini semakin kompleks. Begitu juga dengan kepesatan dan kecanggihan media sosial kini menyebabkan isu dan provokasi ancaman menjadikan isu keselamatan negara yang tidak boleh dikompromi. Adalah amat bertepatan masanya untuk kerajaan membuat satu peruntukan perundangan baru bagi fungsi sebuah Majlis Keselamatan Negara, perisytiharan kawasan keselamatan, kuasa-kuasa khas pasukan keselamatan dan apa-apa perkara yang lain berhubung dengannya.

Saya cuma ada tiga perkara yang mungkin telah dibahaskan oleh rakan-rakan tetapi cuma ingin menegaskan lagi perkara tersebut. Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang seksyen 6 yang menyatakan bahawa kuorum Majlis 5 daripada 8 yang diperuntukkan di bawah seksyen 6, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Oleh itu saya memohon mencadangkan di sini mungkin jumlah ahli Majlis itu dinaikkan kepada 10 orang dan kuorumnya 7 orang agar persepsi masyarakat berhubung bakal-bakalnya ada penyalahgunaan kuasa Eksekutif. Seterusnya, saya bersetuju dengan rakan saya semalam, semoga kumpulan wanita juga diwakilkan, dimestikan kehadiran mereka di dalam Majlis ini. Wanita juga perlu terlibat dalam isu keselamatan kerana di dalam negara ini kita ada wanita dan juga lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini di bawah seksyen 16(1) memperuntukkan kewajipan dan kuasa Ketua Pengarah kepada Majlis. Saya memohon agar peruntukan di bawah 16(2)(g) iaitu untuk melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis. Ini juga patut dibaca dengan seksyen 30 rang undang-undang ini iaitu pengambilalihan sementara hartanah, bangunan, harta alih, termasuk pengambilan milikan tanah, bangunan dan harta alih mengikut apa-apa perundangan. Saya ingin mencadangkan di sini supaya ada syarat atau satu proviso yang berbunyi lebih kurang begini, *"...dengan syarat ataupun mengikut apa-apa perundangan statutori yang sedang berkuat kuasa di bawah Perlembagaan Malaysia dan undang-undang Malaysia. Ini termasuklah juga perundangan negeri kerana urusan hartanah hak negeri-negeri".*

Dengan memasukkan klausa tambahan ini, apa-apa arahan Majlis Keselamatan Negara tidak akan dipertikaikan lagi. Saya yakin rang undang-undang ini akan dapat membantu kerajaan dalam menjamin keselamatan negara. Dengan sedikit semakan, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat. Okey, sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**6.17 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sama seperti kawan-kawan yang lain ingin mengucapkan takziah kepada Tan Sri kerana pemergian adinda yang tercinta selama-lamanya. Saya juga ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu berdasarkan berita yang telah disiarkan, kita hendak ucapkan takziah kepada semua keluarga di mana anggota keluarga mereka telah terlibat dalam nahas jalan raya. Di mana seramai 13 orang rakyat Malaysia telah terkorban, 9 lagi cedera dan 4 orang cedera parah dan 5 lagi mengalami cedera ringan. Kementerian Luar Negeri telah membuka bilik gerakan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi telah memberi arahan kepada Menteri Pertahanan untuk menguruskan pengambilan mayat dan juga mereka yang terlibat balik ke negara ini.

Jadi, ini ialah benda yang kecil saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, betapa kerajaan prihatin. Daripada benda-benda yang kecil sampai benda-benda yang besar berhubung dengan keselamatan rakyat Malaysia. Saya juga selaku Menteri yang bertanggungjawab untuk membentangkan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2015 ini ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dengan cara yang lebih aktif dan teliti membahaskan rang undang-undang ini. Didapati Dewan Negara telah berpeluang untuk membahaskan rang undang-undang ini selama dua hari dan telah diberi peluang seluas-luasnya untuk semua Ahli Dewan membuat perbahasan dan saya mengikuti dengan penuh teliti dan rapi.

**■1820**

Rang undang-undang ini telah menghuraikan tujuan dan berbagai-bagai aspek. Bermakna rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk kebaikan, keselamatan dan juga kesejahteraan rakyat dan negara tercinta. Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak sekali-kali berniat dan bertujuan untuk menyusahkan rakyat atau dahagakan kuasa untuk memerintah negara ini. Setelah mendengar semua perbahasan, jelas bagi saya didapati ramai berpandangan bahawa rang undang-undang ini adalah baik dan bertujuan untuk menjaga ketenteraman dan keselamatan negara.

Walau bagaimanapun, saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab mengambil kira secara teliti di atas segala teguran dan kritikan yang membina yang dibangkitkan di Dewan ini. Sebagai contohnya ramai memberi pandangan, tafsiran dan juga perkara-perkara secara lebih ilmiah daripada segi undang-undang yang wajar diperbetulkan. Setelah mengambil kira keseluruhan perkara yang dibangkitkan, saya ingin menyatakan kesediaan kerajaan untuk mempertimbangkan dan memperhalusi semua cadangan yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Sekiranya didapati apa-apa kekurangan, maka kita akan perbaiki dalam rang undang-undang ini. Maka pihak kerajaan akan membuat yang terbaik untuk mengatasinya dengan mengemukakan penambahbaikan yang sewajarnya pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin mengulas satu persatu perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat telah membuat pelbagai cadangan dan ini jawapan kerajaan kenapa rang undang-undang ini diadakan.

Sebelum itu saya ingin membangkit kepada Ahli Yang Berhormat dengan memetik ayat Al-Quran yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail iaitu surah al-Hud ayat 113 yang berbunyi*, "Dan janganlah kamu cenderung kepada orang yang berlaku zalim maka kalau kamu berlaku demikian, api neraka akan membakar kamu, selain kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain dari Allah. Kemudian dengan sebab kecenderungan kamu itu kamu tidak akan mendapat pertolongan."*

Ayat ini memberi peringatan kepada kita supaya tidak menyokong orang zalim. Apa yang dimaksudkan di sini ialah bahawa tindakan pengganas yang telah menceroboh negara kita di Lahad Datu di Sabah pada tahun 2013 yang menyebabkan anggota-anggota keselamatan kita terbunuh serta insiden pembunuhan Bernard Then dengan cara yang sangat kejam baru-baru ini menunjukkan kepada kita bahawa soal keselamatan tidak wajar dikompromi oleh mana-mana pihak. Makna kata penceroboh ini zalim.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa serangan pengganas di Lahad Datu dan juga keluarga mendiang Bernard Then atas ujian yang menimpa mereka. Oleh yang demikian dalam usaha untuk membanteras bencana keselamatan negara demi negara yang tercinta, maka kerajaan akan membuat segala tindakan yang perlu untuk memelihara keselamatan negara.

Ini menunjukkan yang zalim bukan kita, yang zalim ialah orang yang menceroboh negara ini, yang zalim ialah mereka yang membunuh rakyat yang tidak berdosa, yang zalim ialah mereka yang masih berurusan *kidnap for ransom,* dengan izin, yang mana ia menjadi seolah-olah macam amalan hidup bagi mereka. Maka untuk memastikan supaya benda-benda begini dapat ditangani dengan baik, maka kita memperkenalkan antaranya ialah rang undang-undang pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik semula perhatian bahawa penggubalan rang undang-undang yang dicadangkan ini ialah:

(i) menubuhkan MKN secara formal melalui perundangan bagi mengukuhkan pengurusan keselamatan negara dalam mengurus ancaman keselamatan negara yang semakin kompleks dan dinamik;

(ii) meningkatkan penyelarasan dan perkongsian maklumat dan risikan antara entiti kerajaan dan pasukan keselamatan bagi mencegah ancaman keselamatan negara; dan

(iii) menyediakan mekanisme tindak balas segera secara bersepadu melibatkan pasukan keselamatan dalam kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya akan membincangkan isu ini satu demi satu dan sekiranya Yang Berhormat tidak berpuas hati, Yang Berhormat boleh bangun untuk bertanya soalan dan kita boleh membahaskannya. Akan tetapi untuk Yang Berhormat, sebahagian daripada Yang Berhormat mungkin tidak menyokong. Sebenarnya Yang Berhormat kena ingat sekarang ini masalah keselamatan ini bukan berada jauh, sudah berada di pintu rumah kita. Jangan kita berlaku zalim kepada orang-orang yang lain dengan tidak menyokong satu rang undang-undang untuk menjamin keselamatan kita.

Kita kena ingat bahawa mungkin kita terpengaruh dengan beberapa pihak di luar sana untuk menentang rang undang-undang ini. Akan tetapi saya kurang sangat mendengar daripada pihak yang sama untuk mengucap takziah kepada mereka yang telah mati terbunuh semasa di Lahad Datu. Tidak dengar pun berita daripada pihak yang sama untuk mengucap takziah kepada Bernard yang telah dipotong kepalanya. Tidak dengar, cuma yang dengar ialah undang-undang untuk memberi perlindungan kepada rakyat. Kita mempertikaikannya sehingga kita lupa bahawa jenayah dan juga lain-lain bencana yang berlaku dia tidak menunggu sehingga kita bersedia buat rang undang-undang, dia boleh datang pada bila-bila masa.

Ini sebab kita kena ingat bahawa penjenayah tidak tunggu rang undang-undang kita siap barulah mereka datang untuk menjenayah, tidak. Mereka akan datang kita tidak tahu. Saya setuju dengan kawan-kawan yang menyebutkan bahawa, "sediakan payung sebelum hujan." Demikian juga...

**Dato' Khairudin bin Samad:** Minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Boleh, tidak ada masalah.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri ini, mereka Yang Berhormat maksudkan ini kerana saya rasa mereka ini tidak mempunyai pengalaman. Kita tidak minta tetapi keluarga mereka ini tidak mempunyai pengalaman menjadi korban, oleh sebab itu mereka tidak pernah menyampaikan takziah kepada orang-orang yang ada pengalaman ini. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat dalam soal ini ada setengah-setengah pihak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Ada setengah-setengah pihak, dia sebenarnya macam sesumpah. Adakala dia waktu hijau, adakala jadi merah adakala jadi kelabu. Kalau ada kepentingan untuk dia, kalau ada keuntungan bagi pihak kumpulan-kumpulan tertentu, disokong. Kalau tidak ada kepentingan untuk dia, tidak ada untung untuk dia, dia tidak sokong. Bukan sahaja dia hendak ucap takziah ataupun merakamkan rasa sedih, malah dia kata peristiwa-peristiwa yang berlaku sandiwara daripada kita. Ini yang malang bagi negara kita. Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya jawab dahulu ya tetapi sebab Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail masuk, saya hendak kena ulas tentang zalim... *[Disampuk]* Tidak keluar kata dia, *very good-very good*. Saya hendak ulas perkataan zalim supaya kita faham betul-betul. Yang Berhormat datang ke Dewan ini saya percaya Yang Berhormat tidak ada masalah di luar sana, tidak ada mana-mana pihak menahan untuk Yang Berhormat tidak makan, tidak minum, tidak boleh menunaikan ibadat.

Tidak ada mana-mana pihak yang cuba atau pun pihak kerajaan terutamanya yang cuba menghalang daripada mana-mana rakyat Malaysia untuk menunaikan tanggungjawabnya. Malah bila kita bagi elaun kepada Ahli-ahli Yang Berhormat baru-baru ini, kita tidak memilih hanya kerajaan sahaja dapat, lepas itu pembangkang tidak dapat, semua dapat. Itu sebab apabila sesuatu perkara ataupun bencana berlaku, dia kadang-kadang orang menunggu benda ini berlaku kepada dirinya baru dia hendak menyokong.

Contohnya macam PEMADAM. Ini ialah persatuan untuk memerangi dadah. Akan tetapi kadang-kadang bila kita minta untuk mereka menyertai PEMADAM mereka kata, tidak apalah. Akan tetapi bila anak mereka terlibat dengan dadah dan diambil tindakan undang-undang cepat-cepat mereka menyertai PEMADAM. Jadi, ini sebagai contoh kita hendak tunjukkan bahawa kita hanya menyertai apa-apa tindakan, apa-apa gerakan sukarela itu apabila ia terjadi kepada diri kita. Ataupun mungkin ada persatuan gerakan untuk menentang jenayah dan sebagainya. Kita mungkin menyertai apabila kita terkena sendiri. Saya simpati dengan...

**■1830**

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak memperkukuhkan lagi tentang perkataan zalim ini. Saya terbaca dalam *Facebook,* satu *statement* yang dibuat oleh seorang ustaz. Dia kata *"Saya akan hanya menerima hakikat bahawa negara ini zalim sekiranya di jalan raya tidak ada lagi kereta".* Walhal pada hari ini penuh dengan kereta yang hebat-hebat. Kedua, dia kata *"Saya tidak akan terima sekiranya masa cuti tidak ada orang pergi bercuti".* Pada hari ini dia kata setiap kali cuti termasuk cuti sekolah tidak perlu pergi keluar negara ataupun dalam negara bahkan di *shopping complex* begitu penuh.

Saya tidak akan terima, dia kata tengok semasa bulan puasa, walaupun harga bufet sampai RM100 penuh hotel-hotel sampai tidak boleh kita buat *booking* dan dia kata, *"Saya tidak boleh terima bahawa kita ini zalim". Walhal* pada hari ini Malaysia merupakan yang tertinggi daripada segi tahap obesiti di rantau ini dan ada pelbagai lagi. Maksudnya kita ini, kita zalim kalau kita ini mati tidak makan. Sekarang ini kita mati terlebih makan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus tetapi Yang Berhormat ini saya panggil dia Senator Abbas dan juga Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

Ini keadaannya di Malaysia dan Yang Berhormat, apabila kita bercakap pasal rang undang-undang ini ia bukan untuk tujuan menjadikan seseorang itu diktator. Ia lebih kepada keselamatan negara. Saya akan ulas satu persatu sekejap lagi tetapi di sini saya belum masuk ulasan lagi. Ini saya hendak bagi secara permulaan, secara umum bahawa rang undang-undang ini berniat baik, bertujuan baik dan demi keselamatan rakyat Malaysia, tidak ada.

Kita hendaklah jangan berlaku zalim kepada diri kita dengan hanya orang suruh tidak menyokong, kita tidak menyokong. Kita kena ingat satu hari mungkin terjadi apa yang Yang Berhormat Senator Abbas sebutkan tadi bahawa satu hari terkena keluarga kita barulah kita terasa bahawa rang undang-undang ini memberi perlindungan.

Saya bersyukur kepada kawan saya dari Sabah tadi yang menyebut tentang keadaan di Lahad Datu, yang menyebut suasana di kawasan ESSZONE sekarang ini telah pulih sekurang-kurangnya tidak ada perasaan takut yang luar biasa, takut terjadi apa yang terjadi pada tahun 2013. Ini kehadiran ESSCOM untuk menguruskan ESSZONE sesuatu yang rakyat cukup berterima kasih sebab keselamatan negara ialah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mula membincangkan tentang isu. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat telah menimbulkan persoalan apakah yang dimaksudkan dengan mengambil milikan sementara dan berapa lama kah tempoh sementara yang dimaksudkan itu? Keduanya, perlu ada mekanisme yang adil dalam mentaksirkan pampasan. Ketiganya ialah nilai pampasan sebagaimana yang akan ditaksirkan di bawah fasal 32 hendaklah mengikut nilai semasa. Terima kasih.

Yang Berhormat, terma milikan sementara sebagaimana yang dinyatakan dalam fasal 30(1) rang undang-undang hendaklah ditafsirkan mengikut maksud biasa secara *harafiah*, normal literal *meaning* iaitu hak milikan sementara harta tersebut secara tidak kekal dan tidak hak milik terhadap harta yang diambil milikan sementara tersebut.

Ia akan lucut daripada pemilik asalnya. *It's a right to possession and not right to ownership,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kedua, tempoh masa pemilikan sementara adalah bergantung kepada pengarah operasi mengikut keperluan penggunaannya. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut sesuatu tempoh yang tidak melebihi tempoh pengisytiharan kawasan keselamatan yang dibuat di bawah fasal 18 rang undang-undang ini.

Berhubung dengan mekanisme untuk menentukan nilai pampasan yang memadai terhadap mengambil pemilikan sementara dan penggunaan sumber, ia akan diperuntukkan dalam peraturan-peraturan yang akan dibuat di bawah fasal 42. Dalam merangka peraturan-peraturan ini kelak, sudah pasti *proceed* berhubung hak harta sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 13(2), Perlembagaan Persekutuan supaya pampasan yang memadai diperuntukkan kepada penggunaan harta dan sumber tersebut akan diguna pakai dan diterapkan.

Dalam menghadapi ancaman yang serius terhadap keselamatan negara, pengarah operasi perlu bertindak dengan pantas demi menangani ancaman dalam sesuatu kawasan. Itu cara Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung supaya pemilik dirunding terlebih dahulu sebelum sesuatu pengambilan milikan sementara harta dibuat. Adalah tidak praktikal dalam situasi yang mendesak sebegini. Walau bagaimanapun mana-mana orang yang terkilan boleh membuat bantahan kepada jawatankuasa di bawah fasal 30(7) rang undang-undang ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan kepada Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh bahawa ahli jawatankuasa yang dilantik di bawah fasal 30(7) rang undang-undang ini adalah dilantik oleh Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan bukannya pengarah operasi dan mengambil milikan sementara itu. Oleh yang demikian isu *conflict of interest* tidak timbul.

Persoalan yang kedua kuasa pengarah operasi yang terlalu luas di bawah fasal 20(2) rang undang-undang dan cadangan untuk mengehadkan kuasa pengarah operasi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Datuk Dr. Sim Kui Hian, Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong. Apakah tindakan yang perlu diambil jika pengarah operasi melakukan salah laku kerana tiada peruntukan dalam rang undang-undang berkenaan perkara ini? Soalan ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh dan Yang Berhormat Tuan Koh Chin Han.

Pengarah operasi telah diberi kewajipan sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah fasal 21(1) rang undang-undang ini. Bagi menjalankan kewajipan ini, pengarah operasi diberikan kuasa di bawah fasal 21(2) rang undang-undang untuk membuat segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan kewajipannya di wilayah keselamatan tersebut. Walau bagaimanapun kuasa ini bukanlah suatu kuasa yang tidak terbatas. Ia hendaklah ditafsirkan mengikut ruang lingkup kewajipannya yang telah diperuntukkan di bawah fasal 21(1).

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Yang Berhormat Menteri, mohon sebab yang disebut tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *No problem*.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Perkara yang disebut tadi berkait dengan Fasal 37 yang dikatakan tidak ada *conflict of interest* kerana pengarah dilantik. Maknanya pengarah itu dilantik oleh jawatankuasa ini. Cuma yang dikatakan adalah tidak ada *conflict of interest.* Apa yang saya tekankan di sini masih ada *conflict of interest* disebabkan ia masih lagi berada di bawah badan eksekutif. Ia tidak berada di bawah badan lain iaitu biasanya badan kehakiman yang mendengar bantahan-bantahan ini. Saya kira masih ada *conflict of interest.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh baca di bawah fasal 36, dan fasal 37 juga fasal 30(7) dan juga seperti yang telah disebutkan 20(1). Yang Berhormat, masing-masing ada hak. Kalau tengok fasal 30(6) mana-mana orang yang terkilan boleh sebab pengambilan milik mana-mana tanah, bangunan atau harta alih di bawah seksyen ini, boleh dalam tempoh 14 hari selepas milikan diambil memberikan notis bantahannya terhadap pengambilan milikan itu kepada sebuah jawatankuasa penasihat yang dilantik di bawah subseksyen 7 Yang Berhormat.

Jadi, Yang Berhormat harus lihat bahawa seperti Yang Berhormat lain sebutkan tadi bahawa dalam keadaan tergesa-gesa begitu, ini gerakan keselamatan. Akan tetapi gerakan keselamatan itu sudah pastilah akan tiba masa aman jadi kita boleh berbuat pelbagai perkara.

**■1840**

Akan tetapi dalam hal ini kerajaan masih adil dengan memberi ruang apabila orang itu tidak puas hati dalam masa 14 hari. Di bawah fasal 36, dia boleh membuat bantahan terhadap apa yang telah berlaku kepadanya. Jadi walaupun dalam keadaan tergesa-gesa dan terdesak tetapi kita masih memberi ruang kepada orang yang tidak berpuas hati. Yang Berhormat saya akan sebutkan sekejap lagi tentang perbezaan di antara Perkara 150, Perlembagaan dan juga seksyen 18(1) rang undang-undang ini sebab saya tengok pelbagai tafsiran dibuat tentang perkara ini, tentang segala darurat. Besar manakah darurat yang hendak dikatakan darurat? Besar, kecil dan sebagainya, saya akan terang sekejap lagi.

Yang Berhormat, jadi ia hendaklah ditafsirkan mengikut ruang lingkup kewajipannya yang telah diperuntukkan di bawah fasal 21(1) sahaja, *within the ambit of the functions as provided under clause 21(1),* dengan izin. Kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam fasal 21(2) adalah kuasa yang amat perlu diperuntukkan kepada pengarah operasi demi membolehkan beliau mengawal ancaman yang dihadapi dalam kawasan keselamatan yang berkenaan.

Dalam melaksanakan kewajipannya, pengarah operasi adalah bertanggungjawab secara terus kepada Majlis. Ini adalah diperuntukkan di bawah fasal 20(2) rang undang-undang ini. Oleh yang demikian, segala tindakan pengarah operasi hendaklah tertakluk kepada arahan dan pemantauan Majlis Keselamatan Negara.

Oleh yang demikian, kenyataan bahawa kuasa pengarah operasi di bawah rang undang-undang ini terlalu luas kurang tepat dan mekanisme *check and balance* telah pun diperuntukkan sewajarnya dalam rang undang-undang ini di bawah fasal 21.

Berhubung dengan salah laku pengarah operasi adalah ditekankan dengan secara- bahawa secara dasarnya pengarah operasi akan dilantik di kalangan pegawai awam. Sekiranya pengarah operasi yang dilantik itu adalah daripada kalangan pegawai awam, maka apa jua salah laku yang dilakukan oleh pengarah operasi akan dikawal selia di bawah peraturan-peraturan yang terpakai ke atas penjawat awam, termasuklah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau peraturan-peraturan di bawah Akta Angkatan Tentera 1972.

Sekiranya pengarah operasi dilantik daripada kalangan bukan pegawai awam, maka dalam terma-terma pelantikan pengarah operasi akan dinyatakan bahawa sebarang salah laku yang dibuat oleh pengarah operasi akan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sama. Perkara ini tidak perlu dinyatakan dalam rang undang-undang ini kerana peraturan-peraturan tersebut memang sedia ada akan mengawal selia tingkah laku penjawat awam dan kontrak bagi maksud pelantikan juga boleh digunakan untuk mengambil tindakan terhadap salah laku pengarah operasi.

Selain itu juga pengarah operasi adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Jika didapati melakukan apa-apa perbuatan jenayah, seorang pengarah operasi boleh diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa berkaitan dengan kesalahan jenayah.

Yang Berhormat, daripada segi logik saya ingat sesiapa pun pengarah operasi, dia akan membuat yang terbaik dalam kehidupannya supaya dia sentiasa memberi perkhidmatan yang cemerlang. Tidak ramai, saya ingat tidak mungkin kita melantik seorang yang *sadist*, dengan izin, untuk menjadi pengarah operasi sehingga fikiran kita hanya melihat benda yang buruk sahaja. Kita kena tengok benda yang baik dan kita lihat apa yang berlaku di ESSZONE, kawasan ESSCOM sekarang.

Kalau Yang Berhormat ada masa pergilah melawat di sana dan melihat sendiri bagaimana kita aturkan tugas anggota keselamatan sehingga sampai ke tahap yang boleh kita mengawal ataupun menghadapi apa-apa pencerobohan di masa akan datang.

Ketiga ialah isu keperluan persetujuan mandatori oleh Ketua Menteri Sarawak sekiranya kawasan keselamatan hendak diisytiharkan di mana-mana kawasan di Sarawak. Ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim. Hal perkara berhubung dengan pertahanan Persekutuan dan keselamatan dalam negeri ialah merupakan perkara yang berada di bawah bidang kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan. Perkara ini adalah jelas diperuntukkan di bawah Perkara 80(1), Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersekali dengan Butiran 2 dan 3, Senarai Pertama, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, keperluan persetujuan mandatori oleh mana-mana kerajaan negeri melalui Menteri Besar atau Ketua Menteri dalam hal perkara yang berada di bidang kuasa Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya tidak berbangkit.

Keempat ialah persoalan yang telah ataupun isu yang telah dibangkitkan oleh ketiadaan wakil dari Sabah dan Sarawak dalam keahlian tetap Majlis di bawah Fasal 6 adalah amat mendukacitakan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim, Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Datuk Dayang Madinah.

Kemudian yang keduanya ialah keanggotaan mana-mana jawatankuasa di bawah fasal 12 hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya seorang wakil dari negeri Sarawak. Keanggotaan Majlis di Fasal 6 tidak memadai kerana tidak mencerminkan komposisi etnik, budaya, perpaduan nasional dan juga kepentingan ekonomi seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Koh Chin Han. Yang Berhormat juga mencadangkan iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Bin Mat dan juga Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng mencadangkan agar Menteri yang berkaitan dengan agama dan Menteri berkaitan perpaduan dan integrasi nasional dimasukkan sebagai salah seorang anggota Majlis.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam sebelum ini, hal perkara berhubung dengan keselamatan adalah merupakan bidang kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan.

Keanggotaan Majlis sebagaimana yang dinyatakan dalam fasal 6 Rang Undang-undang MKN adalah diperuntukkan kepada individu-individu ataupun kepada mereka yang mempunyai pengetahuan khusus dan maklumat sewajarnya berhubung dengan keselamatan negara termasuklah keselamatan di negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak.

Sungguhpun begitu, fasal 10 rang undang-undang memperuntukkan bahawa Majlis boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk menghadiri mesyuaratnya bagi menasihati Majlis mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan. Sekiranya satu hal perkara yang dibincangkan di dalam Majlis melibatkan negeri-negeri, maka wakil-wakil negeri yang berkaitan boleh dijemput untuk menghadiri mesyuarat Majlis.

Oleh yang demikian, cadangan untuk memasukkan Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam serta Menteri yang bertanggungjawab berhubung perpaduan dan integrasi nasional sebagai anggota tetap Majlis tersebut boleh dijemput untuk menasihati Majlis dengan hal-hal yang berkaitan pada bila-bila masa sebagaimana yang dibenarkan di bawah fasal 10 rang undang-undang ini.

Begitu juga cadangan untuk pindaan memasukkan wakil dari negeri Sabah, Sarawak atau wakil mana-mana negeri yang lain serta wakil semua etnik di Malaysia sebagai anggota tetap di bawah fasal 6 rang undang-undang ini adalah tidak berbangkit. Keanggotaan Majlis yang terlalu ramai dilihat sebagai kurang ideal dan sesuai terutamanya apabila fungsi utama Majlis adalah berkisar hal-hal keselamatan negara yang merupakan satu perkara yang amat terperingkat, *confidential,* dengan izin. Mesyuarat juga akan diadakan dengan kerap dan keahlian yang ramai akan menjejaskan kehadiran, kelancaran mesyuarat Majlis.

Sementelahan itu fasal 12 rang undang-undang memperuntukkan bahawa Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau sesuai atau bermanfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

Untuk tujuan ini Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa tersebut dan juga boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi jawatankuasa yang ditimbulkan itu. Ahli jawatankuasanya akan dipilih di kalangan mereka yang sesuai dan berpengetahuan berhubung dengan perkara subjek ataupun *subject matter,* dengan izin. Tujuan jawatankuasa tersebut dan juga dan tujuan jawatankuasa tersebut ditubuhkan.

Oleh yang demikian cadangan supaya keanggotaan jawatankuasa hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya seorang wakil dari Sarawak adalah tidak berbangkit kerana keanggotaan jawatankuasa adalah bergantung kepada kepakaran dan pengetahuan seseorang itu dan bukanya faktor kenegerian.

Isu yang kelima, perkataan “kerajaan”, di fasal 14 rang undang-undang berhubung dengan mengadakan...

**Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Minta mencelah sikit.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** ...Dana Majlis hendaklah dipinda kepada perkataan Parlimen seperti yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim dan juga Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Ya?

**Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau ahli Majlis yang terdiri daripada yang disebut dalam rang undang-undang ini dan Yang Berhormat Menteri kata tadi boleh dijemput yang lainnya termasuk cadangan Menteri agama tadi.

**■1850**

Kadang-kadang takrifan *by invitation* ini tadi dengan menjadi Ahli Majlis mungkin berbeza, dengan izin, *if I like you I’ll invite you, if I don’t like you, thank you very much.* Jadi Yang Berhormat Dato’ katalah dalam situasi di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga Menteri Dalam Negeri, Timbalan Perdana Menteri juga Menteri Komunikasi makna kata empat jawatan dalam menteri itu dipegang oleh dua orang sahaja. Adakah tiga orang atau empat orang sahaja yang membuat keputusan untuk keselamatan sesuatu negeri ataupun negara? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kalau Yang Berhormat tengok Menteri yang sedang bercakap ini pun tidak termasuk dalam senarai Ahli Majlis. Akan tetapi sudah pasti kalau berdasarkan apa-apa keperluan saya akan dijemput dari semasa ke semasa, sebab saya menteri yang menjaga APMM. APMM tidak masuk dalam Majlis. APMM cuma ditakrifkan sebagai anggota keselamatan tetapi bukan Ahli Majlis. Yang Berhormat, Ahli Majlis Keselamatan Negara ini biar berada di tahap yang berkenaan dan kalau sekiranya ada keperluan mana-mana pihak akan dijemput dari semasa ke semasa sebab apa kita kena ingat Majlis ini kadang-kadang bermesyuarat agak kerap untuk membicarakan masalah keselamatan dalam negara.

Berhubung tentang jawatan Menteri Dalam Negeri, Timbalan Pengerusi, Pengerusi dan sebagainya biar Majlis yang akan menentukannya nanti. Jadi buat masa sekarang ini itulah keanggotaannya kalau yang telah dipersetujukan dalam rang undang-undang ini.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta sedikit penjelasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan *yes.*

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Satu perkara yang menarik ialah saya ingin penjelasan apakah sebabnya Menteri Luar Negeri tidak ada dalam Majlis ini. Ini kerana kalau kita sedang menghadapi pencerobohan dari luar sudah pastilah Menteri Luar Negeri itu ada peranan dan saya hairan kenapa dia tidak dibawa masuk ke dalam Majlis ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Seperti yang disebut Yang Berhormat, yang saya bawa kepada Yang Berhormat kan kalau kita kata Menteri Luar layak sebenarnya Menteri APMM ini lagi layak sebab apa, saya membuat penguatkuasaan daripada *shore line* sampai ke kawasan EEZ 200 kilometer. tetapi tidak dimasukkan dalam Majlis. Kemudian, kawasan perairan yang luas seluruh Malaysia ini adalah di bawah APMM yang menjalankan penguatkuasaan. Akan tetapi keperluan kalau ada keperluan akan dijemput demikian juga Menteri Luar kalau Menteri Luar- kalaulah mesyuarat tiba-tiba dua minggu sekali jadi dia akan menjejaskan kehadiran mana-mana pihak sebab keselamatan ini harus diberi tumpuan yang khusus terutamanya dalam keadaan sekarang.

Yang Berhormat sedia maklum bahawa ini perlukan kelancaran mesyuarat tetapi sudah pasti kalau sekiranya ada keperluan orang lain akan dijemput termasuk kalau hal-hal berhubung dengan agama tentulah menteri agama akan dijemput dan sebagainya. Jadi demikian juga Menteri Luar kalau sekiranya berlaku hal di kawasan yang tidak melibatkan Menteri Luar jadi Menteri Luar tidak ada keperluan untuk berada di situ. Akan tetapi tentera, polis, ialah memang berkeperluan mereka berada di situ dan wakil penjawat awam yang diwakili oleh KSN mesti berada di situ. Yang lain-lain ialah menteri-menteri yang bertanggungjawab mengenai keadaan tersebut jadi keanggotaan majlis ini didasarkan kepada secara umumnya mereka menyeluruh macam polis ia menyeluruh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cukup sudah jelas itu Yang Berhormat pergi *next point.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jadi tidak timbul isu untuk meminda perkataan kerajaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah fasal 14 kepada perkataan Parlimen. Ini adalah kerana peruntukan dana yang dimaksudkan dalam fasal 14 itu adalah sememangnya akan diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan melalui Rang Undang-undang Perbekalan sebagaimana yang disebut Perkara 100, Perlembagaan Persekutuan.

Rang Undang-undang Perbekalan mengadakan peruntukan bagi wang yang diperuntukkan bagi setiap kementerian dan agensi yang berkaitan. Dalam hal-hal sedemikian, Parlimen apabila meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan akan sememangnya membahaskan apa-apa peruntukan kewangan yang akan diberikan Majlis Keselamatan Negara.

Oleh yang demikian, walaupun tidak disebut secara nyata di bawah fasal 14 sudah pastinya peruntukan dana yang disebut dalam Fasal 14 ini adalah diluluskan oleh Parlimen. Persoalan yang keenam rang undang-undang ini adalah bertentangan dengan Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan kerana Perdana Menteri mengambil kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti yang telah ditimbulkan oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan, Yang Berhormat Datuk Yahya.

Keduanya ialah kesan pengasingan kawasan keselamatan di bawah perkara seksyen 18 adalah sama dengan kesan proklamasi darurat di bawah Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan.

Ketiga ialah tiada *legal safeguard* berhubung dengan kuasa mengisytiharkan kawasan keselamatan seperti yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Jaspal Singh. Fasal 18 rang undang-undang adalah tidak bercanggah dengan Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan sebaliknya berperanan untuk melengkapi Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan *not contradictory but complimentary in nature,* dengan izin. Perlu ditekankan sekali lagi bahawa kuasa untuk memproklamasikan darurat kekal di bawah Yang di-Pertuan Agong sebagaimana Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 18 hanya memberi kuasa kepada Perdana Menteri atas nasihat Majlis untuk mengisytiharkan satu "kawasan keselamatan", dan bukannya untuk memproklamasikan darurat. Perbandingan antara proklamasi darurat di bawah Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan dengan pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah fasal 18, Rang Undang-undang MKN adalah seperti berikut. *Threshold* takat ancaman, antara proklamasi darurat dan pengisytiharan kawasan keselamatan adalah berbeza.

Proklamasi darurat dikeluarkan dalam keadaan yang mana darurat besar. *Growth emergency,* dengan izin, sedang berlaku atau semakin hampir pernah berlaku. Sebaliknya pengisytiharan kawasan keselamatan dibuat apabila berlaku gangguan jam ancaman yang serius yang memerlukan tindak balas serta-merta demi kepentingan keselamatan negara.

Mekanisme di bawah fasal 18, Rang Undang-undang MKN adalah bertujuan untuk mengawal dan mengurus gangguan dan ancaman yang sedang dihadapi tersebut supaya ia tidak menjadi lebih teruk sehingga mengakibatkan sesuatu keadaan darurat besar yang memerlukan proklamasi darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam mengawal dan menguruskan sesuatu ancaman yang dihadapi, kerajaan mengambil pendekatan bahawa proklamasi darurat di bawah Perkara 150 kaedah penyelesaian yang terakhir- *the last resort,* dengan izin, memandangkan kesan proklamasi darurat yang amat besar termasuklah kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang dan kuasa eksekutif Kerajaan Pusat yang boleh meliputi bidang kuasa Dewan Undangan Negeri dan kerajaan negeri kecuali dalam hal agama Islam, adat istiadat dan hak anak negeri Sabah dan Sarawak.

Oleh yang demikian, mekanisme pengisytiharan kawasan keselamatan sebagaimana yang diputuskan di bawah Fasal 18 rang undang-undang ini adalah bertujuan sebagai tindak balas awal bagi mengawal dan menguruskan bahaya dan ancaman tersebut dengan berkesan.

Kedua ialah kuasa untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan. Kuasa untuk proklamasi darurat peruntukan Yang di-Pertuan Agong, sementara kuasa mengisytiharkan kawasan keselamatan peruntukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas nasihat Majlis. Perlu difahami bahawa di bawah prinsip *constitutional monarch* Raja Berperlembagaan yang dibaca bersama dengan Perkara 40, Perlembagaan Persekutuan dalam menjalankan fungsinya untuk memproklamasikan darurat.

Yang di-Pertuan Agong bukanlah bertindak secara bersendirian mengikut budi bicaranya sebaliknya hendaklah bertindak mengikut nasihat jemaah menteri atau menteri. Oleh yang demikian, kenyataan bahawa fasal 18 mengambil kuasa budi bicara Yang Dipertuan Agong untuk memproklamasikan darurat adalah tidak betul sama sekali.

Ketiga, tempoh pengisytiharan kuat kuasa. Tiada tempoh tertentu yang ditetapkan untuk proklamasi darurat di bawah Perkara 150 kerana ia hendaklah kekal mengikut berkuat kuasa sehingga pengisytiharan darurat dibatalkan atau dirungkai oleh Parlimen. Pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah fasal 18 rang undang-undang pula akan terhenti berkuat kuasa apabila habis tempoh enam bulan dan tarikh pengisytiharan itu mula berkuat kuasa atau apa-apa tempoh pembaharuan, pengisytiharan yang tidak melebihi enam bulan pada satu-satu masa.

■1900

Pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah fasal 18 perlu dibatalkan melalui tiga cara. Pertama, apabila tamat tempoh enam bulan atau apa-apa tempoh pengisytiharan fasal 18(2)(b), dibatalkan melalui satu resolusi yang dibuat oleh kedua-dua Majlis Parlimen fasal 18(6) atau dibatalkan oleh Perdana Menteri fasal 18(7).

Keempat, kesan pengisytiharan. Kesan proklamasi darurat di bawah Perkara 150 adalah lebih besar berbanding dengan kesan yang timbul berikutan pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah fasal 18 rang undang-undang. Perbandingan Yang Berhormat, secara ringkas kesan antara kedua-duanya seperti berikut.

Perkara 150, Yang di-Pertuan Agong boleh memasyhurkan apa-apa ordinan yang didapatinya perlu mengikut hal keadaan sekiranya kedua-dua Majlis Parlimen tidak bersidang, perkara 150(2B). Fasal 18, kuasa untuk membuat undang-undang kekal kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Kedua, bagi 150, Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang mengenai semua perkara kecuali dalam perkara yang menyentuh hal agama Islam, adat istiadat orang Melayu dan undang-undang atau adat negeri Sabah dan Sarawak, Perkara 150(5).

Kemudian, rang undang-undang 18, kuasa perundangan kekal kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing mengikut bilangan kuasa seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Di bawah 150, kuasa Eksekutif Persekutuan boleh menjadi meliputi perkara dalam kuasa perundangan sebuah negeri dan boleh memberikan arahan kepada kerajaan sesuatu negeri, Perkara 150(4). Rang undang-undang 18, kuasa eksekutif kekal dengan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri masing-masing mengikut bilangan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, kenyataan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan bahawa kesan pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah fasal 18 adalah sama dengan kesan proklamasi darurat di bawah Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan adalah tidak benar sama sekali. Ada soalan?

Berhubung dengan kenyataan bahawa tiadanya *legal safeguards* bagi sesuatu pengisytiharan kawasan keselamatan pula...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya ingin menegaskan bahawa kenyataan itu juga adalah tidak benar. Okey.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Merujuk kepada apa yang disebut tadi, berkait kesan-kesan daripada proklamasi darurat dan kesan kepada pengisytiharan di bawah seksyen 18(1). Jadi saya melihat kepada akta-akta- sebelum ini, kesan daripada proklamasi darurat, adanya Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) dan saya lihat terdapat beberapa seksyen ataupun beberapa peruntukan daripada Akta Darurat ini yang telah dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang MKN. Contohnya tadi pemilikan sementara *property*. Itu adalah sebahagian daripada Akta Darurat yang kalau Akta Darurat, mesti melalui *approval* daripada Yang di-Pertuan Agong.

Akan tetapi apabila dijadikan dan dilegislatifkan sebagai akta, ia menjadi kuasa Perdana Menteri. Jadi, mungkin tidak kesemua kesan daripada *proclamation emergency* itu menjadi kesan kepada MKN tetapi sebahagian daripada kesan-kesan *emergency* telah pun dijadikan sebahagian daripada rang undang-undang ini. Begitu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat, tadi saya telah sebut tentang keselamatan berskala kecil dengan keselamatan berskala besar. Sudah pasti, tentulah ada perkara-perkara yang berhubung kait di antara satu sama lain. Yang Berhormat, ini kalau sekiranya, ini sebagai contoh, kawasan keselamatan mesti diisytiharkan oleh Agong. Di sini berlaku Agong isytihar, di sini berlaku Agong isytihar, bila berlaku ancaman keselamatan universal Agong isytihar. Yang Berhormat, darurat ini benda yang menyeluruh, yang besar yang melibatkan semua kuasa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri boleh diambil oleh kuasa darurat tadi.

Akan tetapi bila kita isytihar keselamatan, ia adalah yang berskala kecil di mana Yang Berhormat boleh duduk di sini lagi...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ahli-ahli Parlimen dari kawasan ESSZONE juga masih lagi boleh berfungsi, Ahli Dewan Undangan Negeri boleh berfungsi, *local government* boleh berfungsi tetapi darurat tidak boleh. Ini dia perbezaan antara darurat dengan keselamatan. Keselamatan ini adalah khusus untuk menjaga keselamatan. Fungsi-fungsi Parlimen, Dewan Undangan Negeri tidak berubah. Maknanya Yang Berhormat boleh bercakap dalam Dewan ini pun kira kerana kalau kita unjurkan keselamatan katakanlah di Kelantan atau di mana Yang Berhormat berada, Yang Berhormat masih boleh datang ke Parlimen ini.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon sedikit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ini hendak menunjukkan bahawa keselamatan ialah berskala kecil dan...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah sedikit lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kita buat keselamatan ini untuk mengelakkan daripada darurat besar. Saya akan beri Yang Berhormat. *You don't worry so much*. Saya cukup adil dan liberal tetapi tidak jumud. Jadi, saya hendak beritahu bahawa kita jangan pergi tafsir mengikut kehendak kita. Ini ialah kerajaan sendiri memikirkan bahawa benda-benda yang kecil ini biar diuruskan di peringkat eksekutif, di peringkat Perdana Menteri. Kalau ia melibatkan benda yang besar, ia melibatkan Yang di-Pertuan Agong.

Akan tetapi yang di-Pertuan Agong pun Yang Berhormat kena ingat, dia bukan bertindak bersendiri. Dia bertindak di bawah Perkara 40, Perlembagaan Persekutuan iaitu setelah dinasihatkan oleh Perdana Menteri, berskala besar Yang Berhormat. Kalau yang kecil-kecil di sana Agong isytihar, di sini esok Agong isytihar, jadi orang panggil negara ini *"Darul Darurat"* sebab semua mesti- orang akan melihat bahawa negara ini sedang diancam darurat tetapi bila kita unjurkan kawasan keselamatan, hanya melibatkan kawasan tertentu dan tidak melibatkan kesan kepada pentadbiran yang lain. Jadi, cuma kita hendak pastikan supaya keselamatan terjamin.

Yang Berhormat, kita hendak *refresh* balik dengan izin, Yang Berhormat, bahawa hasil daripada disiplin yang diunjurkan oleh Presiden Park Chung-Hee, Korea yang dulunya rendah dari Malaysia ataupun yang lebih rendah taraf hidup dari Malaysia, tiba-tiba dia boleh maju ke hadapan kerana keselamatan negara itu terjamin dan orang mula masuk untuk melabur ke sana. Akan tetapi kalau sekiranya keselamatan tidak terjamin, siapakah lagi hendak datang? Akan tetapi kalau sekiranya orang yang menyokong supaya keselamatan tidak terjamin, Yang Berhormat, apakah itu adil ataupun tidak? Itulah zalim namanya di sini. Ya, silakan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Itu Yang Berhormat yang belakang itu.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Bolehkah saya…

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, agaknya Yang Berhormat hendak bangkitkan mengenai apa itu?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Hanya sedikit penjelasan sahaja daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Adakah kawasan keselamatan itu boleh merangkumi sebuah negeri?... *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan mentafsirkan berdasarkan kebimbangan. Yang Berhormat kena tafsirkan mengikut ini manusia-manusia yang sampai berlaku insiden di Bangkok pun, walaupun Perdana Menteri berada di tempat yang jauh, telefon hantar Charlie.

Yang Berhormat, ini Perdana Menteri yang cukup luar biasa, takkan buat kerja-kerja macam itu. Akan tetapi kalau Perdana Menteri cuba-cuba kita hendak beri satu kuasa untuk menyebabkan rakyatnya susah, keselamatan tidak dijamin, kami juga tidak menyokong. Kami menyokong kerana untuk menjaga keselamatan rakyat Malaysia.

Jadi Yang Berhormat, saya syorkan supaya pergilah kawasan ESSZONE dan melihat sendiri apa yang telah berlaku di sana dan melihat pandangan rakyat, bukan pandangan segelintir kecil manusia yang hantar *e-mail.* Mereka tidak pergi kawasan ESSZONE, mereka tidak pergi kawasan Lahad Datu, mereka tiada keluarga yang terlibat dengan insiden yang berlaku baru-baru ini.

Yang Berhormat Senator Khairiah, hendak tanya apa tadi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat. Teruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tidak mahu? Okey. Pertama, ini adalah kerana...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Yang Berhormat Menteri, mohon mencelah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya. Kalau Tuan Yang di-Pertua beri, saya tidak ada masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, saya tiada masalah.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Apa yang kita dibentangkan tadi tentang kesan-kesan darurat, sebahagian daripada kesan darurat turut diadakan dalam rang undang-undang ini. Cumanya, tidak bolehkah bagi tujuan *check and balance*, perkara yang seumpamanya ini yang sebegini penting turut melibatkan juga kuasa Yang di-Pertuan Agong, tidak semata-mata dipusatkan kepada badan eksekutif? Ini kerana di mana-mana pun dalam akta ini tidak ada satu pun sebutan tentang kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk tujuan *check and balance.*

**■1910**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, kerana kita buat Perlembagaan ini bukan kerana Perkara 149 ataupun 150. Undang-undang ini dibuat berdasarkan Perkara 74(1), Perlembagaan Malaysia. *You* sudah tengok. Kalau kita berdasarkan 74(1), bagaimana kita hendak rujuk perkataan "Agong". Akan tetapi kalau kita rujuk bawah 150, kita kena libatkan Agong. Jadi, bagaimana kita hendak libatkan Agong begitu sahaja sebab kita buat Perlembagaan pada hari dan kita duduk sampai ke lewat malam hari ini adalah berdasarkan 74(1), Perlembagaan Malaysia.

Jadi, kalau saya bawa di bawah 150, mesti saya akan sebut Agong sepanjang masa. Akan tetapi oleh sebab tidak terlibat dengan Agong, hanya 74(1), jadi tidak perlu kita menyebutkan perkataan tersebut. Ini kerana mekanisme *check and balance* telah pun diperuntukkan sewajarnya di bawah fasal 18(6) RUU kerana pengisytiharan kawasan keselamatan hendaklah dibentangkan di Parlimen dengan seberapa segera. Seterusnya, boleh dibatalkan jika resolusi diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen untuk membatalkan pengisytiharan tersebut.

Cara bercakap pada hari ini Yang Berhormat, sudah pasti usul ini akan dibincang di Parlimen sekiranya berlaku mana-mana kawasan kita isytiharkan sebagai kawasan keselamatan. Seberapa segera bermaksud, *the earliest opportunity* iaitu sekiranya Parlimen tidak bersidang pada ketika itu sama ada dibentangkan di sidang Parlimen yang paling hampir, *the next Parliament session,* dengan izin, ataupun apa-apa sidang khas Parlimen yang boleh dipohon melalui satu usul. Oleh itu kenyataan bahawa seberapa segera boleh bermaksud 20 tahun adalah tidak berasas sama sekali.

Berhubung dengan persoalan sama ada suatu pengisytiharan dibentangkan di Parlimen*, laid before Parliament,* dengan izin, ini boleh dibahaskan atau tidak sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Chandra Mohan. Perlu diterangkan di sini bahawa apabila suatu pengisytiharan ini dibentangkan di Parlimen, maka Ahli Dewan boleh membuat usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat dan Peraturan Mesyuarat 26(3), Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara untuk membahaskan sama ada untuk membatalkan pengisytiharan tersebut ataupun tidak.

Jika tiada usul dibuat, maka pengisytiharan itu terus berkuat kuasa untuk tempoh yang ditetapkan. Jika terdapat usul untuk dibahaskan, maka ia akan dibahaskan dan bolehlah diputuskan melalui resolusi sama ada untuk membatalkan pengisytiharan tersebut ataupun tidak. Oleh yang demikian, cadangan Yang Berhormat Senator Dato’ Jaspal Singh pada satu tempoh khusus yang ditetapkan.

Contohnya, dua minggu diperuntukkan di bawah di dalam RUU ini bagi suatu pengisytiharan itu dibentangkan di Majlis Parlimen adalah tidak berbangkit. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan seperti ini bukanlah suatu peruntukan yang asing atau tidak pernah diperuntukkan. Peruntukan bahawa suatu perkara itu hendaklah dibentangkan di Parlimen ada juga diperuntukkan dalam beberapa rang undang-undang lain.

Contohnya, sikit sahaja. Seksyen 4, Akta Fi 1951 yang menyatakan bahawa setiap perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 3, Akta Fi hendaklah dibentangkan secepat mungkin di Dewan Rakyat. Keduanya, seksyen 127(4), Akta Cukai Pendapatan 1957 yang menyatakan bahawa *order made under subsection (3), shall be laid before* Dewan Rakyat. Ya.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato’ Seri. Sekali gus ya berkenaan dengan Fasal 18, sekali gus saya akan *raise* tiga isu. Satu, berkenaan dengan 18(1), *no problem* fasal ada nasihat dari Majlis Keselamatan. Apa yang saya bangkitkan hari itu ialah 18(4), untuk *extension* itu. Kalau kita tengok perkataan di 18(4) ini, suatu pengisytiharan yang berkuat kuasa boleh diperbaharui oleh Perdana Menteri. Tidak payah pergi ke Majlis. Ini yang hari itu maksud saya macam kuasa mutlak.

Saya sebenarnya bila saya baca 18(4) ini, saya juga baca sekali dengan 18(7). Kalau kita tengok 18(7), ia juga memberi kuasa mutlak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga untuk membatalkan pengisytiharan yang dibuat melalui 18(1) kalau kita baca 18(7). *That means,* 18(1) yang masa dia mengisytiharkan ikut nasihat Majlis, masa dia hendak batalkan itu dia tidak payah pergi ke Majlis. Itu kefahaman saya kalau saya ikut 18(7). Balik kepada 18(6). Ini cadangan saya. Kalau boleh kita gantikan perkataan “dengan seberapa segera yang boleh”, dengan perkataan, *“at the next earliest sitting”*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan dengan panjang lebar tentang perkara ini, jadi saya ingat di akhirnya kita akan berbalik-balik kepada perkara yang sama. Jadi, itu sebab saya sebut di peringkat awal tadi…

**Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** …Semua cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat…

**Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, bagi saya sebut bagi *‘perabih’* ini. Ya, ya silakan, silakan.

**Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memerhatikan *argument* di antara Yang Berhormat Menteri dengan sahabat saya di sebelah sini. Pada pandangan saya macam inilah, *this is a matter of interpretation,* dengan izin. Kalau sekiranya persepsi kita macam itu, minda kita macam itu, kita akan tetap mempertahankan pandangan kita. Saya masih ingat kes liwat, saya *interview* seorang makcik di Pulau Pinang. Makcik itu kata saya tidak kisah dia liwat depan ke liwat belakang, makcik tetap kata makcik tidak setuju.

Jadi, juga dalam…

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Ini Yang Berhormat, hendak jelaskan satu…

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Biar saya cakap dulu, biar saya cakap dulu.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Ini bukan isu persepsi, ini isu tafsiran.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Itu saya kata *interpretation*. Dalam bahasa orang putih *interpretation* dalam bahasa Melayu tafsiran.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Bukan persepsi.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya kata *interpretation, interpretation.* Sebab kalau kita lihat antara pihak kehakiman dengan pihak Majlis Peguam, kita dapat perhatikan *argument*nya berbeza. Bahkan, dikatakan antara Kanun Keseksaan 377(C) *versus* Kanun Keseksaan 377(B). *So,* ini perbezaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Jadi, saya katakan kita harus berhentilah, biarkan…

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, biarkan Yang Berhormat Menteri terus menjawab.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Biarkan Yang Berhormat Menteri terus menjawab. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Sebenarnya, oleh sebab saya menjawab ini mengikut isu, jadi Yang Berhormat akan sampai masa nanti Yang Berhormat, saya akan jawab, termasuk kuasa Perdana Menteri untuk di bawah 18(4). Jadi, benda ini akan diulas. Sebab semua isu ini telah pun dicatat dengan terperinci oleh pegawai-pegawai kita. Okey, yang ketujuhnya, perlindungan daripada prosedur undang-undang yang diperuntukkan di bawah Fasal 38 akan menyebabkan ahli Majlis terlepas daripada sebarang prosiding undang-undang. Ini juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan dan juga Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

Fasal 38 rang undang-undang memberi perlindungan kepada mana-mana Ahli Majlis, Jawatankuasa, Pengarah Operasi atau mana-mana anggota pasukan keselamatan atau kakitangan entiti kerajaan berkenaan, apa-apa yang dilakukan ataupun ditinggal olehnya dengan suci hati, *in good faith*. Sekiranya perbuatan atau apa-apa tindakan dilakukan atau ditinggalkan dengan niat jahat, maka perlindungan ini tidak akan terpakai.

Perlulah ditekankan bahawa seksyen 38 RUU ini adalah merupakan pembelaan yang boleh dipakai oleh mana-mana orang yang menjalankan tugas dalam jawatan rasminya, bukanlah suatu peruntukan yang menghalang secara *total* sebarang prosiding undang-undang untuk diambil tindakan kepada mereka. Terdapat banyak akta yang terkini yang lain yang turut memperuntukkan perkara yang sama. Contohnya, seksyen 62, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan seksyen 145, Akta Pengurusan Strata 2013.

Yang Berhormat, tengok akta ini memberi perlindungan yang sama kepada anggota yang menjalankan tugas. Penentuan sama ada suatu tindakan dilakukan atau ditinggalkan itu adalah suci hati ataupun tidak suatu persoalan fakta, *question of fact,* dengan izin, yang akan diputuskan oleh mahkamah. Isu yang kelapan, penjelasan terperinci apa maksud *national security* dan keperluan ia ditakrifkan dalam rang undang-undang ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan.

**■1920**

Kemudian yang keduanya perlu dapatkan pandangan pakar-pakar dalam mentakrif Malaysia *Security* seperti yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Rang undang-undang ini tidak memperuntukkan takrif yang khusus bagi terma keselamatan negara demi melengkapkan Majlis dengan segala kuasa yang sewajarnya untuk menggubal dasar, merangka langkah strategik dan tindakan bersepadu yang sewajarnya untuk menangani sebarang ancaman terhadap keselamatan negara dalam apa-apa jua bentuk sekali pun.

Antaranya perlu ditekankan bahawa ancaman keselamatan yang dihadapi oleh Malaysia ketika ini adalah amat berbeza dengan ancaman yang dihadapi negara 50 tahun sebelum ini. Kini negara bukan sahaja terdedah kepada ancaman daripada segi serangan ketenteraan yang konvensional malah perlu menghadapi serangan-serangan dalam pelbagai bentuk termasuklah senjata kimia, biologi, nuklear dan radiologi serta serangan kumpulan ekstremis yang dilengkapi dengan teknologi canggih dan terkini yang boleh berlaku pada bila-bila masa dan mengakibatkan kerosakan pada skala yang besar kepada negara dan kecederaan kepada rakyat sesuatu masa.

Walaupun tidak ada takrif khusus diperuntukkan terhadap terma keselamatan negara di bawah rang undang-undang ini, rujukan boleh dibuat terhadap elemen-elemen penting keselamatan negara sebagai yang diperuntukkan di bawah fasal 4(a) rang undang-undang yang mana termasuklah kedaulatan integriti wilayah, pertahanan kestabilan sosiopolitik, kestabilan ekonomi semua strategi perpaduan negara dan kepentingan lain yang berhubung dengan keselamatan negara.

Pertimbangan berhubung apa yang terjumlah di bawah maksud keselamatan negara dan tahap keseriusan ancaman keselamatan negara tersebut merupakan kuasa pihak eksekutif.

Inilah sebagai mana yang telah diputuskan oleh hakim dalam kes Mahkamah Rayuan *Chng Suan Tze against The Minister for Home Affairs & Ors* dan juga Mahkamah Persekutuan Abdul Ghani bin Ali Ahmad & *Ors against Public Prosecutor* yang menyatakan bahawa *the executive- of its responsibilities has to be the so judge or what the national security request.*

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Bin Mat, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Bin Mat kalau sekiranya ada saya tertinggal sebab saya masuk lewat tadi saya minta untuk bertanyakannya. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat tentang perlunya pihak-pihak yang mempunyai kepakaran berhubung dengan keselamatan negara untuk memberi takrifan yang sewajarnya terhadap apa-apa yang dimaksudkan dengan *national security.*

Saya ingin mengambil kesempatan untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dalam merangka rang undang-undang ini konsultasi dan *engagement* yang sewajarnya telah pun dilakukan dengan pihak-pihak yang pakar dalam hal ehwal keselamatan negara termasuklah pihak Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri serta lain-lain agensi yang berkaitan. Oleh yang demikian rujukan kepada pihak yang mempunyai kepakaran dalam perkara ini telah pun dilaksanakan sewajarnya dalam penggubalan rang undang-undang ini.

Isu yang kesembilan, kenapa perlu rang undang-undang apabila sudah ada SOSMA dan POTA. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan dan juga Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

Tujuan dan konsep Rang Undang-undang MKN adalah berbeza daripada Rang Undang-undang seperti SOSMA dan POTA. Rang Undang-undang MKN bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan MKN, pengisytiharan kawasan keselamatan, kuasa khas pasukan keselamatan di dalam kawasan keselamatan dan perkara lain yang berhubung dengannya.

Yang Berhormat, saya bagi penekanan lagi sekali lagi ya, iaitu pertama untuk penubuhan MKN, yang keduanya pengisytiharan kawasan keselamatan. Ketiga, kuasa khas pada pasukan keselamatan. Sekarang ini kuasa pasukan keselamatan di sana adalah berbeza-beza. Kita ada APMM, kita ada polis, kita ada tentera. Kuasanya berbeza-beza.

Sementara itu Akta Pencegahan Keganasan 2015 POTA dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 SOSMA mempunyai fungsi dan tujuan yang berbeza dari Rang Undang-undang MKN. Seperti berikut, Yang Berhormat Siti, Akta Pencegahan Keganasan 2015 POTA satu undang-undang yang mencegah perlakuan atau sokongan kepada perbuatan pengganas mana-mana organisasi kumpulan pengganas di luar negara.

Kedua, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 SOSMA pula suatu undang-undang prosedur dan siasatan yang memperuntukkan kuasa-kuasa khas bagi siasatan berkaitan kesalahan keselamatan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa sekiranya terdapat sebarang aktiviti keganasan, *terrorism* dilakukan dalam kawasan keselamatan yang terjumlah di bawah skop SOSMA dan POTA maka peruntukan sewajarnya di dalam SOSMA dan POTA adalah terpakai.

Walau bagaimanapun, Fasal 18 Rang Undang-undang MKN ini berperanan untuk mengisytiharkan kawasan yang terlibat sebagai kawasan keselamatan. Akibat daripada pengisytiharan tersebut, pasukan keselamatan boleh dikerahkan ke kawasan yang terlibat secara bersepadu bagi menangani ancaman yang dihadapi tersebut.

Oleh yang demikian, Rang Undang-undang MKN ini adalah bersifat *complementary* dengan undang-undang SOSMA dan POTA dalam menangani isu keganasan. Malah, bawah dalam kawasan keselamatan ini bukan sahaja SOSMA dan POTA tetapi mana-mana undang-undang sedia ada adalah terpakai dan tidak terjejas.

Isu yang kesepuluh yang dibawa ialah Fasal 18(1) rang undang-undang memperuntukkan bahawa PM hendaklah bertindak atas nasihat majlis tetapi di bawah fasal 18(4) PM boleh memperbaharui pengisytiharan tanpa nasihat majlis. Seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

Walaupun peruntukan fasal 18(4) tidak menyatakan bahawa PM boleh memperbaharui pengisytiharan kawasan keselamatan atas nasihat Majlis, ini tidak bermakna PM akan bertindak secara persendirian. Perlu diingat PM juga pengerusi MKN yang mempunyai semua maklumat yang diperlukan untuk menentukan sama ada tempoh pengisytiharan perlu diperbaharui ataupun tidak.

Secara praktikalnya, PM akan bertindak atas nasihat MKN dalam hal-hal yang melibatkan keselamatan negara. Jika tempoh lanjutan ini tidak dipersetujui, Parlimen boleh menggunakan kuasanya di bawah fasal 18(6) untuk membatalkan lanjutan pengisytiharan tersebut.

Isu ke-11, hak negeri akan terjejas jika rang undang-undang ini diluluskan kerana Kerajaan Persekutuan akan mengambil balik laut wilayah Sabah dan Sarawak di bawah rang undang-undang ini seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin. Fasal 18 memberi kuasa kepada PM atas nasihat Majlis untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan dalam mana-mana kawasan di Malaysia.

Oleh yang demikian, bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengambil alih laut wilayah Sabah dan Sarawak tidak seharusnya berbangkit kerana kawasan laut wilayah Sabah dan Sarawak juga termasuk dalam maksud mana-mana kawasan di Malaysia.

Isu ke-12 iaitu supaya Yang di-Pertuan Agong dirujuk sebelum sesuatu kawasan diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan yang disyorkan oleh Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas dan juga Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B). Tidak ada kehendak undang-undang memerlukan Majlis untuk merujuk kepada Yang di-Pertuan Agong apabila sesuatu kawasan diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan.

Walau bagaimanapun, ini tidak menghalang Majlis untuk memaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan perkara-perkara penting keselamatan negara dari semasa ke semasa. Malah, rang undang-undang ini dibawa ke Kabinet dan seperti mana biasa Kabinet akan- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menghadap Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa tiap-tiap minggu.

Isu ke-13, sama ada peruntukan berhubung dengan hukuman kesalahan di bawah fasal 42(3) rang undang-undang yang menggunakan peraturan-peraturan untuk menetapkan hukuman tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun. Bercanggah dengan seksyen 27, Akta Tafsiran 1948 dan 1967 yang memperuntukkan bahawa kesalahan di bawah perundangan subsidiari hendaklah didenda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak lebih enam bulan.

Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya yang menimbulkan perkara ini. Fasal 42 (3) rang undang-undang tidak bercanggah dengan seksyen 27, Akta Tafsiran 1948 dan 1967. Akta Tafsiran merupakan suatu undang-undang umum yang digunakan pakai sekiranya tidak ada peruntukan yang spesifik dalam rang undang-undang ini.

Ini adalah sebagai mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 2(2) Akta Tafsiran yang dengan jelas menyatakan bahawa Akta Tafsiran adalah tidak terpakai jika terdapat peruntukan yang spesifik dalam akta lain. Contohnya, sebagai mana yang diperuntukkan dalam Fasal 42(3) rang undang-undang ini.

**■1930**

Oleh yang demikian, memandangkan fasal 42(3) rang undang-undang ini telah secara spesifik menyatakan penalti yang boleh diperuntukkan bagi kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat, maka, seksyen 27, Akta Tafsiran adalah tidak terpakai kerana fasal 42(3) rang undang-undang ini adalah bersifat spesifik hendaklah mengatasi seksyen 27, Akta Tafsiran yang bersifat umum tersebut.

Isu yang ke-14. Apa kesan pengusiran kawasan keselamatan terhadap kanak-kanak dan orang kurang upaya, dan juga undang-undang yang sedia ada? Ini yang ditimbulkan oleh Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan. Apabila diisytihar sebuah kawasan itu sebagai "kawasan keselamatan" oleh Perdana Menteri atas nasihat Majlis, ini bermakna kawasan tersebut telah diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang, perkara, atau benda yang menyebabkan berkemungkinan untuk menyebabkan bahaya yang serius kepada orang ramai termasuk kanak-kanak dan OKU.

Dalam hal demikian, keselamatan negara keutamaan negara adalah untuk memastikan keselamatan semua rakyat terjamin. Oleh yang demikian, semua orang termasuklah kanak-kanak dan OKU hendaklah tertakluk kepada sebarang arahan Pengarah Operasi dan juga pasukan keselamatan dalam usaha mereka membendung ancaman tersebut sebagaimana yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini.

Berhubung dengan kesan pengisytiharan kawasan keselamatan terhadap undang-undang sedia ada. Ditekankan bahawa ia tidak akan menjejaskan undang-undang sedia yang akan terus di kuat kuasa dan diguna pakai.

Isu yang ke-15. Apa mekanisme untuk menangani ancaman keselamatan di dalam kawasan yang mana tiada kawasan yang tertentu seperti ancaman serangan siber seperti yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin.

Dalam menangani sesuatu ancaman yang tidak melibatkan kawasan yang tertentu, maka tiada pengisytiharan kawasan-kawasan keselamatan akan dibuat. Sekiranya ancaman keselamatan sedemikian, maka akan ditangani melalui arahan Majlis di bawah fasal 5b rang undang-undang ini. Sebagai contoh dalam hal serangan siber, mekanisme pengurusan ancaman adalah berdasarkan kepada Arahan MKN 24, berhubung dengan mekanisme pengurusan siber negara 2011. Arahan MKN sedia ada akan terus berkuat kuasa setakat ia selaras dengan rang undang-undang MKN atau tidak dibatalkan oleh Majlis sebagaimana yang diperuntukkan fasal 43(1) rang undang-undang ini.

Isu yang ke-16. Apa maksud keselamatan diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang perkara, atau benda sebagaimana diperuntukkan dalam fasal 18(1) rang undang-undang. Adakah benar banjir merupakan ancaman keselamatan?

Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat membahaskannya. Maksud keselamatan diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang perkara atau benda sebagaimana yang diperuntukkan oleh fasal 18(1) rang undang-undang ini seperti berikut.

"Orang" iaitu mana-mana orang atau sekumpulan orang termasuklah pertubuhan.

"Perkara" iaitu suatu yang tidak ketara, *intangible* seperti wabak dan juga serangan siber.

"Benda" sesuatu yang ketara *tangible* seperti binatang atau senjata biologi seperti *Anthrax,* dan sebagainya.

Perkataan yang serius sebagaimana yang diperuntukkan fasal 18(1) rang undang-undang ini hendaklah ditakrifkan mengikut maksud biasa- *literal meaning,* dengan izin. Tahap keseriusan terhadap sesuatu ancaman itu hendaklah ditentukan dan melibatkan pertimbangan maklumat dan perisikan sewajarnya oleh Majlis.

Sesuatu bencana seperti banjir yang berskala besar dan sehingga menjejaskan atau berkemungkinan akan menjejaskan keselamatan negara, boleh dikategorikan sebagai ancaman keselamatan. Sekiranya suatu bencana itu menjejaskan keselamatan negara, maka kawasan yang berkaitan akan diisytiharkan “kawasan keselamatan” di bawah rang undang-undang ini dan peruntukkan rang undang-undang ini akan terpakai sepenuhnya.

Perkara 17. Rang undang-undang MKN boleh menghadapi ancaman *asymmetrical*- Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Fasal 17 rang undang-undang ini, mengenakan kewajipan terhadap entiti kerajaan untuk melaporkan kepada Majlis melalui Ketua Pengarah Keselamatan Negara apa-apa maklumat atau risikkan yang menjejaskan atau berkemungkinan untuk menjejaskan keselamatan negara.

Oleh yang demikian, segala maklumat dan risikan berhubung dengan ancaman yang bersifat *asymmetrical* atau tidak konvensional ini dapat ditangani dengan lebih bersepadu dan berkesan di bawah rang undang-undang ini.

Dalam pada itu juga, Majlis mempunyai kuasa di bawah fasal 5 untuk mengawal dan menyelaras entiti kerajaan dan semua operasi berkenaan dengan keselamatan negara termasuklah ancaman bersifat *asymmetrical*.

Isu yang ke-18. Adakah rang undang-undang akan menjejaskan hak keselamatan keistimewaan Sabah dan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963- Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin. Bagi maksud penubuhan Malaysia, Suruhanjaya Cobolt dan Jawatankuasa Antara Kerajaan atau *Intergovernmental Committee* telah ditubuhkan untuk mengkaji dan merumuskan persetujuan-persetujuan pihak-pihak berkaitan serta mengemukakan syor-syor berhubung dengan *future constitutional arrangement and the form of the necessary safeguards for lost Borneo and Sarawak*.

Syor-syor dan laporan suruhanjaya dan jawatankuasa berkenaan setakat yang dipersetujui oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara iaitu Sabah, Sarawak dan *Singapore* telah terjemahkan dalam Perjanjian Malaysia yang kemudiannya peruntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan Akta Malaysia 1963, dan undang-undang yang berkaitan.

Antara peruntukkan yang dibuat dengan Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia, termasuklah peruntukkan khas bagi menjamin kepentingan Sabah dan Sarawak berhubung dengan perkara tanah. Peruntukkan mengenai kedudukan istimewa anak negeri di Sabah dan Sarawak dalam perkara berhubung kait dengan perizaban jawatan dalam Perkhidmatan Awam, biasiswa, dana siswa, keistimewaan pendidikan atau latihan, pemberian permit dan lesen perdagangan atau perniagaan, bilangan tempat dalam universiti, kolej dan institusi pendidikan dan sekatan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan kepada sebuah negeri untuk meminjam tidak terpakai pada Sabah dan Sarawak.

Tambahan daripada itu, semua peruntukkan Perlembagaan Persekutuan yang memberikan lebih autonomi dan kedudukan yang istimewa pada negeri Sabah dan Sarawak, tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya oleh Kerajaan Persekutuan tanpa persetujuan yang di-Pertua Negeri bagi negeri Sabah atau negeri Sarawak, jika pilihan itu ialah- yang akan menyentuh perjalanan kuat kuasa Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan perkara-perkara yang melibatkan antara lain, hak rakyat Sabah dan Sarawak untuk menjadi warganegara, keanggotaan dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, kuasa perundangan badan Perundangan Negeri Sabah dan Sarawak, agama dan lain-lain apa bahasa dalam negeri Sabah dan Sarawak serta kuota Ahli Dewan Rakyat yang diperuntukkan untuk negeri Sabah dan Sarawak

Dalam hal ini, Perjanjian Malaysia 1963, memperuntukkan Perkara 8, Perjanjian Malaysia seperti berikut, *“The government of the Federation of Malaya, West Borneo and Sarawak will take such a legislative, executive or other actions as may require to implement the assurances undertakings and recommendations contain in Chapter 3 of an Annex A and B(2). The report of The Intergovernmental Committee signed on the 27 February 1963. And so far, if there are not implemented by express provision of the Constitution of Malaysia*.

Berdasarkan kepada *Annex A, Report of The Intergovernmental Committee* tersebut, perkara berhubung dengan pertahanan dan keselamatan dalam negeri dinyatakan dalam senarai Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, Perkara 80(1), Perlembagaan Persekutuan kuasa eksekutif berkenaan dengan perkara berkenaan adalah dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam hal ini, bukan sahaja Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa berkenaan pertahanan dalam keselamatan dalam negeri yang merupakan suatu obligasi ke atas Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan kuasa tersebut.

Oleh yang demikian, bahawa rang undang-undang ini akan menjejaskan hak-hak istimewa Sabah dan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 adalah tidak benar sama sekali.

Isu yang ke-19. Apa maksud kekerasan yang munasabah dan perlu sebagaimana yang peruntukan di bawah Fasa 34, rang undang-undang ini. Seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah dan juga Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Kekerasan yang perlu dan munasabah di bawah Fasal 34 rang undang-undang bermaksud kekerasan yang boleh digunakan itu hendaklah berkadaran- *proportionate,* dan tidak boleh melampaui atau melebihi pertahankan diri yang oleh undang-undang.

Kedua, penggunaan apa-apa keganasan terhadap seseorang tidak boleh menyebabkan kematian atau kemudaratan badan yang teruk melainkan jika anggota keselamatan itu mempercayai tindakan sedemikian disifatkan untuk melindungi nyawa atau menghalang kecederaan serius pada dirinya dan orang-orang lain. Melindungi kawasan keselamatan daripada terhadap ancaman senjata.

**■1940**

Oleh yang demikian, penggunaan kekerasan yang boleh menyebabkan kematian atau kemudaratan badan hanya dibenarkan di bawah RUU ini sekiranya ia bertujuan untuk melindungi nyawa atau menghadapi ancaman bersenjata di dalam kawasan keselamatan yang telah diisytiharkan tersebut sahaja dan bukannya boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya. Justeru, kenyataan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail yang menyatakan kuasa pasukan keselamatan di bawah Fasal 34 RUU ini akan membolehkan mereka menggunakan kekerasan secara semberono adalah tidak berasas sama sekali.

Isu yang ke-20, adakah kuasa Yang di-Pertuan Agong terhadap ATM akan terhakis akibat RUU ini? ATM sewajarnya tidak terlibat dengan operasi selain daripada operasi ketenteraan perang dan mencadangkan supaya ATM dikeluarkan daripada RUU MKN, yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun dan juga Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah. Perkara 41 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi pemerintah tertinggi angkatan tentera. Peranan Yang di-Pertuan Agong selaku pemerintah tertinggi ATM adalah di bawah Perkara 41 Perlembagaan Persekutuan. Ia hendaklah dibaca dalam konteks sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan *Constitutional Monarch.*

Sementara itu, Perkara 137 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Angkatan Tentera yang hendaklah bertanggungjawab di bawah kuasa am Yang di-Pertuan Agong. Majlis Angkatan Tentera adalah satu badan penggubal dasar ATM yang berperanan dalam hal berkaitan pemerintahan tatatertib dan pentadbiran ATM semata-mata dan tidak melibatkan perkara berkaitan operasi ATM.

Semua perkara berkaitan operasi ATM adalah di bawah bidang kuasa rangkaian pemerintah ATM yang mana Panglima Angkatan Tentera merupakan pemimpin ATM yang bertanggungjawab untuk merancang atau gerak aset-aset atau formasi ATM berdasarkan arahan-arahan atau polisi Kerajaan Malaysia. Rang undang-undang ini hanya memberikan kuasa kepada pasukan keselamatan dan termasuklah ATM sekiranya dikerahkan ke kawasan keselamatan tersebut untuk membantu dalam menangani ancaman keselamatan yang serius dalam kawasan keselamatan tersebut dan bukannya memberikan kuasa kepada ATM dalam keadaan biasa.

Dalam pada itu, ATM tidak mempunyai kuasa melalui undang-undang untuk membuat tangkapan, sitaan, penggeledahan dan lain-lain kuasa penguatkuasaan yang diperlukan dalam menangani suatu ancaman keselamatan. Pada masa ini, ATM tidak mempunyai kuasa tersebut. Oleh yang demikian, undang-undang yang digubal ini untuk memberikan kuasa khas yang menyatakan di bawah Bahagian V RUU kepada pasukan keselamatan termasuk ATM untuk membolehkannya untuk turut serta memainkan peranan mereka dalam menangani ancaman keselamatan negara.

Isu yang ke-21, mana-mana anggota pasukan keselamatan atau mana-mana orang yang meninggal dunia dalam kawasan keselamatan tiada pembelaan kerana tiada inkues boleh dibuat atas kematian mereka - Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Yang ini sering dibincangkan secara terbuka oleh semua pihak termasuk mereka yang tidak arif tentang undang-undang. Secara amnya, sesuatu inkues boleh dibuat oleh Majistret bagi menyelidiki bila, di mana, bagaimana, dan apa caranya si mati itu menemui ajalnya dan sama ada mana-mana orang ada terlibat secara jenayah dalam sebab-sebab kematian itu. Ini adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 337, Kanun Tatacara Jenayah.

Fasal 35 tidak menghilangkan kuasa Majistret untuk mengarahkan sesuatu inkues dijalankan sebaliknya ia hanya memberikan kuasa budi bicara kepada Majistret atau Koroner untuk mengetepikan pengadaan siasatan kematian atau inkues ke atas mayat mana-mana orang jika dia berpuas hati bahawa orang itu telah terbunuh dalam kawasan keselamatan akibat operasi yang dijalankan oleh pasukan keselamatan. Peruntukan ini tidak menghalang Majistret atau Koroner untuk menjalankan siasatan kematian atau inkues, tidak menghalang Yang Berhormat Senator.

Peruntukan ini telah dimasukkan bagi membolehkan Majistret atau Koroner untuk tidak membuat inkues bagi kematian-kematian yang jelas puncanya dan tidak memerlukan penyiasatan lanjut ataupun *post mortem* bagi menentukan punca kematian. Walau bagaimanapun, sekiranya Majistret atau Koroner meragui sebab kematian mana-mana anggota keselamatan atau mana-mana orang dalam kawasan keselamatan itu, maka Majistret atau Koroner itu masih boleh menjalankan siasatan kematian dan inkues sewajarnya mengikut peruntukan sedia ada di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jika waris si mati masih tidak puas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Majistret atau Koroner, maka suatu semakan boleh dibuat di Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 341A Kanun Tatacara Jenayah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih panjang lagikah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya ingat tinggal senipis inilah... *[Menunjukkan teks ucapannya].* Saya berdasarkan- itu sebab saya keluar-keluarkan yang tebal itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, 15 minit. Boleh siap rasanya?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya. Kalau saya tidak siap, kalau Ahli Yang Berhormat Senator yang lain benarkan, sesetengahnya saya boleh menjawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri habiskanlah. Silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Itu puak ini bangkit *[Ketawa]*

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Ini fasal tertinggal satu. Berbalik kepada Fasal 35, kalau kita tengok 35A itu, saya sedar perkataan yang dipakai ialah "boleh" dan bukan *"shall".* Akan tetapi apa yang saya bangkitkan ialah satu, berkenaan dengan *supremacy of the law.* Kalau kita tengok keadaan konflik antara fasal 35 dengan *provision of the CPC.* Fasal 35 dibacakan sekali dengan fasal 38, fasal 39 dan fasal 40. *Protection of public servants. So,* soalan saya pada hari itu ialah, bilakah terdapat percanggahan? *Which law takes supremacy?* Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diperjelaskan dengan sewajarnya- Kuasa Majistret. Yang Berhormat Senator, kalau Majistret pun kita tidak percaya, kita hendak percayakan siapa saya tidak tahu lagilah.

Jadi, dalam dunia ini kita kena mempercayai seseorang. Kalau dia kata dia berpuas hati bahawa orang ini mati disebabkan dalam operasi yang berkenaan, maka dia tidak payah buat. Akan tetapi sekiranya dia tidak berpuas hati, dia boleh meminta supaya *post mortem* diadakan. Jadi, kita meletakkan kepada Majistret kepada orang yang kita percaya. Sebagaimana undang-undang mana yang lebih tinggi dibandingkan dengan perkara ini, Yang Berhormat Senator, ini terpulang kepada mahkamah kalau sekiranya berani dicabar sebab anggota keluarga boleh juga kalau tidak bersetuju untuk membawa perkara ini kepada pihak yang lebih atas.

Perkara 22, Yang Berhormat Senator, isu ke-22. Saya ada 13 minit lagi ya. Akta Angkatan Tentera 1972 akan diabaikan dengan adanya rang undang-undang ini dan tentera akan dipaksa terlibat walaupun ia bercanggah dengan Akta Angkatan Tentera 1972- Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

Sepatutnya Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar yang sebut perkara ini tetapi Yang Berhormat Senator nampaknya lebih tahu. Akta Angkatan Tentera 1972 merupakan satu undang-undang yang berkaitan dengan hal-hal penubuhan pentadbiran dan tatatertib Angkatan Tentera Malaysia. Akta ini tidak memperuntukkan hal-hal berkaitan dengan operasi ATM. Jika mana-mana anggota ATM ditugaskan di bawah RUU MKN dalam kawasan keselamatan, Akta Angkatan Tentera 1972 masih tetap terpakai dalam hal disiplin dan pentadbiran ATM tidak kira di mana mereka berada. Justeru, pemakaian Rang Undang-undang MKN ini tidak bercanggah dengan Akta Angkatan Tentera 1972.

Isu yang ke-23, Majlis selaku pihak berkuasa pusat perhubungan keselamatan negara di bawah fasal 5 adalah tidak terhad. Kuasa Majlis selaku pihak berkuasa pusat di bawah keselamatan negara di bawah fasal 5 adalah tidak terhad dan tidak terlalu luas- Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan juga Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah. Fungsi majlis adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam fasal 3(ii) sebagai pihak berkuasa pusat dan bagi kerajaan untuk mempertimbangkan perkara berkenaan dengan keselamatan negara. Ini adalah kerana keselamatan negara melibatkan banyak agensi lain. Contohnya Pertahanan, ATM, KDN, PDRM dan juga lain-lain.

Oleh yang demikian, adalah wajar MKN diberikan peranan sebagai pihak berkuasa pusat bagi kerajaan untuk mempertimbangkan perkara berkenaan dengan keselamatan negara dan menyusun dasar dan langkah strategik yang bersepadu dalam hal berhubung keselamatan negara. Perlu ditekankan bahawa fungsi Majlis hanyalah yang melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan negara sahaja, dan bukanlah tanpa had.

**■1950**

Kuasa-kuasa Majlis pula diperuntukkan di bawah fasal 5 rang undang-undang ini, kuasa ini adalah tertakluk kepada fungsinya. Kuasa ini kuasa-kuasa yang perlu bagi membolehkan MKN menjalankan fungsinya dengan sewajarnya.

Jika kuasa yang terhad diberikan kepada MKN, maka sukalah MKN melaksanakan fungsinya dengan berkesan. Kuasa yang ada ini tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya. Jika perkara ini berlaku, maka pelaksanaan kuasa itu boleh dicabar di mahkamah.

Isu yang ke-24, adakah bentuk pemikiran boleh dikawal di bawah Rang Undng-undang MKN ini. Contohnya pemikiran-pemikiran yang boleh membawa kepada kerosakan akidah, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, ustaz.

Perlu diperjelaskan di sini bahawa bukan semua perkara yang dikawal melalui undang-undang. Undang-undang hanyalah merupakan salah satu daripada pelbagai kaedah yang boleh digunakan bagi maksud mengawal selia sesuatu perkara. Secara amnya, terdapat banyak lagi kaedah yang boleh diguna pakai dalam mengawal dan membentuk pemikiran termasuklah pendidikan.

Perlulah ditekankan bahawa hal berhubung dengan akidah dan perintah agama Islam, *precepts of Islam*, dengan izin adalah merupakan bidang kuasa kerajaan negeri. Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 34(2) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersekali dengan Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, hal-hal berhubung dengan kawalan ataupun pemikiran akidah ditadbir dan dikawal melalui Enakmen Undang-undang Islam berkaitan negeri masing-masing. Justeru, rang undang-undang ini tidak boleh digunakan bagi maksud mengawal pemikiran yang boleh merosakkan akidah.

Yang Berhormat berpuas hati ya? Saya tidak pasti sebab saya tidak ada catatan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Dia hendak tanya tentang akidah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perlu kah lagi? Tak perlu sudah. Sudah jelas sudah itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kalau ada tentang itu, saya akan- sebab saya berjanji dengan Timbalan Yang di-Pertua tadi untuk habis pukul lapan. Mungkin Tuan Yang di-Pertua beri pukul 8.05.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak semestinya Yang Berhormat. Tak semestinya *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Usul ke-25, tatacara Majlis tidak diperincikan dalam rang undang-undang, fasal 11, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

Fasal 11 rang undang-undang ini adalah bagi membolehkan Majlis menentukan tatacara dalamnya iaitu berkenaan dengan tatacara mesyuarat. Perkara-perkara yang hendak dibincangkan dalam mesyuarat dan perkara-perkara berkaitan dengan pentadbiran Majlis.

Ini adalah merupakan suatu yang berbentuk *procedural* dan tidak perlu diperuntukkan dengan terperinci dalam rang undang-undang ini. Perlu ditegaskan bahawa fasal 11 ini bukanlah bertujuan untuk membolehkan Majlis memberi kuasa berhubung dengan penguatkuasaan. Perkara penguatkuasaan telah diperuntukkan secara khusus dalam Perkara 5 rang undang-undang ini.

Oleh yang demikian- Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf sebab keadaan ini menjadi berpinar-pinar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada apa-apa. Cukuplah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kenapa banyak sangat Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya ulang balik ya. Perlu ditegaskan bahawa Fasal 11 ini bukanlah bertujuan untuk membolehkan Majlis memberi kuasa berhubung dengan penguatkuasaan. Perkara berhubung dengan penguatkuasaan telah diperuntukkan secara khusus dalam Bahagian 5 rang undang-undang ini.

Isu yang ke-26, rang undang-undang ini memberikan- tiga muka surat kecil Tuan Yang di-Pertua. isu ke-26, rang undang-undang ini membenarkan MKN memaksa semua entiti kerajaan termasuklah kerajaan negeri untuk memberi maklumat kepadanya di bawah fasal 17. Ini mengatasi kuasa Eksekutif kerajaan negeri. Yang Berhormat yang sama, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail lagi sekali ya.

Perlu ditekankan bahawa fasal 17 rang undang-undang ini hanya mengenakan kewajipan kepada entiti kerajaan untuk melaporkan dengan serta-merta apa-apa maklumat risikan yang menjejaskan atau berkemungkinan untuk menjejaskan keselamatan negara.

Kuasa Eksekutif berhubung dengan pertahanan dan keselamatan dalam negeri yang merupakan cabang utama keselamatan negara adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan bukannya kerajaan negeri.

Oleh yang demikian, peruntukkan berhubung dengan kewajipan mana-mana entiti kerajaan untuk melaporkan dengan serta-merta apa-apa maklumat risikan yang menjejaskan atau berkemungkinan untuk menjejaskan keselamatan negara adalah selaras dengan kuasa Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Isu yang ke-27, rang undang-undang ini bercanggah dengan Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dia kecuali mengikut undang-undang. Yang Berhormat juga menimbulkan.

Saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator dengan memetik kata-kata yang Yang Mulia Raja Azlan Shah dalam kes Mahkamah Persekutuan *Public Prosecutor against Ooi Kee Saik and others*, di mana beliau telah menyatakan seperti berikut, "*As far as I am aware, no constitutional state has seriously attempt to translate the right into an absolute right. Restrictions are a necessary part of the right and in many countries of the world.*" Perlulah ditegaskan bahawa tiada hak asasi yang diberikan secara mutlak dalam mana-mana negara dalam dunia ini begitu juga di Malaysia.

Perkara 51(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh diambil nyawanya ataupun dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

Oleh yang demikian, rang undang-undang ini adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan kerana hak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 51, Perlembagaan Persekutuan adalah tidak mutlak dan tertakluk kepada undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen termasuklah rang undang-undang ini.

Kesimpulannya, rang undang-undang ini bukan sahaja melindungi keselamatan negara malah bertujuan menjaga dan melindungi keselamatan seluruh rakyat Malaysia dalam menghadapi sebarang ancaman keselamatan pada masa kini dan akan datang.

Saya juga hendak menyentuh tentang apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim. Saya akan jawab secara bertulis iaitu berhubung dengan maksud kawasan keselamatan yang tidak jelas. Saya akan jawab secara bertulis Yang Berhormat.

Keduanya, Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah yang memetik kata-kata daripada Eric Paulsen. Ini saya ingat saya sudah jawab dengan panjang lebar. Saya akan jawab secara bertulis Yang Berhormat. Saya telah tengok bahawa Eric ini, patutnya dia membaca dengan sepenuhnya. Rang undang-undang ini banyak yang tidak baca dengan sepenuhnya.

Kemudian Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim juga meminta fasal 17 rang undang-undang menjadikan entiti kerajaan terikat kepada Pengarah Operasi. Jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, apa perbezaan antara darurat besar di bawah Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan dengan diganggu atau diancam dengan secara serius di bawah fasal 18(1). Sudah terang dengan panjang serta lebar ya.

Kemudian Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, apa komposisi Jawatankuasa Penasihat untuk mendengar mana-mana orang yang terkilan akibat pengambilan milikan sementara di bawah fasal 36. Yang Berhormat, saya jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, apa status kesahihan semua arahan MKN yang dikeluarkan setelah darurat dimansuhkan. Ini saya telah jawab Yang Berhormat. Bahawa arahan MKN tidak terbatas selagi ia tidak bertentangan dengan rang undang-undang ini.

Kemudian Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee, telah menimbulkan tentang proklamasi darurat hanya untuk seluruh Persekutuan. Ini Yang Berhormat telah bercakap tentang perkara ini, dan saya ucapkan terima kasih.

Kemudian akhir sekali, saya juga ingin hendak *acknowledge* kerana saya tidak sebut Yang Berhormat kena ingatkan saya, iaitu- ini sebagai rekod Tuan Yang di-Pertua, akhirnya. Boleh saya sebut ya?

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Sebelum akhir, boleh mencelah sekejap, satu minit sahaja?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Okey.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Saya hendak *put it on record* lah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bahawa ada spekulasi bahawa Ahli-ahli Dewan Negara telah dipanggil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum kita membahaskan rang undang-undang ini. Spekulasi seumpama ini adalah tidak betul sama sekali.

Kami tidak pernah dipanggil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mendapat apa-apa arahan. Apa yang betul ialah kami dipanggil oleh MKN beberapa hari dahulu di mana kami telah diberi taklimat seperti taklimat-taklimat lain yang diberi oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan sebelum satu rang undang-undang dibawa ke sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara.

**■2000**

Kami hendak beritahu bagi pihak kawan-kawan kita di sini bahawa semua perbahasan ini, dari tiap-tiap Ahli Dewan Negara datang daripada hati kami sendiri untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya rasa kagum yang luar biasa kepada Ahli-ahli Dewan Negara kerana 37 orang telah terlibat untuk membahaskan rang undang-undang ini. Jadi untuk tujuan rekod Yang Berhormat ya supaya Dewan ini akan dikenang sepanjang hayat bahawa inilah orang-orang yang bersama-sama untuk membahaskan rang undang-undang ini. Jadi kalau yang menyokong, itulah yang terbaik. Ini kerana kita akan rekodkan ke hadapan. Kalau berlaku apa-apa ancaman keselamatan, rang undang-undang ini dipergunakan, maka orang akan berterima kasih kepada kita. Akan tetapi siapa yang tidak menyokong, faham-fahamlah. Oleh sebab ini benda yang baik. Kalau kita tidak sokong adalah tidak bagus.

Sebenarnya apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim tadi, saya juga menjemput pihak pembangkang tapi Yang Berhormat tidak sempat datang. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat tidak sempat datang kerana ada hal. Saya jemput semua ya. Itu untuk mendengar penerangan ringkas berhubung dengan rang undang-undang ini.

Saya ingin merekodkan dengan hebatnya kepada mereka yang telah ambil bahagian pada 21 Disember, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman; Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan; Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg; Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han; Yang Berhormat Dato' Hoh Khai Mun; Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar; Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat; Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah; Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas; Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor; Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin; Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong; Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya; Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat; Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung; dan Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

Pada 22 Disember, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat; Yang Berhormat Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin; Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng; Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul; Yang Berhormat Puan Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail; Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Datuk Tuan Lihan Jok; Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah; Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin; Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed; Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus; Yang Berhormat Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad; Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim; Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan A/L Solaimalai; Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee; dan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Saya ingat Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim dia tidak sebut ya, tidak termasuk.

Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, dalam apa keadaan sekalipun saya ucap terima kasih kerana memberi peluang untuk saya menjawab. Saya juga telah menjawab hampir semua kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi saya ucap terima kasih dan kepada yang telah berbahas dan saya memohon untuk rang undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya panggil Yang Berhormat untuk seterusnya...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *No*, duduk dulu. Yang Berhormat semua, saya telah mengikuti Majlis ini khususnya dalam membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara daripada mula sampai ke akhir. Saya telah menumpukan sepenuh minat dan terperincinya segala perjalanan.

Saya ingin menarik perhatian semua, saya terpanggil dan saya dapatkan sedutan apa yang diberi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi untuk menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat iaitu beliau ada berkata sedemikian, *quote* ya, *"Saya selaku Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk membentang Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2015 ini, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dengan secara lebih aktif dan teliti membahaskan rang undang-undang ini.*

*Didapati Dewan Negara telah berpeluang untuk membahaskan rang undang-undang ini selama dua hari dan telah diberi peluang seluas-luasnya untuk semua Ahli Dewan membuat perbahasan yang saya mengikuti dengan penuh teliti dan rapi.*

*Rang undang-undang ini telah menghuraikan tujuan dan berbagai-bagai aspek; bermakna rang undang-undang ini bertujuan untuk kebaikan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara tercinta. Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak sekali-kali berniat atau bertujuan menyusahkan rakyat ataupun dahaga kuasa untuk memerintah negara ini.*

*Setelah mendengar semua perbahasan, jelas bagi saya didapati ramai berpandangan bahawa rang undang-undang ini adalah baik dan bertujuan untuk menjaga ketenteraman dan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab mengambil kira secara teliti di atas segala teguran dan kritikan yang membina dibangkitkan dalam Dewan ini. Sebagai contohnya, ramai memberi pandangan, tafsiran dan juga perkara-perkara secara lebih ilmiah daripada segi undang-undang yang wajar diperbetulkan.*

*Setelah mengambil kira keseluruhan perkara yang dibangkitkan, saya ingin menyatakan kesediaan kerajaan untuk mempertimbang dan memperhalusi semua cadangan yang dikemukakan di Dewan yang Mulia ini.*

*Sekiranya didapati ada apa-apa kelemahan yang boleh diperbaiki dalam rang undang-undang ini, maka pihak kerajaan akan membuat sesuatu yang terbaik untuk mengatasinya dengan mengemukakan penambahbaikkan yang sewajarnya pada masa akan datang."*

Saya harap Yang Berhormat semua faham ya. Bermakna segala pandangan, tidak kiralah mana pihak sekalipun, telah pun Yang Berhormat Menteri mengambil kira dan pengakuan itu saya selagi saya hidup, saya tidak lupa. Ini satu komitmen kerajaan juga. *So,* saya harap semua fahamlah itu, makna Menteri ambil kira. Sudah itu, terpulang kepada pihak kementerian meneliti perkara ini. Seterusnya saya...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun atas peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah itu Yang Berhormat?

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Peraturan Mesyuarat 53(1). Saya terima apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan berapa tadi?

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Peraturan Mesyuarat 53.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 53, Yang Berhormat bagi saya Peraturan Mesyuarat 74(1).

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *No*, Peraturan Mesyuarat 53, sudah tukar ini. Kalau *I* tengok Peraturan Mesyuarat 53 ini, biar saya baca Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, nanti dulu Yang Berhormat. Saya yang terima Yang Berhormat kemukakan ini...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ya, tapi kalau baca Peraturan Mesyuarat 53...

**Tuan Yang di-Pertua:** 22 Disember hari ini...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ya tapi kalau *I* baca Peraturan Mesyuarat 53(1) ini yang telah diberi *oath,* biar saya baca Tuan Yang di-Pertua dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan, silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Setelah dibacakan rang undang-undang kali yang kedua, maka rang undang-undang ini akan terserah kepada sebuah jawatankuasa sebuah-buah Majlis kecuali jika Majlis dengan dikeluarkan suatu usul menyerahkannya kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan. Usul ini tidak berkehendakkan dikeluarkan pemberitahu tetapi mestilah dicadangkan sebaik-baik sahaja dibacakan rang undang-undang itu kali yang kedua,macam sekarang ini dan boleh dicadangkan oleh siapa-siapa ahli. Masalah atas usul ini hendaklah dikemukakan serta-merta kepada mesyuarat bagi diputuskan dan hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas. Saya akan buat, terpulang kepada Majlis untuk terima atau tidak, saya baca saja. Terpulang kepada Majlis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah Yang Berhormat, sudah.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Cadangan, *I* kena baca *Motion* itu *then* terpulang baru lepas itu saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Dengan segala hormatnya, seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat 53(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya ingin mencadangkan supaya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan untuk dikaji semula dengan tujuan membuat penambahbaikan, *first.*

Kedua, seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat 74(1) dan Peraturan Mesyuarat 74(2), Pengerusi Jawatankuasa serta ahli-ahli yang akan berkhidmat pada Jawatankuasa ini adalah tertakluk kepada perintah Majlis.

Ketiga, seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat 75(4), perbincangan jawatankuasa ini akan dihadkan kepada Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara sahaja yang dibentangkan di Dewan Negara pada 21 Disember 2015 dan kepada pindaan-pindaan yang berkaitan dengan rang undang-undang. Satu lagi yang amat penting, saya juga ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 51(1) yang tidak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 50...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Peraturan Mesyuarat 54(1) yang tidak membenarkan membahaskan asas rang undang-undang tetapi hanya butirannya.

**■2010**

*That means,* soal pokok kita tak soal. Kita cuma hendak soal penambahbaikan. Akhir sekali, itu *Motion* akhir sekali sahaja. Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini sebenarnya macam Yang Berhormat Menteri cakap. Saya sebenarnya hari ini saya rasa bangga jadi seorang Ahli Dewan Negara pada hari ini pasal buat kali yang pertama saya tengok Ahli Dewan Negara lebih hebat daripada mereka dari Ahli Dewan Rakyat. Pendirian dari Presiden Majlis Senator Malaysia, ramai ahli yang lain macam telah diterangkan, cakap ikut suara hati mereka. *So*, akhir sekali saya cuma hendak buat satu rayuan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah akhir dah tadi. Ada lagi?

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Hendak buat satu rayuan supaya *Motion* ini dibentangkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payah Yang Berhormat...

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Terpulang, terpulang..

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Dibentangkan sahaja.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Okey. Sebenarnya saya membentangkan *motion* ini dengan satu permintaan kalau boleh dibuat belah bahagi untuk menjamin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, satu-satulah...

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Okey, *I* bentangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun seronok juga ada Yang Berhormat macam ini. Saya bersedia menimbangkannya. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat, saya terima surat daripada Yang Berhormat ini bertarikh 22 Disember dialamatkan kepada saya selaku Tuan Yang di-Pertua. Dia kata di sini, saya hendak bacakan ini ya?

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Ya, baca okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ini saya terima dulu ini. Saya tak terima tentang Artikel 151 ini. Dengan segala hormatnya seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat 74, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya ingin mencadangkan supaya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan untuk dikaji semula dengan tujuan membuat penambahbaikan.

Seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat 74(1) dan Peraturan Mesyuarat 74(2), Pengerusi Jawatankuasa ini serta ahli-ahli yang akan berkhidmat di Jawatankuasa ini adalah tertakluk kepada Perintah Majlis.

Para seterusnya, seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat 75(4), perbincangan Jawatankuasa ini akan dihadkan kepada Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 sahaja yang di bentang di Dewan Negara pada 21 Disember 2015 dan kepada pindaan-pindaan yang berkaitan dengan rang undang-undang ini.

*Last paragraph*, yang terakhir- saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua kepada Peraturan 25(1)(r) yang mengecualikan pendirian pemberitahu. Segala pertimbangan Tuan Yang di-Pertua didahului dengan diucap terima kasih.

Ini yang saya terima daripada Yang Berhormat ya. Saya pun buat rujukan dan saya dah kaji. Kalau 74(1) Yang Berhormat, saya boleh tolak seterusnya. Kalau hendak baca betul-betul 74(1) itu, menjelaskan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan adalah dilantik dengan Perintah Majlis. Majlis, atas Perintah Majlis, ini bukan Majlis yang perintah, *you* yang perintah *[Ketawa] So*, tak betul. Nanti kejap*, don't laugh* biarlah saya habiskan dulu. Sabar, sabar.

Saya suruh *[Ketawa]* Kalau baca sungguh-sungguh Yang Berhormat, *I know you* seorang peguam, saya pun peguam juga. Tengok daripada *paragraph* 70(1), tajuk Jawatankuasa Pilihan. *You got to read, you* kena baca daripada 70(1) itu sampailah ke seterusnya. *So*, maknanya tidak ada relevan kalau diberi 74(1) sahaja. Sekarang baru Yang Berhormat bangkit pula 53(1). Sebenarnya Yang Berhormat, agak selepas *you* tulis, *you* buat kaji semula agaknya...

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nantilah kejap, saya suruh tunggu, tunggu. Biar saya habis dulu *[Ketawa]* Peraturan 53(1) ini ada relevan kerana saya fikir saya rasa ini secara terbuka. *As what you said, we are not here to be this one,* hendak lari daripada kenyataan. *We are prepared*, kita bersedia menerima teguran dan membuat pembetulan. Di bawah Peraturan Mesyuarat 53(1) yang *you* sudah baca tadi ya, ini relevan. *So,* dengan cara ini kerana ketelusan, keterbukaan Dewan Negara ini, saya bersedia membincangkan Yang Berhormat punya cadangan.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu, biar selesai. Saya buat satu Usul ya, yang Yang Berhormat bangkit tadi. Usul ini perlu dikemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara sebaik sahaja Menteri tadi bagi jawapan dan sebelum rang undang-undang ini diputuskan, saya hendak menarik perhatian semua Yang Berhormat. Dengar baik-baik Yang Berhormat ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Chandra Mohan tadi kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah untuk menyerahkan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan di bawah Peraturan Mesyuarat 53(1) hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]*

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Jawatankuasa.]***

*Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.*

***[Fasal-fasal 1 hingga 44*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula.]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Demikianlah Yang Berhormat, saya rasa kita pun telah bersidang... *[Tepuk]* Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Kita dalam Dewan Negara ini jangan anggap kita membuat sesuatu yang bukan-bukan. Kita mesti menampakkan kebertanggungjawaban. Kita sokong benda yang patut, dan tak sokong mana yang tak patut.

Saya ingin menarik perhatian sekali lagi saya hendak ulang kepada semua Ahli Yang Berhormat yang diberi pengakuan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri tadi. Maknanya, semua yang Yang Berhormat cadangkan itu diambil kira. Kalau sekiranya ada sesuatu yang difikirkan agaknya betul-betul perlu dipinda, akan dibawa ke persidangan Dewan yang akan datang iaitu lebih kurang tiga bulan sahaja. Inilah menunjukkan bahawa keterbukaan dan kesediaan. Saya harap semua jangan salah anggapan, jangan ada prasangka, jangan ada prejudis kerana apa yang kita buat dan yang dilakukan adalah yang terbaik. Bukan untuk siapa-siapa, untuk negara tercinta.

Seterusnya, saya ingin menarik perhatian juga sekali lagi diucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan, semua sekali kerana telah mengambil bahagian daripada mula sehingga akhir. Saya mendoakan supaya Yang Berhormat semua kembali ke pangkuan keluarga yang duduk di luar dari Kuala Lumpur. Kita harap semua akan selamat dalam perjalanan.

Sekian Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, *wabillaahi taufik wal hidayah, Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh [Tepuk]*

***[Dewan ditempohkan pada pukul 8.21 malam.]***